

**Jilid I
Bil. 50**



**Hari Khamis
13hb Januari, 1972**

PENYATA RASMI

OFFICIAL REPORT

DEWAN RA'AYAT

House of Representatives

PARLIMEN KETIGA

Third Parliament

PENGGAL PARLIMEN PERTAMA

First Session

KANDONGAN-NYA

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN² [Ruangan 5655]

RANG UNDANG²:

Rang Undang² Perbekalan, 1972 (12hb Januari, 1972) [Ruangan 5691]

USUL:

Uchapan Penanggoan (Ra'ayat Menubuhkan Chawangan DAP—Polis Menakut²kan Ra'ayat) [Ruangan 5754]

MALAYSIA

DEWAN RA'AYAT YANG KETIGA

Penyata Rasmi

PENGGAL YANG PERTAMA

Hari Khamis, 13hb Januari, 1972

Meshuarat di-mulakan pada pukul 2.30 petang

YANG HADHIR:

- Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, DATO' CHIK MOHAMED YUSUF BIN SHEIKH ABDUL RAHMAN, S.P.M.P., J.P., Dato' Bendahara Perak.
- Yang Amat Berhormat Perdana Menteri, Menteri Luar Negeri dan Menteri Pertahanan, TUN HAJI ABDUL RAZAK BIN DATO' HUSSEIN, S.M.N. (Pekan).
- „ Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUN DR ISMAIL AL-HAJ BIN DATO' HAJI ABDUL RAHMAN, S.S.M., P.M.N., S.P.M.J. (Johor Timor).
- Yang Berhormat Menteri Perhubungan, TAN SRI HAJI SARDON BIN HAJI JUBIR, P.M.N. (Pontian Utara).
- „ Menteri Perdagangan dan Perindustrian, TUAN MOHAMED KHIR JOHARI (Kedah Tengah).
- „ Menteri Hal Ehwal Sarawak, TAN SRI TEMENGGONG JUGAH ANAK BARIENG, P.M.N., P.D.K., P.N.B.S., O.B.E., Q.M.C. (Ulu Rajang).
- „ Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TAN SRI V. MANICKAVASAGAM, P.M.N., S.P.M.S., J.M.N., P.J.K. (Klang).
- „ Menteri Pertanian dan Perikanan, TAN SRI HAJI MOHAMED GHAZALI BIN HAJI JAWI, P.M.N., D.P.C.M. (Kuala Kangsar).
- „ Menteri Kesihatan, TUAN LEE SIOK YEW, A.M.N., P.J.K. (Sepang).
- „ Menteri Kebajikan 'Am, TAN SRI FATIMAH BINTI HAJI HASHIM, P.M.N. (Jitra-Padang Terap).
- „ Menteri Pelajaran, TUAN HUSSEIN BIN DATO' ONN, P.I.S., M.B.E. (Johor Bahru Timor).
- „ Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan, DATO' ONG KEE HUI, P.N.B.S. (Bandar Kuching).
- „ Menteri Perusahaan Utama, TUAN ABDUL TAIB BIN MAHMUD (Samarahan).
- „ Timbalan Menteri Kewangan, TUAN ALI BIN HAJI AHMAD (Pontian Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan, DATO' ABDUL SAMAD BIN IDRIS, J.M.N., A.M.N., P.J.K. (Kuala Pilah).

- Yang Berhormat Timbalan Menteri Buroh dan Tenaga Ra'ayat, TUAN LEE SAN CHOON, K.M.N. (Segamat Selatan).
- „ Timbalan Menteri Pertahanan, Y.M. TENGKU AHMAD RITHAUDEEN AL-HAJ BIN TENGKU ISMAIL, P.M.K. (Kota Bharu Hilir).
- „ Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri, TUAN MOHAMED BIN YAACOB, P.M.K., S.M.T. (Tanah Merah).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Perdana Menteri, WAN ABDUL KADIR BIN ISMAIL, P.P.T. (Kuala Trengganu Utara).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Penerangan, TUAN SHARIFF AHMAD (Langat).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pengangkutan, TUAN MOHAMED BIN UJANG, A.M.N., P.J.K. (Jelebu-Jempol).
- „ DATO' DR HAJI ABDUL AZIZ BIN OMAR, D.J.M.K., J.M.N., J.M.K., S.M.K. (Tumpat).
- „ Y.A.M. TUNKU ABDULLAH IBNI ALMARHUM TUANKU ABDUL RAHMAN, P.P.T. (Rawang).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAHMAN BIN YA'KUB, P.N.B.S. (Payang).
- „ TUAN HAJI ABDUL RASHID BIN HAJI JAIS, A.D.K. (Sabah Selatan).
- „ DATO' HAJI ABDUL RAZAK BIN HAJI HUSSIN, D.S.W., J.S.M. (Lipis).
- „ TUAN HAJI ABDUL WAHAB BIN YUNUS (Dungun).
- „ PENGHULU ABIT ANAK ANGKIN, P.P.N. (Kapit).
- „ TUAN ABU BAKAR BIN UMAR (Kubang Pasu Barat).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN ARSHAD, A.M.N. (Muar Utara).
- „ PENGIRAN AHMAD BIN PENGIRAN INDAR (Kinabatangan).
- „ TUAN HAJI AHMAD BIN SA'ID, J.P. (Seberang Utara).
- „ TUAN HAJI AHMAD DAMANHURI BIN HAJI ABDUL WAHAB, P.M.P., P.J.K. (Hilir Perak).
- „ TAN SRI HAJI NIK AHMED KAMIL, D.K., S.P.M.K., S.J.M.K., P.M.N. (Ulu Kelantan).
- „ DR AWANG BIN HASSAN, S.M.J. (Muar Selatan).
- „ TUAN AZAHARI BIN MOHD. TAIB, J.S.M., S.M.K., A.M.N., J.P. (Sungei Patani).
- „ DATO' PENGARAH BANYANG ANAK JANTING, Q.M.C., P.B.S., P.N.B.S. (Julau).
- „ CHEGU BAUDI BIN UNGGUT (Bandau).
- „ TUAN BOJENG BIN ANDOT (Simunjan).
- „ TUAN BUJA BIN GUMBILAI (Tuaran).
- „ AWANG BUNGSU BIN ABDULLAH (Limbang-Lawas).
- „ TUAN HAJI AWANG WAL BIN AWANG ABU (Santubong).
- „ TUAN CHAN FU KING (Telok Anson).
- „ TUAN CHAN SIANG SUN, A.M.N., P.J.K., J.P. (Bentong).
- „ TUAN CHAN YOON ONN (Ulu Kinta).
- „ TUAN CHEN KO MING, P.B.S., A.M.N. (Sarikei).
- „ DR CHEN MAN HIN (Seremban Timor).

Yang Berhormat TUAN VALENTINE COTTER *alias* JOSEPH VALENTINE COTTER
(Bau-Lundu).

- „ TUAN PETER PAUL DASON (Pulau Pinang Utara).
- „ TUAN V. DAVID (Dato Kramat).
- „ TUAN EDWIN ANAK TANGKUN, A.B.S. (Batang Lupar).
- „ TUAN FAN YEW TENG (Kampar).
- „ DATIN HAJAH FATIMAH BINTI HAJI ABDUL MAJID, J.M.N., P.I.S.
(Batu Pahat Dalam).
- „ TUAN HASHIM BIN GERA (Parit).
- „ TUAN RICHARD HO UNG HUN (Sitiawan).
- „ TUAN HOR CHEOK FOON (Damansara).
- „ TUAN HUSSAIN BIN HAJI SULAIMAN (Besut).
- „ TAN SRI SYED JAAFAR BIN HASAN ALBAR, P.M.N. (Johor Tenggara).
- „ TAN SRI KHAW KAI-BOH, P.M.N., P.J.K. (Ulu Selangor).
- „ TUAN KHOO PENG LOONG, O.B.E. (Bandar Sibul).
- „ TUAN EDMUND LANGGU ANAK SAGA, P.B.S. (Saratok).
- „ TUAN LATIP BIN HAJI IDRIS (Mukah).
- „ TUAN LIM CHO HOCK (Batu Gajah).
- „ DR LIM CHONG EU (Tanjong).
- „ TUAN LIM KIT SIANG (Bandar Melaka).
- „ TUAN LIM PEE HUNG, P.J.K. (Alor Star).
- „ TUAN LOH JEE MEE (Batang Padang).
- „ TUAN WALTER LOH POH KHAN (Setapak).
- „ TUAN LUHAT WAN (Baram).
- „ TUAN ANDREW MARA ANAK WALTER UNJAH (Betong).
- „ TUAN HAJI MAWARDI BIN LEBAI TEH (Kota Star Utara).
- „ DR MOHAMED BIN TAIB, P.M.K., P.J.K. (Kuantan).
- „ TUAN MOHD. ARIF BIN SALLEH, A.D.K. (Sabah Dalam).
- „ DATO' HAJI MOHAMED ASRI BIN HAJI MUDA, S.P.M.K.
(Kota Bharu Hulu).
- „ TUAN HAJI MOHD. CHIK JOHARI ONDU MAJAKIL (Labuan-Beaufort).
- „ TUAN MOHD. DAUD BIN ABDUL SAMAD (Kuala Trengganu Selatan).
- „ TUAN MOHD. NOR BIN MD. DAHAN, A.M.N., J.P. (Ulu Perak).
- „ TAN SRI MOHAMMAD SAID BIN KERUAK, P.M.N., S.P.D.K. (Kota Belud).
- „ TUAN MOHD. SALLEH BIN DATO' PANGLIMA ABDULLAH (Darvel).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN ABDUL MAJID, S.M.S., P.J.K. (Kuala Langat).
- „ TUAN MOHD. TAHIR BIN HAJI ABDUL MANAN (Kapar).
- „ TUAN HAJI MOHAMED YUSOF BIN MAHMUD, A.M.N. (Temerloh).
- „ TUAN HAJI MOHD. ZAIN BIN ABDULLAH (Bachok).

Yang Berhormat DATO' ENSKU MUHSEIN BIN ENSKU ABDUL KADIR, D.P.M.T., J.M.N.
(Trengganu Tengah).

- „ WAN MOKHTAR BIN AHMAD, P.J.K. (Kemaman).
- „ TUAN HAJI MOKHTAR BIN HAJI ISMAIL (Perlis Selatan).
- „ TUAN MUHAMMAD FAKHRUDDIN BIN HAJI ABDULLAH, J.P.
(Pasir Mas Hilir).
- „ DATO' HAJI MUSTAPHA BIN HAJI ABDUL JABAR, D.P.M.S., J.M.N., A.M.N.,
J.P. (Sabak Bernam).
- „ TUAN MUSTAPHA BIN HUSSAIN (Seberang Tengah).
- „ TUAN JONATHAN NARWIN ANAK JINGGONG (Lubok Antu).
- „ TAN SRI SYED NASIR BIN ISMAIL, P.M.N., J.M.N., D.P.M.J., P.I.S.
(Muar Dalam).
- „ TUAN NG HOE HUN (Larut Selatan).
- „ RAJA NONG CHIK BIN RAJA ISHAK, P.J.K. (Kuala Selangor).
- „ TUAN OTHMAN BIN ABDULLAH, A.M.N. (Perlis Utara).
- „ PENGARAH RAHUN ANAK DEBAK (Serian).
- „ TUAN R. C. M. RAYAN *alias* R. C. MAHADEVA RAYAN (Ipoh).
- „ TUAN SEAH TENG NGIAB, P.I.S., S.M.J. (Muar Pantai).
- „ DR SEEVARATNAM, P.J.K. (Seremban Barat).
- „ TUAN HAJI SHAFIE BIN ABDULLAH, A.M.N., B.C.K. (Baling).
- „ TUAN SOH AH TECK, A.M.N. (Batu Pahat).
- „ DR A. SOORIAN (Port Dickson).
- „ TUAN SU LIANG YU (Bruas).
- „ TUAN SULAIMAN BIN BULON, P.J.K. (Bagan Datoh).
- „ WAN SULAIMAN BIN HAJI IBRAHIM, S.M.K. (Pasir Puteh).
- „ DR SULAIMAN BIN MOHAMED ATTAS, J.P., P.J.K. (Rembau-Tampin).
- „ TUAN SULAIMAN BIN HAJI TAIB (Krian Laut).
- „ TUAN TAI KUAN YANG, A.M.N., P.J.K. (Kulim Bandar Bharu).
- „ TUAN TAJUDIN BIN ALI, P.J.K. (Larut Utara).
- „ DR TAN CHEE KHOON (Batu).
- „ TUAN TAN CHENG BEE, A.M.N., J.P. (Bagan).
- „ TUAN TIAH ENG BEE, P.I.S. (Kluang Utara).
- „ TUAN JAMES STEPHEN TIBOK, A.D.K. (Penampang).
- „ TUAN TIBUOH ANAK RANTAI (Rajang).
- „ TUAN TING MING KIONG (Bintulu).
- „ TUAN JOSEPH UNTING ANAK UMANG (Kanowit).
- „ TUAN V. VEERAPPEN (Seberang Selatan).
- „ DATO' JAMES WONG KIM MIN, P.N.B.S. (Miri-Subis).
- „ TUAN YEH PAO TZU, A.M.N. (Tawau).
- „ TUAN YEOH TECK CHYE (Bukit Bintang).

Yang Berhormat TUAN STEPHEN YONG KUET TZE (Padawan).

- „ TUAN HAJI YUSOF BIN HAJI ABDULLAH *alias* HAJI YUSOF RAWA (Kota Star Selatan).
- „ TENGKU ZAID BIN TENGKU AHMAD, D.P.M.K., J.M.K., S.M.K. (Pasir Mas Hulu).

YANG TIADA HADHIR:

Yang Berhormat Menteri Kewangan, TUN TAN SIEW SIN, S.S.M., J.P. (Melaka Tengah).

- „ Menteri Perpaduan Negara, TUN V. T. SAMBANTHAN, S.S.M., P.M.N. (Sungei Siput).
- „ Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, TUAN ABDUL GHAFAR BIN BABA (Melaka Utara).
- „ Menteri Kerja Raya dan Tenaga, DATO' HAJI ABDUL GHANI GILONG, P.D.K., J.P. (Kinabalu).
- „ Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan, DATO' HAMZAH BIN DATO' ABU SAMAH, S.M.K., D.S.R., S.I.M.P. (Raub).
- „ Setiausaha Parlimen kepada Menteri Pelajaran, TUAN MOHAMED BIN RAHMAT (Johor Bahru Barat).
- „ NIK ABDUL AZIZ BIN NIK MAT, J.P. (Kelantan Hilir).
- „ Y.T.M. TUNKU ABDUL RAHMAN PUTRA AL-HAJ, K.O.M., C.H., D.M.N. (Kuala Kedah).
- „ TUAN AHMAD BIN HAJI ITHNIN (Melaka Selatan).
- „ PUAN BIBI AISHAH BINTI HAMID DON, A.M.N., P.J.K. (Kulim Utara).
- „ TUAN AJAD BIN O. T. UYONG (Labuk-Sugut).
- „ DR CHU CHEE PENG (Kluang Selatan).
- „ TUAN THOMAS SELVARAJ GABRIEL (Pulau Pinang Selatan).
- „ TUAN GOH HOCK GUAN (Bungsar).
- „ TUAN HANAFIAH HUSSAIN, A.M.N. (Jerai).
- „ TUAN LEE SECK FUN, K.M.N. (Tanjong Malim).
- „ TUAN PETER LO SU YIN (Sandakan).
- „ TUAN MUSA BIN HITAM (Segamat Utara).
- „ TUN DATU HAJI MUSTAPHA BIN DATU HARUN, S.M.N., P.D.K., K.V.O., O.B.E. (Marudu).
- „ DATO' PANG TET TSHUNG, P.D.K. (Kota Kinabalu).
- „ TUAN RAMLI BIN OMAR, K.M.N., P.M.P. (Krian Darat).
- „ DATO' S. P. SEENIVASAGAM, D.P.M.P., P.M.P., J.P. (Menglembu).
- „ PENGIRAN TAHIR BIN PENGIRAN PATERA (Kimanis).

YANG HADHIR BERSAMA:

Yang Berhormat Peguam Negara, TAN SRI ABDUL KADIR BIN YUSOF, P.M.N., P.J.K. (Di-lantek).

DO'A

(Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Meshuarat*)

JAWAPAN² MULUT BAGI PERTANYAAN²

PAKAR² PERDAGANGAN/ PERUSAHAAN LUAR NEGERI MELABOR MODAL

1. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam lawatan beliau ka-Bangsa² Bersatu tempoh hari, beliau telah mengadakan perjumpaan khas dengan pakar² perdagangan dan perusahaan dan juga jurubank (bankers) di-Kanada, Amerika Sharikat dan Jepun, dan jika ada, dapat-kah beliau memberitahu Dewan:

- (a) apa-kah persetujuan yang telah di-chapai dalam hasrat mereka hendak membantu Malaysia dalam bidang Ranchangan Malaysia Kedua;
- (b) apa yang telah di-persetujui oleh Amerika Sharikat mengenai jualan getah simpanan-nya yang melumpuhkan ekonomi Malaysia khas-nya ekonomi negara² pengeluaran getah asli yang lain am-nya, sa-tiap kali di-lakukan jualan getah simpanan itu; dan
- (c) ada-kah beliau menjemput mereka melaborkan modal di-Malaysia dan bagaimana pula sambutan mereka terhadap chadangan ini.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua,

- (a) pada masa lawatan saya ka-Kanada, Amerika Sharikat dan Jepun, saya telah berunding dengan kumpulan² pengusaha, ahli² bank dan ahli² kewangan tentang kemudahan² pelaburan di-Malaysia dan beberapa kumpulan pengusaha telah pun membayangkan keinginan mereka untuk melabor modal di-Malaysia.
- (b) Berkenaan dengan jualan getah simpanan, Kerajaan Amerika Sharikat telah bersetuju bahawa ranchangan jualan getah simpanan akan di-kurangkan dari 6,000 tan sa-bulan kepada 4,000 tan sa-bulan dengan tidak melebihi 50,000 tan sa-tahun.

(c) Sambutan ada-lah baik tetapi ada-lah sukar hendak meramalkan jumlah pelaburan yang di-jangka akan di-buat di-Malaysia. Walau bagaimana pun, sa-bagai contoh, saya suka menyatakan bahawa apabila projek limbongan kapal di-Johor di-laksanakan, jumlah pelaburan akan berjumlah lebih kurang \$130 juta.

PROJEK LETRIK HAIDRO TEMENGGOR—PINJAMAN

2. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Perdana Menteri menyatakan sama ada dalam lawatan beliau ka-Kanada dalam bulan Oktober, 1971 beliau telah membuat satu perjanjian pinjaman jangka panjang dengan Kerajaan Kanada untuk membiayai projek² dalam Ranchangan Pembangunan Malaysia Yang Kedua dan ada-kah pinjaman itu berupa "tied loan" atau "untied loan", dan sa-lain daripada itu apa-kah bantuan dari Kanada terhadap Ranchangan Malaysia Kedua; dan apa-kah sumbangan Kerajaan Kanada terhadap Malaysia dalam bidang pelajaran dan latehan teknik dalam Ranchangan Malaysia Yang Pertama.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, di-masa lawatan rasmi saya ka-Kanada, saya telah menanda-tangani satu perjanjian pinjaman untuk membiayai ranchangan pembangunan bekalan letrik bagi Lembaga Letrik Negara, khusus-nya untuk Projek Letrik Haidro di-Temenggor, Ulu Perak dan ranchangan² yang berkaitan. Pinjaman ini boleh di-gunakan untuk membeli dari Kanada alat², perkakas dan perkhidmatan² pakar yang di-kehendaki berkaitan dengan projek² Lembaga itu.

Tuan Trudeau, Perdana Menteri Kanada, dalam perbincangan rasmi dengan saya, telah mengesahkan bahawa Kerajaan Kanada akan meneruskan dasar-nya meng-anggapkan Malaysia sa-bagai satu negara untuk menumpukan bantuan (aid concentrate state) Kerajaan Kanada akan menimbangkan dan, di-mana sesuai, membantu projek² yang di-kemukakan seperti yang lazim-nya di-bawah Ranchangan Colombo. Ini termasuk-lah ranchangan² latehan dan juga perkhidmatan pakar² dan bantuan² teknik.

PERKECHUALIAN LAUTAN HINDI

3. Tuan Haji Mokhtar bin Haji Ismail minta Menteri Luar Negeri menyatakan sama ada dalam lawatan beliau ka-Perhimpunan Agong Bangsa² Bersatu baru² ini, beliau telah berbincang dengan wakil² badan dunia itu berhubung dengan Perkechualian Lautan Hindi supaya:

- (a) kapal² udara yang berupa pertahanan (defensive) mahu pun penyerang (offensive) hendaklah jangan meronda di-lautan itu;
- (b) kapal² dagang antarabangsa bebas menggunakan lautan itu;
- (c) kapal² perang termasuk kapal² selam hendaklah di-tegah berhenti (halt) berlaboh di-dalam lautan itu kechuali dengan sebab² kechemasan atau lain² sebab yang tidak dapat di-elakkan; dan
- (d) jangan di-benar perang olok² (naval manoeuvre) di-lautan itu.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, perbincangan² 'am telah di-adakan dengan Wakil² Pertubohan Bangsa² Bersatu. Sebagaimana Alhi Yang Berhormat sedia ketahui, chadangan untuk membuat Lautan Hindi sa-bagai satu kawasan yang aman telah di-bincangkan di-meshuarat Negara² yang berkechuali di-New York di-masa itu juga. Meshuarat itu telah menyokong konsep tersebut. Malaysia telah juga menyokong keputusan tersebut.

Perkara ini juga telah di-perbincangkan di-Pertubohan Bangsa² Bersatu. Malaysia mengambil bahagian di-dalam perbincangan tersebut dan menyokong revolusi pertubohan dunia itu untuk menjadikan Lautan Hindi sa-bagai satu kawasan yang aman.

Tuan Haji Ahmad bin Arshad: Soalan tambahan. Dengan ada-nya perlumbaan kuasa² besar seperti Amerika dan Russia hendak menggunakan pengkalan-nya di-Lautan Hindi dan ini juga di-churiga² oleh Kerajaan China Kominis, tidak-kah ini akan menggagalkan usaha kita hendak menjadikan kawasan ASEAN kawasan berkechuali.

Perdana Menteri: Tuan Yang di-Pertua, harapan kita ia-lah Lautan Hindi itu tidak di-jadikan lautan conflict atau tempat pertentangan atau pergadohan kuasa² besar.

Dan ini-lah keputusan yang telah di-ambil dan kita berharap kuasa² besar akan menghormati keputusan Badan Bangsa² Bersatu.

LOTERI KEBAJIKAN MASHARAKAT—JUALAN TIKET

4. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kewangan menyatakan:

- (a) berapa-kah untong berseh daripada jualan Tiket Loteri Kebajikan Masharakat dari tahun 1969 hingga sekarang; dan
- (b) berapa-kah hadiah yang tidak di-tuntut hingga sekarang dan bagaimana-kah Lembaga ini menggunakan wang yang tidak di-tuntut itu.

Timbalan Menteri Kewangan (Tuan Ali bin Haji Ahmad): Tuan Yang di-Pertua,

- (a) Angka² keuntongan berseh daripada jualan tiket² Loteri Kebajikan dan Masharakat bagi tahun 1969 dan 1970 boleh di-dapati daripada Laporan Tahunan Lembaga Loteri Kebajikan Masharakat untuk tahun² yang berkenaan itu. Keuntongan berseh bagi tahun 1971 (sa-hingga chabutan yang ke-11) berumlah \$4,569,103;
- (b) Angka² hadiah yang tidak di-tuntut bagi tempoh tahun 1969-1970 boleh juga di-dapati dari Laporan² Tahunan tersebut. Angka² hadiah yang tidak di-tuntut bagi tahun 1971 belum lagi di-lengkapkan oleh Lembaga tersebut.

Semua hadiah yang tidak di-tuntut menjadi hasil dan di-kreditkan kepada Kumpulan Wang Yang di-Satukan. Oleh yang demikian, Lembaga itu tidak menggunakan wang² tersebut.

Dr Chen Man Hin: (Dengan izin) Can the Honourable Deputy Minister tell how much of the profits made by the Social and Welfare Services Lotteries Board is contributed for the welfare of old men, handicapped people and poor people in this country?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat itu faham bahawa sa-bagaimana yang saya katakan tadi tentang angka² ini boleh di-dapati di-dalam laporan² bagi tahun² yang berkenaan. Hanya yang perlu bagi Ahli Yang Berhormat itu ia-lah membaca laporan² yang telah di-bentangkan di-dalam Majlis ini.

Dr Chen Man Hin: Thank you, the Honourable Deputy Minister, but is the Honourable Deputy Minister aware that the number of welfare homes for the handicapped and the aged is quite inadequate? A number of old people who applied for admission into these homes have been turned away often. Therefore, the amount of money allotted for the construction of such homes is inadequate.

Tuan Ali bin Haji Ahmad: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, that is a separate matter. The question before us is the amount of money that the Social and Welfare Services Lotteries Board made and not whether the allocation to the welfare homes is enough or not. That is a separate matter.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Can the Deputy Minister tell this House whether the sales of Social Welfare lottery tickets have fallen since May 13 as compared to before?

Tuan Ali bin Haji Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, saya harap Ahli Yang Berhormat yang berchakap tadi mendengar jawapan saya. Perkara² yang sa-umpama ini boleh di-dapati daripada laporan² yang berkenaan. Saya harap Ahli Yang Berhormat itu buat-lah sedikit home work.

Dr A. Soorian: Dato' Yang di-Pertua, to the best of my knowledge I cannot get the information from the report. So I would like the Deputy Minister to elucidate this House as to the state of affairs.

Tuan Yang di-Pertua: But the Deputy Minister has already stated that you can get it somewhere in the report of the Social and Welfare Services Lotteries Board. If you have not got it, you have got to make it your duty to get it (*Ketawa*).

KERETAPI TANAH MELAYU— MEMAJUKAN

5. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan bagaimana-kah beliau hendak memajukan Keretapi Tanah Melayu dan bagaimana-kah wang sa-banyak 85 juta ringgit itu hendak di-gunakan.

Menteri Perhubungan (Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir): Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Perhubungan ada-lah sentiasa memberi perhatian sepenoh²-nya kepada perjalanan Pentadbiran Keretapi Tanah

Melayu. Beberapa langkah² yang tertentu, yang di-fikirkan sesuai telah di-ambil oleh Kerajaan bagi memajukan Keretapi Tanah Melayu. Dengan tujuan untuk memajukan dan menjadikan Keretapi Tanah Melayu sebagai sa-buah organisasi pengangkutan yang progresif. Beberapa projek yang besar² akan di-laksanakan dalam Rancangan Malaysia Kedua. Projek² itu terdiri daripada projek² pemuliharaan dan pembaharuan atas kemudahan² fizikal dan alat² kelengkapan keretapi dengan tujuan untuk melengkapkan keretapi bagi menghadapi keperluan pengangkutan yang semakin berkembang itu. Sa-laras dengan langkah² memoden dan menambahkan kemudahan² fizikal dan alat² keretapi, Kerajaan juga telah mengambil tindakan menyusun semula sistem Pentadbiran Keretapi supaya ia dapat memberi perkhidmatan yang berkesan dan bermutu.

Peruntukan wang sa-banyak \$85.7 juta bagi Keretapi Tanah Melayu di-bawah Rancangan Malaysia Kedua itu akan di-gunakan untuk membiayai projek² seperti berikut:

Untuk menyempurnakan Rancangan Diselisation	
Perengkat V	\$33,451,000
Membeli Gerabak "Pallet"	4,295,000
Sekolah Latehan	1,700,000
Menggantikan kapada Disel Perengkat VI	12,933,000
Memodenkan Gerabak ² Keretapi	25,705,000
Pembarisan Semula Chawangan Port Dickson ...	10,000,000
Mesin untuk Bengkel ...	2,000,000
Membaiki Bangsal Geredar dan Memanjangkan Landasan Gelong	2,500,000
Panduan Landasan ...	700,000
Enjin Baru untuk Relkar ...	700,000
Pembarisan Semula Bahagian Bukit Berapit	700,000
Semboyan dan Perhubungan	10,967,000
Pembaharuan Landasan ...	8,048,000
Pembaikan Jambatan ...	2,000,000

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, there has been a general complaint from the members of the public that the Malayan Railway—Keretapi Tanah Melayu—has

failed to offer fast, adequate and efficient service. Will the Minister tell this House is there any proposal on the Government side to introduce the broad-gauge system in order to keep track with the road transport so that people can travel fast?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat faham, yang ada hari ini meter-gauge. Dengan mengadakan perhubungan sa-chara signal controlled automatic, long distance remote control, sudah menchukopi buat sementara ini, tetapi mana² yang lain itu terlampau sebak, umpama-nya daripada Pelabohan Klang atau Pelabohan Pulau Pinang itu sampai ka-mana², perlu lebeh banyak line, kita sedang menjalankan penyiasatan dan akan di-timbangkan. Tetapi ranchangan hendak mengadakan projek broad gauge seluruh Tanah Melayu ada-lah satu ranchangan yang memakan belanja banyak berjuta² ringgit. Dan akan di-timbangkan dalam Ranchangan Malaysia Ketiga nanti, dan di-dalam Ranchangan Malaysia Kedua ini tidak dapat kita hendak mengadakan-nya, tetapi saya suka menerangkan kita akan mengadakan, sa-buah rail car sa-bagaimana yang di-kehendaki oleh Ahli Yang Berhormat itu. Sudah lama ini, tetapi kita baharu design Air-conditioned coach to Singapore, stop at Kuala Lumpur, Butterworth within eight hours. Kita harap dengan sa-berapa segera kita dapat design ini di-sudahkan—kita akan berhubung dengan Kementerian Kewangan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, tadi Yang Berhormat Menteri yang berkenaan menerangkan ini line train, air-conditioned train, kata-nya dari Pulau Pinang ka-Kuala Lumpur dan ka-Singapura lapan jam. Ada-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan sedar di-negeri lain yang progresif, untuk menjalankan dari dua tempat, 200 batu itu bukan empat jam, tetapi barangkali dua jam sahaja. Oleh sebab itu boleh-kah Yang Berhormat Menteri yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini bila-kah kami boleh dapati perjalanan dari Kuala Lumpur ka-Singapura bukan seperti sekarang, tujuh jam barangkali, tetapi tiga atau empat jam?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya telah katakan tadi, perkhidmatan keretapi dari Kuala Lumpur ka-Singapura memakan masa empat jam kerana berhenti di-steshen² yang besar.

Kalau chukup penumpang-nya seperti di-negeri Jepun atau di-negeri² yang lain, kita boleh buat super train, macham Bullet Train di-Tokyo. Saya tahu benar, kita perlukan perkhidmatan seperti itu tetapi terpaksa-lah kita bersabar, perkara² ini akan di-siasat.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Menteri yang berkenaan telah menyatakan beberapa langkah² yang di-ambil oleh Keretapi Tanah Melayu, ada-kah Menteri yang berkenaan sedar langkah² yang telah di-ambil untuk melengkapkan Keretapi Tanah Melayu dengan menchukupkan umpama-nya keretapi kadang²-nya terlampau kotor, kalau kami pergi ka-tandas berbau busok di-sana. Jika sedar apa-kah langkah yang akan di-ambil oleh Keretapi Tanah Melayu untuk membersihkan, bukan tandas sahaja, tetapi seluruh keretapi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Pertanyaan itu kena pada tempat-nya. Sebagai Menteri Perhubungan yang baharu dan baharu meninggalkan Kementerian Kesihatan kebersehan ada-lah di-utamakan. Saya harap Yang Berhormat, saya dan Pengurus Besar Keretapi, Enche' Shariff akan menjalankan pemereksaan, kalau di-dapati kotor kita tutup keretapi coach itu. Terima kasih.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Untuk penjelasan Menteri yang berkenaan yang baharu pergi ka-Kementerian ini, saya kadang² apabila naik Keretapi Tanah Melayu selalu saya lihat keretapi kotor bukan saya dengar khabar² angin. Soalan saya, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Menteri yang berkenaan telah menyatakan Kerajaan akan membeli enjin disel untuk keretapi Tanah Melayu. Boleh-kah Menteri yang berkenaan beritahu bahawa enjin disel yang dahulu yang di-beli oleh Kerajaan daripada mana, oleh kerana enjin disel itu bukan-lah enjin yang baharu. Jika ini benar, boleh-kah Menteri yang berkenaan beritahu kepada Dewan ini apa² enjin atau alat² yang Kerajaan akan beli itu hendak-lah di-siasat dan Kerajaan tidak akan membeli barang yang lama dan membayar untuk benda yang baharu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang Berhormat boleh bertanya, kalau ta' tahu. Perkhidmatan Keretapi Tanah Melayu ta' pernah membeli barang lama. Ini semua tuduhan pehak² Pembangkang yang hendak membesar²kan perkara yang ta' betul.

Dahulu kita boleh order barang² daripada Crown Agents yang mempunyai kelengkapan-nya yang baharu. Tender yang baharu ini international. Brand new disel locomotives from England, kalau kurang perchaya datang-lah siasat sendiri, kita akan tunjokkan.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, we have witnessed of course that Keretapi Tanah Melayu has been spending big sums of money, public revenue, to improve the railways. While we appreciate that another \$85 million is going to be spent, we would like to know how far the Government intends to improve the railways in respect to speeding of the trains to keep pace with the road transport. People like to travel fast these days and until and unless from Singapore to Kuala Lumpur trains can provide service within four or five hours, I am sure nobody is going to travel by rail—they would prefer taxis. Sir, let the Minister tell us how he is going to improve the railways and how speedy trains are going to be introduced. This is what the House wants to know.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya sudah jawab, kalau Yang Berhormat ta' pernah naik rail car chuba naik railcar goyang sedikit tetapi laju. Chuba-lah.

Tuan Fan Yew Teng: Tuan Yang di-Pertua, ada-kah ranchangan² untuk membaiki perkhidmatan keretapi ini termasuk ranchangan untuk membaiki steshen² keretapi seluruh negara kechuali bandar besar seperti Kuala Lumpur atau Ipoh dan khas-nya di-kawasan Pantai Timor.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Semua ranchangan itu ada, oleh kerana keretapi ini di-negara yang kechil perbelanjaan-nya rugi sampai sembilan atau sepuluh juta ringgit, kita kena adakan "top priority". Saya harap kita boleh adakan pembaharuan kapada station yang mustahak. Ini-lah yang mustahak sa-kali bagi steshen² kita.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister tell us, since people complain about the delay in the arrival of trains and delay in the departure of trains, and also because of the increase in the population and the increased traffic load both in passenger and goods traffic, and also because ever since all of us

here can remember there has been only one single line railway traffic, whether he has any plans to have a double-line or dual carriage way, for trains in the future?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: We will look into this punctuality of train according to the time-table. We will see to it.

Tengku Zaid bin Tengku Ahmad: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri ini sedar keretapi local train antara Kuala Lipis dengan Kuala Krai penumpang²-nya terpaksa memakai payong sebab gerabak itu telah bochor. Kalau sedar, apa-kah tindakan yang akan di-ambil.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Chadangan telah di-ambil. Kita pereksa lantai yang burok, kita tukar yang baharu. Kalau tidak, terbalek. Hendak lari kuat pun ta' boleh, kerana line itu kechil, tanah-nya lembut, tetapi kita akan jalankan kerja² kita. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar tadi Menteri sebut kalau kami hendak pergi ka-Singapura dengan laju naik relkar kata-nya. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar kalau kami naik relkar dari Kuala Lumpur pukul satu barangkali pukul 8-9 malam belum sampai ka-Singapura. Jadi mana-kah relkar atau keretapi ini boleh di-katakan laju.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Jika Yang Berhormat itu ta' perchaya boleh naik relkar bersama² saya, saya boleh jadi derebar. Saya ada lesen. (*Ketawa*).

Tuan V. David: (*Dengan izin*) Sir, the Honourable Minister has asked whether I have travelled in a railcar. But it is also a sin to travel in a railcar because we have to wait in Rawang for at least one hour for crossing. So the considerable delay is still there whether you travel by a railcar or by a mail train. The basic object is to provide fast service. What has the Minister to say to this House about how effective will the service be after spending this \$85 million, or are we going to come back and say we are further losing and still the railways will remain the same as it is now?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: In commensurate with the money given, we will do our best. We are serving the public, including Yang Berhormat. Jangan senyum² (*Ketawa*).

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) The Malayan Railway is always running at a loss and can the Honourable Minister give us the reasons why it is so and how much longer must the Government subsidise the Malayan Railway?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bertanya saya, chuba dia tanya mana² negeri yang keretapi-nya berjalan baik, yang ta' mengalami kerugian hanya negeri Jepun kerana di-negeri itu penduduk-nya ramai penumpang² menunggu keretapi tetapi di-negara kita keretapi menunggu penumpang. Ada-kah Yang Berhormat faham. Terima kaseh.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar di-beberapa steshen keretapi di-sini beribu² penumpang menunggu ketibaan keretapi, bukan sa-balek-nya dan jika sedar boleh-kah Menteri yang berkenaan mengambil langkah atau tindakan supaya penumpang² keretapi tidak lagi begitu panjang terbuang masa-nya untuk menunggu keretapi.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Yang Berhormat dari Batu tentu faham, sekarang musim hari Raya China dan Hari Raya yang lain². Pada hari² yang lain keretapi kosong. Jika beri tahu lebeh dahulu akan kita sediakan, kalau hendak group travel pun kita boleh adakan extra coach.

Tuan Yeoh Teck Chye: (*Dengan izin*) Is the Minister aware that the railcar facilities to Singapore have been very poor because one has to travel about six to seven hours before one arrives in Singapore and there are no proper canteen facilities for the passengers who travel in these railcars? Will the Minister assure the House that proper canteen facilities will be given in these railcars?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Terima kaseh, Tuan Yang di-Pertua. Yang sa-benar-nya relkar yang ada ini kechil untuk jarak dekat sahaja, sa-bagai perhubungan kalau popular, kita adakan yang baharu yang lebeh besar dan chukup dengan segala ke-lengkapan saperti air-conditioned dan lain² lagi.

Tuan V. David: The Minister of course admitted very very honestly that sometimes the trains will have to wait for the passengers. This clearly indicates and exposes that people are not prepared to travel by train because

they will have to reach their destination late. Sir, I would like to know from the Minister whether it is a fact that a number of vacancies do exist in the Keretapi Tanah Melayu and no action has been taken to fill these vacancies, and would the Minister tell this House is it important to fill these vacancies if we expect efficiency in the Keretapi Tanah Melayu?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, ini fasal development. Mengapa pula fasal vacancies. Nanti-lah debate expenditure.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, saya berharap Menteri yang berkenaan

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana kebajikan penumpang keretapi

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dengar, chakap kuat sedikit.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Untuk kebajikan penumpang² keretapi, jadi saya minta oleh kerana di-dalam keretapi negeri lain oleh kerana perjalanan daripada Kuala Lumpur atau daripada Pulau Pinang ka-Singapura itu jauh dan lambat maka di-adakan muzik dalam keretapi itu (*Ketawa*). Boleh-kah di-buat begitu.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Saya akan timbangkan, kalau chukup per-untukan, boleh di-jalankan.

Dr Tan Chee Khoon: Tuan Yang di-Pertua, soalan tambahan. Boleh-kah Menteri yang berkenaan bukan mengadakan muzik sahaja untuk penumpang² tetapi kalau ada sistem perhubungan di-dalam keretapi. Kalau keretapi lewat atau tunggu di-satu tempat satu dua jam penumpang² yang tidak tahu mengapa-kah mereka dudok diam di-sana begitu lama, kalau ada public address system di-sana penumpang² boleh di-beritahu sebab² keretapi tunggu di-sana.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya beri pengakuan kita akan adakan sa-bberapa yang boleh.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar geram sangat Ahli dari Pembangkang ini pada Yang Berhormat Menteri, kerana Yang Berhormat Menteri kahwin dengan janda lama-nya

Tuan Yang di-Pertua: Tidak dengar; chuba lagi sa-kali.

Dato' Haji Abdul Razak bin Haji Hussin: Ada-kah Yang Berhormat Menteri sedar bahawa Yang Berhormat dari Ahli² Pembangkang geram sangat kapada Yang Berhormat Menteri kerana Yang Berhormat Menteri ini mengahwini janda lama-nya (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Janda lama atau janda baharu tidak jadi soal-lah (*Ketawa*). Yang mustahak-nya kerja.

Tuan Hussin bin Haji Sulaiman: Soalan tambahan. Boleh-kah Yang Berhormat Menteri memberitahu Dewan ini ada-kah dalam jangka panjang atau dalam jangka pendek, perjalanan keretapi dari Pantai Timor ka-Kuala Lumpur ini hendak di-percepatkan dengan tidak payah lagi melalui Gemas. Ertinya dari Kuala Lipis terus ka-Kuala Lumpur. Ada-kah usaha ini hendak di-jalankan dalam jangka panjang atau pendek.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Sedang di-selideki yang mana lebeh economic dan lebeh dekat, tetapi ini memakan waktu dan memakan belanja yang banyak.

Tuan V. David: The Government should accept the principle that in any country train service is one of the social amenities which a nation would be allowed to enjoy and the complaints of losing should not arise at all. So will the Minister assure the House, whether the Keretapi is going to make a profit or not, that all efforts would be made to provide efficient amenities to the people.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Itu sebab kita minta peruntukan \$85 juta ini, tetapi hendak soal juga. Terima kaseh.

Tuan Hashim bin Gera: Ada-kah pehak Kementerian yang berkenaan berchadang hendak membuboh pelayan² di-dalam keretapi sa-bagai kapal terbang (*Ketawa*).

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Kita akan timbangan, takut pelayan² itu di-sambar orang pula.

TEKSI² MENJALANKAN PERATORAN PAJAK

6. Tuan V. David minta Menteri Perhubungan menyatakan jumlah pengusaha² teksi dalam negeri ini yang menjalankan teksi²

mereka di-bawah "peratoran pajak" (pajak system) dan sama ada peratoran pajak ini di-benarkan oleh pehak Kerajaan.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Berkenaan dengan teksi pajak ini, Tuan Yang di-Pertua, satu soal yang sangat rumit sebab itu saya perchaya Ahli Yang Berhormat itu sudah pun tanya beberapa kali dalam Dewan ini. Menurut Undang² Lalu Lintas Jalan 1958, ada-lah menjadi kesalahan kapada pemegang² lesen teksi/kereta sewa memajakkan lesen-nya kapada orang lain. Kementerian ini sedar tentang ada-nya lesen teksi/kereta sewa yang telah di-pajakkan tetapi ada-lah terlalu sukar untuk mengesan bilangan lesen² tersebut. Sa-kira-nya lesen² ini telah di-ketahu² telah di-pajakkan maka tindakan membatalkan atau menggantung lesen² itu akan di-ambil. Di-antara bulan Julai 1969 hingga 31hb Oktober, 1971 sabanyak 20 lesen telah di-batalkan dan 17 lesen di-gantung kerana melakukan kesalahan pajak.

Tuan V. David: (*Dengan izin*) I know of a company, Sir, which has been issued with a number of taxi licences. It has decided not to operate 4 taxis and it is just holding the permit without putting into operation the 4 taxis. If such cases are reported to the Minister, will the Minister take necessary action?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) It will be greatly appreciated if the Honourable Member will communicate direct with the Director General of Road Transport.

Dr Tan Chee Khoo: (*Dengan izin*) Since the Honourable Minister says that he is aware of this evil system of "pajak", what steps has his Ministry or the Road Transport Department taken to ferret out these people who "pajak" out their licences rather than waiting to be told that such a thing has happened?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, kita ada pegawai² yang menjalankan penyiasatan dengan sunggo² tetapi kadang² tuan² punya kereta atau permit yang di-pajak itu tidak mahu memberi keterangan. Jadi jika tidak ada keterangan kita tidak boleh mengambil apa² tindakan. Dengan sebab itu kita minta kerjasama. Walau bagaimana pun sa-belum sa-orang mohon teksi kita tanya ada wang atau tidak, boleh mengurus teksi, berapa orang yang

berkongsi dan lain² lagi. Kita tanya semua sa-kali itu bagi mengelakkan daripada terjadi pemajakan.

Tuan Lim Cho Hock: (*Dengan izin*) The former Minister of Transport has been reported to have said the Government is intending to reduce the rates charged by taxis. As far as I am aware, the rates chargeable by the taxis have been set down since 1958. So I would like to ask the Minister whether it is his intention to reduce the rates of taxis.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: (*Dengan izin*) The rates or the fare?

Tuan Lim Cho Hock: The fare.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, yang sa-benar-nya Ketua Pengarah Jabatan Pengangkutan Jalan telah pun memberi arahan. Dahulu satu batu 40 sen di-turunkan 25 sen, tetapi saya dapat tahu Persatuan Pemandu² Kampar hendak protest. Wakil Kampar ada sini saya harap ia dapat bekerjasama dalam hal ini.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Since the Honourable Minister has told us that there is a "pajak" system of taxis and obviously the question of "pajak" comes in only if there is a limited number of licences, would he consider the advisability of issuing more licences, i.e., applying a more liberal policy?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya suka memberitahu Yang Berhormat Wakil Seremban Timor, semenjak 2½ tahun yang lalu sa-banyak 1500 permit² teksi telah di-keluarkan terutama-nya di-bandar² seperti di-Seremban. Kerana bertambah-nya bilangan teksi pemandu² mendapat sa-paroh sahaja daripada pendapatan dahulu.

BAS DUA PINTU—MENGADAKAN UNDANG²

7. Tuan V. David minta. Menteri Perhubungan menyatakan sama ada beliau berchadang hendak mengadakan undang² supaya semua bas hendak-lah mempunyai dua buah pintu untuk penumpang² keluar dan masuk dan jika tidak, mengapa.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, tidak perlu-lah mengadakan dua pintu di-tiap² bas kita kerana jalan kita

ini sempit. Jika di-adakan 2 pintu satu di-belakang dan satu di-hadapan mungkin berlaku pelanggaran penumpang² laki² dan perempuan yang boleh menimbulkan satu² perkara yang ta' di-ingini. Buat sementara ini satu pintu chukop-lah tetapi apabila jalan² kita di-lebarkan kita akan timbangkan soal mengadakan dua pintu itu.

Tuan V. David: Mr Speaker, Sir, we find in Singapore that this two-door system has worked and here we have received complaints that especially in peak hours when passengers want to get into the buses, they find it difficult because you have also passengers disembarking. So, I would like the Minister to examine this with an open mind rather than closing the matter.

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya telah jawab sa-bentar tadi.

PAMERAN PERDAGANGAN

8. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan sama ada Kementerian beliau berpendapat bahawa suatu Pameran Perdagangan besar²an patut di-adakan pada tiap² tahun untuk mempamerkan semua hasil² perusahaan, pertanian, kehutanan dan lain² supaya ahli² perniagaan dari semua negara di-jemput datang untuk menyaksi dan memesan benda² ini.

Menteri Perdagangan dan Perindustrian (Tuan Mohamed Khir Johari): Tuan Yang di-Pertua, untuk mengadakan satu Pameran Perdagangan seperti mana yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu ada-lah memerlukan ujud-nya kemudahan² yang moden dan terbaru yang tidak ada pada kita buat masa ini. Baharu² ini Kerajaan telah pun memberi kelulusan kepada sa-buah pertubuhan tempatan untuk menyediakan sa-buah tapak yang tetap bernama "Pusat Perdagangan Dunia" sa-bagai tempat untuk mengadakan pameran² dan pertunjukan² perdagangan sa-chara besar²an. Besar kemungkinan-nya yang projek ini akan disertai bersama oleh Kerajaan. Apabila Pusat ini siap di-bena kelak baru-lah boleh kita mengadakan bukan sahaja pameran² perdagangan seperti mana yang di-maksudkan oleh Ahli Yang Berhormat itu tetapi juga pameran² perdagangan yang bertaraf antarabangsa yang telah lama di-chadangkan oleh Kementerian saya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Boleh-kah Menteri yang berkenaan memberi tahu kepada Dewan ini bila-kah Pusat ini atau tapak tanah ini untuk Pusat Perdagangan ini boleh di-adakan supaya pameran perdagangan boleh di-adakan mulai tahun ini, oleh sebab penduduk² di-tanah ayer kita tidak tahu apa benda²-nya yang di-buat di-negeri kita, apa kilang² yang di-sebutkan oleh Menteri yang berkenaan selalu mereka tidak tahu apa benda yang di-keluarkan daripada kilang².

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, projek ini sedang di-ranchangkan dan soal² bersangkutan dengan tanah sedang di-selenggarakan dan saya harap projek ini akan dapat di-mulakan dengan sa-berapa chepat yang boleh. Tetapi bersangkutan dengan perkara pameran yang di-sebutkan oleh Yang Berhormat itu tentu-lah Yang Berhormat itu sendiri tahu bahawa tiap² tahun F.M.M. (Federation of Malaysian Manufacturers) ada menganjorkan pameran untuk menunjukkan barang² yang di-keluarkan di-Malaysia dan pada pameran kali yang lalu, pameran itu telah mendapat sambutan yang chukop, bukan sahaja daripada orang² perdagangan bahkan juga dari pelajar² sekolah yang dapat melihat sendiri bagaimana kemajuan kita di-dalam hal perindustrian ini. Dan ada-lah tujuan saya juga bukan hanya hendak mengadakan pameran yang sa-macham itu di-Kuala Lumpur atau pun di-Pulau Pinang sahaja bahkan, kalau boleh, kita akan bawa juga ka-tempat² yang lain di-Ipoh, di-Segamat, Batu Pahat dan sa-bagai-nya supaya dengan jalan itu dapat kita menunjukkan kemajuan kita kepada ra'ayat sakalian.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar pameran yang di-buat oleh F.M.M. yang di-sebutkan oleh Menteri tidak begitu lengkap dan menchukopi untuk benda² yang di-tunjokkan di-pameran yang di-sebutkan oleh Menteri tidak begitu banyak, oleh sebab itu projek yang di-sebutkan oleh Menteri boleh di-adakan dengan sa-berapa chepat mungkin-nya yang penduduk² di-negeri kita boleh tahu apa benda yang di-keluarkan daripada kilang² kita.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, saya memang bersetuju yang tempat yang ada sekarang ini memang tidak

sesuai kerana terlalu kecil dan dengan sebab itu-lah kita telah memberi timbangan istimewa untuk projek ini.

Sa-benar-nya mengikut undang² projek yang sa-macham ini tidak dapat satu taraf perintis tetapi dengan sebab saya sendiri sangat berkehendakkan projek yang sa-macham ini untuk tujuan yang sama dengan Ahli Yang Berhormat itu juga maka saya menchari jalan yang lain untuk memberi incentive kepada peranchang projek ini.

Dr Chen Man Hin: (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, can the Honourable Minister tell us, in view of the advantages of having a Trade Fair in this country and, to put it one step further, if we could follow the example of the Osaka Trade Fair or World Exposition—of course, we cannot be too ambitious—but could not we have a smaller one on the ASEAN scale, i.e. a trade exposition in Kuala Lumpur on ASEAN scale, to encourage trade and industries in the country?

Tuan Mohamed Khir Johari: (*Dengan izin*) Sir, that is the very purpose of having this World Trade Centre as I have told the House just now.

Dr A. Soorian: (*Dengan izin*) Dato' Yang di-Pertua, can the Honourable Minister tell this House whatever has happened to the once-existent MAHA Exhibition and whether he is keen to revive it?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, the Pavilion at the MAHA Ground was actually put up by the Rothmans cigarette firm here, and it was a great pity that this Pavilion had to be pulled down, because nobody looked after this Pavilion; and, therefore, I feel that, in order to make this a success, it must be done by the private sector, by a person who will really make this project a real success. It must not be too far away from the City; on the other hand, it cannot be too near; and it is for this reason that this particular project has to take a longer time than anticipated.

Dr A. Soorian: Dato' Yang di-Pertua, the Minister has just stated that it is better if it is done by the private sector. But would he not consider subsidising it so as to ensure its success?

Tuan Mohamed Khir Johari: Sir, in my reply just now, I indicated that it is probable that the Government might have equity participation in this project. I think that will be the best for everyone concerned.

Tuan Lim Cho Hock: (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Japanese have been imaginative enough to send out Floating Fairs to other countries like Singapore and Malaysia, and they have been quite successful in attracting foreign buyers. Would the Honourable Minister consider sending out Floating Fairs to other countries to attract buyers?

Tuan Mohamed Khir Johari: Well, Sir, it has been agreed now among ASEAN countries that we will try as far as possible to have joint participation in World Fairs and we had started this joint participation in Jakarta last year; and it is our intention to proceed from there to have joint participation among ASEAN countries at future Trade Fairs. Perhaps, the next Asian Trade Fair will be in New Delhi and we hope also to put up an ASEAN Pavilion in that Fair.

BIJI KOPI DI-IMPOT

9. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Perdagangan dan Perindustrian menyatakan:

- berapa tan biji kopi yang di-impot ka-Malaysia pada tahun 1968, 1969 dan 1970; dan
- jumlah dan nilai serbok kopi yang di-eksepot ka-Negeri China pada tahun 1970 dan 1971.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua,

- Impot biji kopi ka-Malaysia untuk tahun 1968, 1969 dan 1970 ia-lah seperti berikut:

	1968	1969	1970
Biji kopi yang belum di-goreng (tan)	5,119.83 (\$8,184,415)	4,666.01 (\$6,590,220)	3,046.18 (\$5,149,158) (tidak termasuk Sabah)
Biji kopi yang di-goreng (lb)	13,391 \$42,094)	18,630 (\$52,319)	18,334 (\$61,666) (tidak termasuk Sabah)

- Dalam tahun 1970 Malaysia meng-eksepot kira² 30lb serbok kopi ka-Negeri China. Ini bernilai kira² \$40. Kopi tidak di-eksepot ka-Negeri China dalam tempoh 1hb Januari hingga 30hb September, 1971.

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Oleh kerana lebih kurang 8 juta biji kopi kita impot daripada luar negeri ka-tanah ayer kita, tidak-kah Menteri yang bertanggung-jawab berfikir wang yang begitu banyak, ia itu \$8 juta itu patut-lah kita galakkan orang kita menanam kopi di-negeri kita ini. Patut atau tidak?

Tuan Mohamed Khir Johari: Ya, saya berdagang, yang tanam ia-lah sahabat saya Yang Berhormat Menteri Pertanian. Jadi saya percaya perkara ini akan mendapat perhatian yang istimewa daripada-nya kerana saya sendiri kalau mithal-nya dalam kawasan pilihanraya saya sendiri, saya memang menggalakkan sa-berapa banyak pengundi² saya untuk tanam kopi kerana saya tahu begitu berjuta² ringgit tiap² tahun yang kita belanja untuk memasukkan kopi. Baik juga saya tambahkan ia-itu sa-lain daripada \$40 yang saya sebutkan tadi ka-Negeri China itu, kita juga ada eksepot. Sungguh pun kita impot kopi, kita ada eksepot juga. Jadi jumlah eksepot kopi kita lebih kurang \$130,000 sa-tahun.

PERJANJIAN TIMAH ANTARA-BANGSA—MEMBAHARUI

10. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Perdagangan dan Perindustrian ada-kah Malaysia telah mem-baharui penyertaan-nya dalam Perjanjian Timah Antarabangsa di-Geneva; apa-kah tujuan penyertaan itu dan berapa perbelanjaan-nya tiap² tahun.

Tuan Mohamed Khir Johari: Tuan Yang di-Pertua, penjelasan atau pun ma'alumat yang di-pinta oleh Ahli Yang Berhormat itu telah pun di-kemukakan dalam Kertas Perintah 23 tahun 1971 yang di-bentangkan di-Dewan ini dalam Meshuarat Kedua, Penggal Pertama, Parlimen Yang Ketiga. Bagi kemudahan Ahli Yang Berhormat saya akan bachakan chabutan dari Perenggan 3 Kertas Perintah berkenaan:

"3. Timah ada-lah satu²-nya barangan yang harga-nya sentiasa mengalami turun-naik dalam kedua² jangka masa pendek dan panjang. Negara² pengeluar Timah telah lama menyedari kepentingan sa-suatu ranchangan untuk menstabilkan harga antarabangsa bagi menyekat turun-naik harga. Untuk negara seperti Malaysia

yang keteguhan ekonomi-nya bergantung besar pada pengeluaran dan pengecsepotan timah, keperluan satu ranchangan penyetabilan seperti ini bertambah jelas oleh kerana kesetabilan ekonomi pada keseluruhan-nya besar di-pengaruhi oleh keadaan kedudukan perusahaan timah-nya. Oleh sebab² ini-lah maka Malaysia telah menyertai kesemua Perjanjian² Timah Antarabangsa sejak tahun 1956 dan juga dalam berbagai² ranchangan kawalan timah antarabangsa yang dijalankan sa-belum itu. Untuk lebeh khusus lagi, faedah² yang akan di-dapati dari penyertaan Malaysia dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keempat, seperti dalam Perjanjian² sa-belum-nya, ada-lah seperti berikut:

- (i) Perjanjian ini menentukan kesetabilan harga timah dalam kadar harga (price range) yang telah dipersetujui dengan dua chara, ia-itu simpanan penimbal (buffer stock) dan ranchangan kawalan ekseptot (Export control scheme);
- (ii) Melalui Perjanjian ini juga, pelombong² di-Malaysia mendapat harga timah paling rendah yang terjamin yang di-tentukan di-bawah Perjanjian ini. Harga paling rendah yang lebeh terjamin itu membolehkan pelombong² meranchangkan pelaburan mereka dengan lebeh berkesan. Ini sa-terus-nya akan membawa perkembangan yang lebeh terator dalam perusahaan timah di-Malaysia;
- (iii) Penyertaan dalam Perjanjian ini akan membolehkan Malaysia mengetahui dan mengikuti perkembangan² dalam perusahaan bijih timah di-negara² pengeluar lain dan juga aliran penggunaan di-negara² pengguna utama. Oleh kerana perkembangan dan juga aliran² ini rapat hubungan-nya dengan kedudukan timah di-dunia pada ka-seluruhan-nya, pelombong² Malaysia akan dapat meramal masa hadapan timah dengan lebeh tepat lagi dan sa-terus-nya mengator ranchangan yang sesuai untuk menghadapi-nya;
- (iv) Ada-nya simpan-chadang tak di-niaga (non-commercial stockpile) kepunyaan Amerika Sharikat dan penjualan sa-kali sa-kala dari simpan-chadang ini telah menimbulkan

masaalah² besar kapada negara² pengeluar timah oleh sebab penjualan² tersebut membawa kesan² merosot di-pasaran timah. Masaalah² simpan-chadang timah ini akan terus di-hadapi oleh negara² pengeluar di-tahun² akan datang oleh kerana hingga pada masa sekarang Kerajaan Amerika Sharikat maseh memileki lebeh dari 220,000 tan timah dalam simpanan-chadang strateji-nya. Majlis Timah Antarabangsa, dalam masa lampau menjadi satu² pertubohan penting untok berunding dengan pehak berkuasa Amerika Sharikat dengan lebeh berkesan. Dengan usaha bersama ini, peserta² Perjanjian ini akan dapat menchapai kejayaan yang lebeh besar dalam mendapatkan Kerajaan Amerika Sharikat untok menjalankan ranchangan penjualan dari simpanan-chadang-nya dengan sa-chara berperengkat-perengkat bagi menjauhkan kesan² burok di-pasaran timah."

Mengenai masaalah perbelanjaan penyer-taan Malaysia dalam Perjanjian Timah Antarabangsa, saya suka menarek perhatian Ahli Yang Berhormat kapada perenggan 5 Kertas Perintah tersebut yang berbunyi seperti berikut:

"5. Dari segi kewangan, penyertaan Malaysia di-dalam Perjanjian Timah Antarabangsa Yang Keempat akan melibatkan perbelanjaan tiap² tahun kira² \$200,000, dalam mana sa-banyak \$115,000 ada-lah sa-bagai charuman dari Malaysia kapada Akaun Pentadbiran (Administrative Account) dan yang baki untok menanggung perbelanjaan rombongan Malaysia yang di-hantar dari sa-masa ka-semasa untok menyertai persidangan² Majlis Timah Antarabangsa. Sa-lain dari itu Malaysia juga di-kehendaki membuat sumbangan kapada simpanan penimbal (buffer stock). Berdasarkan kapada bahagian (Percentage) dan banyak-suara yang di-punya² oleh Malaysia, sumbangan kapada simpanan penimbal Malaysia ia-lah sa-banyak lebeh-kurang \$93 juta. Walau bagaimana pun, apabila perjanjian ini mula berjalan kuatkuasa-nya, Malaysia hanya di-kehendaki membayar sumbangan permulaan (initial contribution) sa-banyak lebeh kurang \$35 juta sahaja. Baki-nya

pula akan di-bayar dengan sa-chara beransor² apabila di-kehendaki mengikut keadaan. Pada masa² yang lampau sumbangan Malaysia kepada simpanan penimbal ada-lah di-bayar dengan penoh oleh pelombong² sendiri. Kerajaan hanya membantu mereka dengan chara mendapatkan pinjaman bagi pehak mereka dan ini sa-terus-nya di-bayar kembali melalui bayaran cess kepada semua ekseptor timah. Perlu di-ingat ia-itu harta dari sumbangan simpanan penimbal (buffer stock) itu akan di-pulangkan kembali kepada pelombong² yang berkenaan bersama² dengan faedah dan keuntungan apabila satu² perjanjian itu berakhir.”

BIJI KOPI—JUMLAH DI-KELUARKAN

11. Raja Nong Chik bin Raja Ishak minta Menteri Pertanian dan Perikanan menyatakan berapa tan biji kopi yang di-keluarkan di-Malaysia pada tahun 1968, 1969 dan 1970.

Timbalan Menteri Pertanian dan Perikanan (Dato' Abdul Samad bin Idris): Tuan Yang di-Pertua, Anggaran pengeluaran bagi biji kopi di-Malaysia Barat ada-lah seperti berikut:

1968	...	...	...	1,570 tan
1969	...	...	...	1,590 tan
1970	...	...	..	1,600 tan

Raja Nong Chik bin Raja Ishak: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang bertanggung-jawab tahu ia-itu kopi²—orang yang menanam kopi banyak lintah² darat ia-itu orang tengah membeli kopi² mereka dengan harga yang chukup murah, dan apa tindakan pehak yang bertanggung-jawab di-atas perkara ini.

Dato' Abdul Samad bin Idris: Kementerian ini memang sedar dan faham di-atas kedudukan perkara itu dan kerana itu-lah Kementerian Pertanian sedang mengusahakan untuk menguatkan Persatuan Peladang dan di-harap penanam² kopi ini akan menjadi ahli dan di-situ kelak kita akan dapat mengatasi masalah orang tengah ini sa-chara beransor².

JURURAWAT BERPIKET DI-KEMENTERIAN KESIHATAN—SEBAB²

12. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Kesihatan apa-kah yang menyebabkan jururawat seramai 500 orang berpiket di-hadapan Kementerian Kesihatan pada 6-9-71 itu. Ada-kah masaalah-nya sudah di-selesaikan.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Tuan Yang di-Pertua, saya rasa hanya Kesatuan Jururawat² sahaja yang boleh memberi jawapan-nya, kerana sa-panjang yang saya ketahui tidak ada masaalah² besar mereka yang maseh belum lagi di-selesaikan.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar bahawa sa-orang bekas Menteri Kesihatan telah memberi amaran yang tegas kepada ahli² Kesatuan Jururawat² supaya mereka tidak berpiket di-Kementerian Kesihatan, jika sedar boleh-kah Menteri Kesihatan sekarang memberi jaminan perbuatan itu tidak berlaku di-masa akan datang.

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, sa-bagai Menteri Kesihatan yang baharu, saya perchaya dengan kerjasama tentang kepentingan negara dan dasar baharu kita, maka apa pun masaalah itu boleh-lah di-selesaikan dengan semangat muhibbah.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Ada-kah Menteri yang berkenaan sedar di-antara sebab² yang ahli² Kesatuan Jururawat² berpiket di-Kementerian Kesihatan ia-lah mereka hendak gaji yang sa-rupa dengan Hospital Assistants, ada-kah masaalah itu di-selesaikan oleh Kementerian Kesihatan sekarang?

Tuan Lee Siok Yew: Tuan Yang di-Pertua, saya boleh-lah katakan soalan ini barangkali saya tidak faham apa² yang di-sebutkan oleh bekas Menteri pada masa itu, dari itu, kalau boleh saya pulangkan balek kepada bekas Menteri itu menjawabkan-nya.

Dr Tan Chee Khoon: Soalan tambahan, Tuan Yang di-Pertua. Barangkali pertanyaan saya tadi tidak begitu lengkap. Apa yang saya maksudkan ia-lah di-antara sebab² ahli Kesatuan Jururawat² berpiket

di-hadapan Pejabat Kementerian Kesihatan ia-lah mereka hendak gaji yang sa-rupa—equal pay dengan Hospital Assistants, adakah masalah ini sudah di-selesaikan oleh Menteri yang berkenaan sekarang?

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana nama saya di-sebut², ta' tahu-lah kerana di-sindir². Biar-lah saya terangkan di-sini. Kalau hendak tanya apa sebab² jururawat buat piket dan begitu bagini ta' usah tanya Menteri, tanya mereka. Ketua-nya Miss Choong daripada Kesatuan Jururawat. Kita tidak tahu. Kalau mereka telah mengambil satu keputusan (resolution) dalam kesatuan-nya, selalu-nya mengikut international relation pun di-bawa dan di-majukan keputusan² itu dahulu bukan di-pekit², tetapi benda sudah terjadi, ta' usah-lah di-bangkit²kan. Kalau mahu tanya yang betul, tanya-lah mereka, kita tidak boleh menjawab kerana mereka.

Kedua-nya, Ahli Yang Berhormat ini telah mendengar Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri menjawab tentang equal pay. Ini tolong buka laporan yang telah di-beri jawapan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sendiri kerana ini soal perkhidmatan (service matters).

Berkenaan dengan yang lain² telah pun di-rundingkan dengan satu dua jam, saya ada sendiri di-Kementerian, sudah selesai, tidak ada apa benda lagi. Saya harap mereka itu akan puas hati sekarang.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

(Masa untuk Pertanyaan bagi Jawab Mulut telah chukop dan Jawapan² Lisan bagi Pertanyaan² No. 13 hingga 23 ada-lah di-beri di-bawah ini.)

MELAYU MEMAKAN MAKANAN BERZAT—MENGGAJALKAN

13. Dr Chen Man Hin minta Menteri Kesihatan menerangkan bagaimana-kah kejayaan yang di-chapai dari kempen menggalakkan orang² Melayu memakan makanan² yang berzat dan mengamalkan peranchang keluarga, kerana ini ada-lah penting dalam memajukan orang² Melayu.

Menteri Kesihatan (Tuan Lee Siok Yew): Pertama-nya suka-lah saya mengingatkan Ahli Yang Berhormat bagi Seremban Timor

bahawa Perkhidmatan² Perubatan dan Kesihatan Kerajaan ada-lah di-untukkan bagi faedah semua rakyat di-negara ini, tidak kira bangsa, warna kulit atau keperchayaan mereka. Oleh yang demikian, saya kurang mengerti mengapa pertanyaan ini yang tidak sa-harus-nya di-tumpukan kepada satu gulongan masharakat di-kemukakan pula. Biar-lah saya nyatakan dengan mutlak-nya ia-itu bukan-lah menjadi dasar Kerajaan Perikatan mengadakan perkhidmatan² perubatan dan kesihatan yang di-tujukan khas kepada satu gulongan masharakat atau sa-bahagian penduduk sahaja. Oleh yang demikian, tatkala tekanan di-buat bagi meninggikan lagi taraf kesihatan di-daerah² luar bandar, yang sama sa-kali telah di-chuaikan sa-belom Merdeka, Kementerian saya juga sedang meneruskan usaha memodern dan membaiki perkhidmatan² perubatan dan kesihatan di-dalam bandar. Tujuan dasar ini ia-lah untuk mengadakan satu sistem bertingkat perkhidmatan² perubatan dan kesihatan, mulai dari perkhidmatan asas perubatan dan kesihatan yang di-beri di-tempat yang berjaohan, sa-terus-nya kepada hospital² daerah dan hospital besar, di-mana lebih banyak lagi anika jenis kemudahan² boleh di-dapati. Oleh itu sa-siapa yang perlukan rawatan² atau perkhidmatan² khas akan di-rujukkan nanti kepada perengkat² tertentu dan dengan yang demikian kemudahan² perubatan dan kesihatan yang termodern sa-kali dapat-lah di-berikan kepada sa-siapa yang berkehendakkan-nya.

Berkenaan dengan pelajaran pemakanan satu kempen pelajaran pemakanan sedang pun berjalan di-semua kelinik² kesihatan ibu dan kanak² di-daerah luar bandar sa-bagai satu daripada perkhidmatan asas kesihatan. Kempen pelajaran pemakanan di-kekinik² ada-lah berkait juga dengan pemberian susu perchuma dari UNICEF kepada ibu² yang sedang mengandung dan kanak² yang di-dapati kurang makanan.

Sa-bagai tambahan kepada kempen biasa pelajaran pemakanan itu, satu projek printis yang intensif sedang di-jalankan di-daerah Kuala Langat, Selangor. Projek printis ini melibatkan sekolah², jabatan² pertanian dan penerangan yang di-selaras-kan oleh pejabat daerah. Sa-lain daripada kempen pelajaran pemakanan dan ekonomi rumah tangga, aktiviti² dalam kempen ini

termasuk-lah juga pengeluaran untuk makan-an tempatan, dan pemberian makanan tambahan anak kecil dan murid² sekolah.

Projek printis ini sedang mencapai kejayaan²-nya. Penyiasatan yang di-jalakan dalam bulan Mach tahun ini sudah pun menunjukkan bahawa berat badan kanak² dan bayi dalam tahun 1971 lebih baik lagi jika di-bandingkan dengan kanak² dalam tahun 1969. Chara² dan teknik yang di-chuba dalam projek printis di-mukim Tanjong Duabelas sekarang sedang diperluaskan bagi meliputi kelinik² kesihatan ibu dan kanak² yang lain di-seluruh negara, supaya pengalaman² yang di-dapati dari projek printis itu dapat memberi faedah kepada seluruh negara.

Berkenaan dengan pelajaran peranchang keluarga, Kementerian saya chuma mengambil bahagian dalam penyantunan perkhidmatan peranchang keluarga dengan perkhidmatan kesihatan luar bandar, terutama sa-kali perkhidmatan kesihatan ibu dan kanak². Ini telah di-mulakan di-perengkat awal-nya di-tujuh buah daerah. Nasehat yang di-utamakan ia-lah menjarak keluarga oleh sebab² kesihatan, dan bukan-lah menghadkan keluarga. Sasaran kami ia-lah ibu² yang datang ka-klinik yang telah pun mempunyai anak dan merasa kurang sehat. Oleh kerana kempen ini baharu sahaja di-mulakan di-tingkat terbatas, di-dalam kedudukan ini saya belum lagi boleh menilai sa-takat mana-kah hasil kempen itu. Jika sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat ingin hendak mengetahui dengan lebih lanjut lagi berkenaan dengan peranchang keluarga, saya chadangkan Ahli Yang Berhormat mengemukakan pertanyaan kepada Pengerusi Lembaga Peranchang Keluarga Kebangsaan.

(Dengan izin) First of all, I would like to remind the Hon'ble Member for Seremban Timor that the medical and health services of the Government are provided for the benefit of *everyone* in this country, irrespective of race, colour or creed. I am therefore at a loss to understand why this question is being asked, thereby unnecessarily spotlighting on one particular section of the population. Let me state categorically that it is *not* the policy of the Alliance Government to provide medical and health services directed specially for the benefit of one community or section of the population. Thus, while emphasis is being given to the

upliftment of the health standard in the rural areas, which had been totally neglected before Merdeka, my Ministry is also going ahead with the modernization and improvement of medical and health services in the urban areas. The aim of this policy is to provide tier system of medical and health services, ranging from basic medical and health services in the principal health units to more and more sophisticated facilities at the district and general hospitals. Thus those who need more specialised treatment or services are referred up the line, so that most modern medical and health facilities are available to those who need them.

As for nutrition education, there is already a campaign of nutrition education going on in all maternal and child health clinics in the rural areas as part of our basic health services. The Nutrition education campaign in our health clinics is also associated with the giving of free milk from UNICEF to pregnant mothers and children found to be undernourished.

In addition to the general nutrition education campaign, an intensive pilot project is being carried out in Kuala Langat District of Selangor. The pilot project involves the schools, agriculture and information departments and is coordinated by the District Office. The campaign, in addition to nutrition education and home economy, also incorporates food production and supplementary feeding for toddlers and school children.

The pilot project is beginning to show some results. Investigations carried out in March this year showed that already the weight of infants and toddlers in 1971 are better than that of children in 1969. The methods and techniques tried out in the pilot project in Mukim Tanjong Duabelas are now being expanded to cover the other maternal and child clinics throughout the country, so that the experience of the pilot project can benefit the rest of the country.

As for family planning education, my Ministry's role is only limited to incorporating family planning service in the rural health services, especially the maternal and child health services. This was started initially in seven areas from the middle of this year. The emphasis is on family spacing for health reasons, and not on family limitation. Our targets are the mothers who come to the

clinic, who already have children and who themselves are not feeling very healthy. As the campaign has just been started on a limited scale, I am not in a position as yet to assess the effects of the campaign. If the Honourable Member for Seremban Timor wishes to know more about family planning, I suggest that he addresses his questions to the Chairman of the National Family Planning Board.

KETUA JURURAWAT—MELAYU BERKURANGAN

14. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus bertanya kepada Menteri Kesihatan kenapa terdapat kekurangan wanita Melayu bertugas dalam jawatan Ketua Jururawat di-Hospital² dan apa-kah usaha untuk membanyakkan-nya.

Tuan Lee Siok Yew:

(a) Pada masa yang lalu, kelayakan masuk latihan Jururawat Pelatih ialah Bahasa Inggeris dan sedikit bilangan perempuan Melayu memohon jururawat oleh kerana tidak mempunyai kelayakan ini. Kenaikan pangkat kawatan² Penyelia Jururawat ialah dari jururawat yang sedang berkhidmat, ini mengakibatkan sedikit bilangan perempuan Melayu berkhidmat sebagai Penyelia Jururawat di-Hospital².

(b) Langkah² telah di-ambil untuk menambahkan lagi bilangan Jururawat² Pelatih Melayu di-latih selama dua tahun yang lalu seperti berikut:

Tarikh	Bilangan dalam Latihan	Pelatih Melayu	Pelatih bukan Melayu	Peratus Pelatih Melayu
1970 (seperti pada 31-12-70) ..	873	448	425	51.3%
1971 (seperti pada 30-12-71) ..	1037	745	292	71.8%

(Dengan izin)

(a) In the past, the entry qualification for student nurse training was English language and few Malay women applied for nursing due to not meeting this qualification. As promotion of Matrons is from existing nurses, this results in the small number of Malay women serving as Nursing Matrons in hospitals.

(b) Steps have been taken to increase the number of Malay student nurse in training within the last 2 years as shown below:

Date	No. of Students in Training	Malay Students	Non-Malay Students	% of Malay Students
1970 (as at 31-12-70)	873	448	425	51.3%
1971 (as at 30-12-71)	1037	745	292	71.8%

JACK-POT DALAM SPORTS TOTO— DA'AWAAN

15. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa ramai orang yang telah kena jack-pot dalam undi Sports Toto, biasa-nya tidak mendapat apa²; tetapi di-da'awa pula oleh polis di-mahkamah. Jika ya, mengapa.

Menteri Kebudayaan, Belia dan Sukan (Dato' Hamzah bin Dato' Abu Samah): Saya sedar bahawa sa-hingga sekarang ini, ada terdapat 15 tuntutan palsu dan tuntutan yang tidak dapat di-jelaskan bagi hadiah² pertama dan kedua. Butir² lanjut mengenai hal ini ada-lah seperti berikut:

- (1) Bagi chabutan Bil. 15/69, orang yang membuat tuntutan palsu tersebut telah di-hukum oleh Mahkamah Rendah Telok Anson atas tuduhan menipu;
- (2) Bagi chabutan Bil. 39/70 dan Bil. 11/71, dua orang yang membuat tuntutan palsu tidak dapat di-chari oleh pihak polis;
- (3) Bagi chabutan Bil. 54/70, orang yang membuat tuntutan palsu dan sa-orang pembantu penjual sharikat telah di-dapati bersalah dan di-jatuhkan hukuman 1½ tahun penjara tiap² sa-orang;
- (4) Bagi chabutan Bil. 30/70 (terdapat dua tuntutan palsu) dan chabutan Bil. 17/71 (terdapat satu tuntutan palsu), ketiga² orang yang membuat tuntutan palsu itu telah membawa tuntutan-nya ka-mahkamah;
- (5) Bagi chabutan² Bil. 39/70, 52/70, 53/70, 4/71, 5/71, 9/71, 22/71, 9/71 (Toto kecil), berjumlah 8 kes semuanya, orang² yang membuat tuntutan palsu tersebut telah tidak membangkitkan tuntutan mereka lagi sa-telah menerima jawapan dari Sharikat itu.

Untuk ma'aluman Ahli Yang Berhormat, dalam jangka-masa sejak Toto yang pertama di-buka pada 12hb Julai, 1969 sa-hingga 31hb

Disember, 1971, Sports Toto telah mengadakan 188 chabutan dan telah mengeluarkan 494,018 hadiah² berjumlah \$9,778,749. Dari jumlah tadi, seramai 57 orang telah memenangi hadiah pertama dan kedua.

(*Dengan izin*) I am aware that up to now there are, for first and second group prizes, 15 false claims and claims that could not and have not been settled. The details are as follows:

- (1) For draw No. 15/69, the false claimant was sentenced by Telok Anson Magistrate Court for cheating;
- (2) For draws No. 39/70 and 11/71, the two false claimants could not be traced by the police;
- (3) For draw No. 54/70, the false claimant and a Company Sales Assistant have been prosecuted and sentenced to 1½ years imprisonment each;
- (4) For draw No. 30/70 (with two false claimants) and No. 17/71 (with one false claimant), the three false claimants have brought the matter to court;
- (5) For draws No. 39/70, 52/70, 53/70, 4/71, 5/71, 9/71, 22/71, 9/71 (small Toto), totalling 8 cases, the false claimants abandoned their claim after receipt of the Company's reply.

For the information of the Honourable Member, during the period between the first toto draw held on 12th July, 1969 until 31st December, 1971, Sports Toto organised altogether 188 draws and distributed 494,018 prizes amounting to \$9,778,749. Of these, 57 persons have won the 1st and 2nd group prizes.

PEMULEHAN AKHLAK BAGI PELACHOR²

16. Tuan Su Liang Yu minta Menteri Kebajikan 'Am menyatakan sama ada Kementerian ini bertujuan untuk membuat satu projek pemulehan akhlak bagi semua perempuan pelachor.

Menteri Kebajikan 'Am (Tan Sri Fatimah binti Haji Hashim): Kementerian sudah pun menubuhkan ranchangan² untuk pemulehan pelachor² di-bawah Ordinan dan Enakmen Perlindungan Wanita dan Gadis² Negeri. Di-samping lain² ranchangan pemulehan, dua buah yayasan pemulehan—sa-buah di-Kuala

Lumpur dan sa-buah lagi di-Trengganu—kini telah ujud. Dua buah lagi yayasan yang seperti itu akan di-tubuhkan di-bawah Ranchangan Malaysia Yang Kedua—sa-buah di-Perak dan sa-buah lagi di-Negeri Sembilan.

(*Dengan izin*) The Ministry has already established programmes to rehabilitate prostitutes under the existing State Women and Girls Protection Enactments and Ordinances. Apart from other programmes of rehabilitation, two rehabilitation institutions—one in Kuala Lumpur and the other in Trengganu—are now available. Two more such institutions will be established under the Second Malaysia Plan—one in Perak and the other in Negri Sembilan.

MATA² PELAJARAN DALAM BAHASA MELAYU

17. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah benar dalam tahun depan (1972) empat mata pelajaran ia-itu Pendidikan Jasmani, Seni Lukis, Pertukangan Tangan dan Tata Ra'ayat di-Tingkatan Satu Sekolah Menengah Inggeris akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia, dan nyatakan juga ranchangan atau chadangan kerajaan mata² pelajaran apa-kah pula yang hendak di-sampaikan dalam Bahasa Malaysia dalam tahun 1973 dan 1974 di-Tingkatan Satu Sekolah Menengah Inggeris.

Menteri Pelajaran (Tuan Hussein bin Dato' Onn):

Bukan empat tetapi lima ia-itu:

1. Kesihatan.
2. Pendidikan Jasmani.
3. Seni Lukis dan Pertukangan Tangan.
4. Tata Ra'ayat.
5. Muzik.

Pada tahun 1973, dua lagi mata² pelajaran akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia:

1. Ilmu Alam.
2. Tawarikh.

Pada tahun 1974, tidak ada mata² pelajaran yang lain akan di-ajar dalam Bahasa Malaysia. Mata² pelajaran dalam tahun 1972 dan 1973 akan terus di-ajar.

KEPUTUSAN PEPEREKSAAN PENUNTUT² ISLAM

18. Tuan Haji Mohd. Zain bin Abdullah minta Menteri Pelajaran menyatakan ada-kah pernah beliau membuat suatu analisa mengenai keputusan peperiksaan bagi penuntut² Islam yang memasoki peperiksaan dalam Bulan Puasa, sama ada mereka menerima kesan burok atau sa-balek-nya.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Tidak.

GURU² SEMENTARA DALAM PERKHIDMATAN PERGURUAN

19. Tuan Fan Yew Teng minta Menteri Pelajaran menyatakan jumlah guru² sementara yang berada di-dalam Perkhidmatan Perguruan di-Malaysia Barat pada 31hb Disember, 1969, 1970 dan 1971 Negeri demi Negeri, dan juga menyatakan sama ada Kementerian beliau akan membuat keputusan untuk meletakkan guru² ini di-dalam Perkhidmatan Tetap.

Tuan Hussein bin Dato' Onn: Jumlah guru² sementara dalam Perkhidmatan Perguruan di-Malaysia Barat dalam tahun² tersebut ada-lah saperti berikut:

Negeri	31hb Dis., 1969	31hb Dis., 1970	31hb Dis., 1971
Perlis	30	25	41
Kedah	164	321	350
Perak	218	290	576
Selangor	586	613	729
Negeri Sembilan	81	161	222
Melaka	47	69	87
Johor	297	350	749
Pahang	139	152	380
Trengganu	18	26	108
Kelantan	327	234	421
Pulau Pinang	35	51	74
Jumlah	1,942	2,292	3,737

Perkara menempatkan mereka ka-dalam perkhidmatan tetap sedang di-kaji.

PEMINJAM² WANG MENGENAKAN FAEDAH

20. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan menyatakan sama ada beliau sedar bahawa peminjam² wang mengenakan faedah sa-banyak 12% tiap² bulan dengan faedah serta pinjaman pokok di-kirakan sa-kali sa-masa membuat surat perjanjian,

dengan demikian apabila tamat tempoh-nya faedah yang awal tadi menjadi pokok pula dan begitu-lah sa-terus-nya dan jika ya, apa-kah tindakan yang akan di-ambil.

Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan (Dato' Ong Kee Hui): Kerajaan tidak sedar yang ada peminjam² wang yang mengenakan faedah 12% sa-bulan di-atas pinjaman² dan mengirakan pinjaman pokok serta faedah-nya sa-kali sa-masa membuat surat perjanjian. Mengikut peruntukan di-dalam Moneylenders Ordinance, 1951, kadar faedah yang boleh di-kenakan ka-atas pinjaman yang berhagar tidak boleh lebeh daripada 12% sa-tahun dan bagi pinjaman tidak berhagar tidak lebeh daripada 18% sa-tahun.

Jika Ahli Yang Berhormat itu boleh memberikan kepada Kementerian saya nama² dan alamat, jika ada, peminjam² wang yang mengenakan faedah yang lebeh itu, saya akan mengarahkan Kementerian saya memulakan siasatan dan mengambil tindakan yang sesuai.

(Dengan izin) The Government is not aware that moneylenders are imposing 12% interest on loans per month and calculating the capital and interest together at the time the agreement is drawn up. As provided for in the Moneylenders Ordinance, 1951, the amount of interest that can be charged on a secured loan should not exceed 12% per annum and on an unsecured loan 18% per annum.

If the Honourable Member would supply my Ministry with the names and addresses, if possible, of the moneylenders who are overcharging their clients, I will ask my Ministry to start investigations and take appropriate action.

STAMFORD RAFFLES DENGAN RAJA² MELAYU—SURAT² ASAL

21. Tuan Haji Ahmad bin Arshad bertanya kepada Menteri Teknologi, Penyelidikan dan Kerajaan Tempatan ada-kah Kerajaan Inggeris telah di-minta memberikan kepada Arkib Negara salinan² atau surat² asal di-antara Stamford Raffles dengan Raja² Melayu/Jawa, yang di-jumpai di-Scotland baharu² ini; dan ada-kah Malaysia pernah di-hadiahkan dokumen² bersejarah yang kena mengena dengan Malaysia, Raffles, Lord Minto dan lain² daripada Kerajaan Inggeris, Portugis dan Belanda.

Dato' Ong Kee Hui: Salinan surat² diantara Sir Stamford Raffles dengan Raja² Melayu yang di-jumpai di-Scotland pada penghujung tahun 1970 telah pun siap di-maikerofilem di-India Office Library, London dan akan di-terima di-Kuala Lumpur beberapa hari lagi. Salinan maikerofilem ini dibeli dengan harga £60.

Pada bulan Oktober 1970 Arkib Negara telah menerima 4 jilid salinan photostat surat² Sir Stamford Raffles kepada Lord Minto yang di-hadiahkan oleh Kerajaan British. Tidak ada hadiah dokumen² atau salinan-nya di-terima daripada Kerajaan² Portugis atau Belanda.

(Dengan izin) A copy of the correspondence between Sir Stamford Raffles and Malay Rulers found in Scotland late last year has been microfilmed at the India Office Library, London. It is expected to be received in Kuala Lumpur soon. It is purchased at a cost of £60.

In October 1970, 4 volumes of photostat copies of correspondence between Sir Stamford Raffles and Lord Minto were presented to the National Archives by the British Government. No gift of documents or their copies has been received from either the Portuguese or Netherlands Government.

TANAH² SIMPANAN ORANG² MELAYU—PENYIASATAN

22. Tuan Abu Bakar bin Umar minta Menteri Perusahaan Utama menyatakan apakah hasil penyiasatan beliau ka-atas tanah² simpanan orang² Melayu yang telah digadaikan kepada peminjam² wang dan sama ada beliau berchadang mengemukakan suatu Undang² untuk menghapuskan peminjam² wang ini.

Menteri Perusahaan Utama (Tuan Haji Abdul Taib bin Mahmud): Satu Jawatan-kuasa yang di-ketuai oleh Ketua Pengarah Tanah telah pun di-lantek untuk mengkaji masaelah tanah² dalam simpanan Melayu yang tergadai di-jalankan. Jawatankuasa ini telah pun membuat satu penyata dan penyata ini telah pun di-bentangkan di-Jema'ah Menteri. Juma'ah Menteri telah pun menyemak perkara ini dengan teliti dan ada beberapa perkara yang terkandung dalam penyata itu yang harus mendapat semakan yang lebih teliti. Oleh yang demikian, satu

Jawatan-kuasa yang di-pengerusikan oleh saya sendiri telah pun di-lantek untuk mengkaji masaelah itu lebih mendalam. Hasil daripada penyata ini beberapa pindaan kepada Kanun Tanah Negara dan Ordinan Peminjam² Wang akan di-buat dalam ikhtiar mengatasi masaelah tanah² simpanan Melayu yang tergadai itu.

PENGHIDAP PENYAKIT DARAH BEKU

23. Tuan Haji Abdul Wahab bin Yunus minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapa ramai-kah orang² yang menghidap penyakit darah beku di-negara ini dan apa-kah sebab-nya; dan
- (b) apa-kah usaha untuk mengelakkan dari penyakit yang tersebut.

Tuan Lee Siok Yew:

- (a) Bilangan penduduk² yang menghidap penyakit darah beku di-dalam negeri ini tiada di-ketahui oleh kerana bukan semua mereka² yang menghidap penyakit itu di-rawat di-hospital² Kerajaan. Bagaimana pun angka² menunjukkan bahawa penduduk² lelaki di-dalam masyarakat atasan yang berumur 55 atau lebih senang di-hinggapi oleh penyakit darah beku. Kejadian penyakit ini juga nampak-nya semakin banyak terjadi di-kalangan orang² yang lebih muda. Kejadian penyakit ini ada-lah kurang di-dalam kawasan² luar bandar. Penyakit itu ada-lah di-sebabkan oleh penyakit degeneratif urat², darah tinggi, kenching manis, sipilis, obesiti, terlalu banyak bekerja dan runsing terlalu banyak makan lemak dan makanan² yang kaya dengan vitamin². Ada juga kemungkinan penyakit itu berturun menurun di-kalangan keluarga.
- (b) Penyakit ini tidak dapat di-chegah sama sa-kali. Kejadian penyakit ini dapat di-kurangkan dengan mengurangkan kerja² dan kerunsingan, mengurangkan makanan yang kaya dengan vitamin² seperti kuning telur, hati, buah pinggang dan lemak² binatang, selalu bersenam menghindarkan penggunaan tembakau, mengawal obesiti dan jika mereka menghidapi penyakit

kenching manis dan darah tinggi supaya mendapatkan rawatan yang sempurna.

(Dengan izin)

(a) The number of people suffering from thrombosis is not known as not all people suffering from the disease are treated in Government hospitals. Statistics, however, indicate that the male population in affluent societies above the age of 55 are more prone to suffer from thrombosis. Incidence of the disease appears to be also on the increase now-a-days amongst the younger age groups. It is low in the rural areas. The disease is precipitated by degenerative disease of the blood vessels, high blood pressure, diabetes, syphilis, obesity, stress and strain, high intake of animal fats and rich foods. There is also a tendency for the disease to run in families.

(b) The disease is not entirely preventable. Incidence can be reduced by removing stress and strain, moderation in eating habits, restraint in taking of rich foods, e.g., egg yoke, liver, kidneys and animal fats, taking regular and graduated exercise, restraint in the use of tobacco, control of obesity and if they suffer from diabetes or high blood pressure to seek proper treatment.

RANG UNDANG²

RANG UNDANG² PERBEKALAN, 1972

Bachaaan Kali Yang Kedua

Atoran Urusan Meshuarat di-bachakan bagi menyambong sa-mula Perbahathan yang ditanggohkan atas masaalah, "Bahawa Rang Undang² ini di-bachakan kali yang kedua sekarang" (12hb Januari, 1972).

Perbahathan di-sambong sa-mula.

Tuan Yeoh Teck Chye (Bukit Bintang): (Dengan izin) Mr Speaker, Sir, the Minister of Finance, Tun Tan Siew Sin, owes a debt of gratitude to the workers of this country because his Ministry had drawn a substantial amount from the Employees Provident Fund. In 1971, out of a net domestic borrowing of \$670 million, \$298 million came from the E.P.F., accounting for 45% of the domestic borrowing. And the Minister had indicated that a further \$266 million will

come from the E.P.F. for the current year, out of a net domestic borrowing of \$600 million. This is clear indication that the sweat and toil of the workers of this country had contributed significantly towards the development and progress of the country, without which the Plan itself will collapse.

Mr Speaker, Sir, I would like to make some observations on the employment situation with reference to what the Minister of Finance had said earlier in this House. Although I am glad that the Minister had conceded that "information on employment is still uncomfortably limited", it is no comfort for us to leave it at that without getting the Ministry of Labour and Manpower and the Department of Statistics to remedy the situation. In the light of what the Minister had said regarding inaccurate or inadequate information on employment, one would be compelled to conclude that most projections contained in the Second Malaysia Plan also could be misleading if not totally undependable.

Sir, the Plan envisages 600,000 jobs or 120,000 jobs per year during the 5-year period. Since the introduction of the Plan, a year has lapsed. Therefore, it would be appropriate to ask the Minister how many new jobs had been created in the past year. Has it met the target, or is there a short fall? The Minister had referred to certain "improvement of the employment position in the past year". This he based on the decline in the number of registered unemployed at the Labour Exchange. We note that from 170,000 in 1970, it had fallen to 158,870 for the first 10 months of 1971. The Minister had been good enough to admit that the figure is only a partial indicator, since not all the unemployed make use of the services of the Exchanges. Therefore it follows that it is not a safe criterion for optimism.

I understand that the Department of Statistics had made a recent survey on the extent of unemployment in this country. I believe that the findings also indicate the situation by racial breakdowns. I wonder why the Government is reluctant to make public this report. I would not like to impute some sinister motive in hiding the findings of a Government Department, but others will.

Mr Speaker, Sir, I think it will be useful if we take due notice of some comments made on the subject of unemployment by certain

impartial observers. At a recent seminar on "Trade Unions and Economic Development" in Kuala Lumpur and at the MTUC Forum on the same subject in Penang, a University Professor in Economics, Dr. K.S. Nijhar had said that he is not convinced of the targets of employment as contained in the Second Malaysia Plan. He stated that by 1975 we will have a higher rate of unemployment than is forecast in the Plan.

The Minister had also assumed that there are no short-term measures to solve the unemployment problem which again is debatable. In fact, Dr. Nijhar had suggested certain short term plans that can be usefully examined if the Government deems fit to do so.

The Minister also said that priority of employment to Malaysian citizens and restriction of overtime have resulted in 75,000 jobs, 53,000 of which have been filled. This is a statistical illusion conjured up by the Minister because far from jobs being unfilled, unemployment is rampant particularly in the period when thousands pour out from schools and we are far from full employment. He is also very proud of the fact that only 7,893 man-days are lost through strikes because of the revival of NJLAC. Though NJLAC is functioning at the moment, it is still far from satisfactory and I maintain that this reduction of man-days lost is because labour has been very tolerant and has been keeping themselves restrained because of their responsibilities towards the country and the people.

After the Declaration of Emergency in May 1969, the Government, without assigning any reasons, suspended all the Departmental Whitley Councils and the National Whitley Council. The quasi-Government bodies followed suit by dissolving their joint negotiating machineries. These machineries provided a venue for dialogue between the Government and the representatives of its employees so that industrial peace could be maintained and efficiency improved. Not only the Government suspended and dissolved these important and useful instruments, it started revoking agreements reached within the frame-work of these machineries: several amendments to the terms and conditions affecting employees were introduced unilaterally. This has caused considerable frustration among the workers

in the public sector. Since the Parliamentary rule has been restored in Malaysia, the unions in the public sector have been clamouring for the restoration of the Whitley Councils and the joint negotiating machineries. Repeated assurances have been given but the position remains the same.

In a speech given by the Honourable Labour Minister at a seminar for Members of Parliament on 18th February, 1971, he declared that the Government encourages the establishment of joint agreed machinery in places of employment for resolving employer-employee problems. I fail to understand the logic of this declaration, when the Government which is the biggest employer, adamantly refuses to restore the joint machineries in its own establishments after arbitrarily dissolving them.

Having been closely associated with the Trade Union Movement in this country, I am fully aware of the frustration of the workers in the public sector. In the interest of industrial peace, I appeal to the Government to restore the Whitley Council and the joint machineries without further delay.

There are several bodies in which trade union representation is given to protect the workers' interest. Malaysian Trade Union Congress, which is the only recognised body of the workers in this country, should be responsible for making nominations to these bodies, boards and commissions. However, more often than not, the Ministry of Labour and Manpower will call for more nominees than necessary in order to enable the Minister to choose—probably his blue-eyed boys. Occasionally, the Minister will ask for further nominations; maybe because there were no blue-eyed boys in the first list. There were occasions in the past when the Minister had ignored the nominees of the M.T.U.C. and appointed persons of his own choice. In his right of prerogative, he has even gone to the extent of nominating persons who are not workers or trade unionists to represent workers. This makes the representation a mockery. I call upon the Minister to give the recognition that is justly due to the Malaysian Trade Union Congress and stop this 'blue-eyed boy' business.

In a recent statement by the Minister for Labour and Manpower, he admitted he was aware of the existence of industries and factories which pay wages as low as \$1.20

to \$1.50 a day. The workers are aware that these industries and factories make fantastic profit from their sweat and labour. These unscrupulous employers not only exploit the workers to the extreme, but deliberately cheat the Government by submitting false income tax returns. They remain in the good books of the Government by making donations to the political funds of the ruling party and to projects in which the Alliance leaders have a visible hand.

I wish to take this opportunity to warn the Government that it is time the Government should take a very serious view of the situation. Profit-sharing must be made mandatory on a percentage basis. It is time that the workers are made to feel that they have a stake in the industry they are employed. It will improve productivity and efficiency and ensure industrial peace.

There are hundreds of thousands of unorganised workers in Malaysia. It is easy to put the blame on the leaders of the trade unions for this deplorable situation. Certainly, the trade union leaders would like and would be happy and willing to get as many workers as possible into the fold of the trade union family. Then what actually is the cause for this situation? Is it because the workers are not interested to be unionised? I have hardly come across workers who refused to be organised. The main cause is fear—yes, fear of victimisation. Let the Minister of Labour take a stroll in the busy streets of Kuala Lumpur where there are hundreds of business concerns where workers are not organised. If he were to make friends and were to talk to them, he will discover to his horror that they are terribly afraid of organising themselves because of their dread of their employers, who would victimise them under any pretext. With an ever-increasing unemployment situation, these workers dare not even think of taking any chance that might result in their losing their jobs which they might have got after years of search. For the sake of their family and for the sake of their wife and children and their dependants, they prepare themselves to humiliation, ill-treatment and exploitation by their employers.

It is no exaggeration when I say there are several employers in this country who violate, ignore and disregard the provisions of the Employment Ordinance. They refuse to grant their workers the minimum number of public

holidays, the annual leave, overtime, etc. Recently, I reported to the Selangor Labour Department that an employer was not going to grant public holidays to his workers for Hari Raya, although he had declared two days for Hari Raya in his notice board. When the enforcement officer contacted the employer, his immediate reaction was who reported the matter to the Labour Department. He finally gave one day holiday, but the workers were forced to work the next day but were not granted any overtime. In the meanwhile the employer is still trying to find out who the culprit was, and the worker concerned, I am sure, is in perpetual fear of losing his job. Unless retrenchments and dismissals are regulated, unless unemployment is eliminated or at least reduced—organisations of workers will continue to present insurmountable difficulties, and so long as workers are not properly organised, they will continue to be exploited which will eventually lead to disaster in this country.

Like the Suffian Commission's Report, the Aziz Commission's recommendations have presented innumerable problems to the teachers and their profession. In this respect, I congratulate the Minister of Education for having found the time to have lengthy discussions with the representatives of the teachers; and I am sure the dialogue must have brought better understanding between the teachers and the Government. However, several problems remain unresolved. Thousands of teachers are in a dilemma whether to accept or reject the recommendations. I appeal to the Minister not to be in a hurry to implement the recommendations. Give the teachers some more time to make up their minds. In the meantime, I call upon the Minister to set up a machinery for joint discussion with a view to solving the outstanding problems. *Ad Hoc* discussions are not sufficient. There was a joint machinery in the name of National Joint Council of Teachers, which has been buried along with the Whitley Councils. It is time that the Government revived the joint machinery.

Mr Speaker, Sir, I would touch briefly on the Balance of Payments, which according to the Minister of Finance, is in a favourable position with a surplus of \$215 million. This, I think is a nice act of jugglery of figures. The Minister has clearly shown a record of surplus because he has been able to borrow from foreign sources to the extent of \$330

million. If we offset this against the \$215 million, there will be a clean deficit of \$115 million.

I wonder how the Minister can claim a favourable balance of payments position while there is no actual performance, where exports exceed imports. Certainly not with borrowed funds which will only enlarge our accumulated foreign debts.

While the Minister expects the banking sector to raise \$210 million for the financing of the Development Estimates, I wonder if he has taken into consideration the nervousness of the traditional commercial community, following the recent thrusts made into their sector by the Government in the name of PERNAS, MARA, Malaysian Industrial Development Corporation, Malaysian International Shipping Corporation and the State Development Corporations.

It is observed that in the '60s the figure had always been \$600 million; 1970, \$725 million; 1971, it was expected to be over \$800 million and 1972, \$910 million. These big figures in 1970, 1971 and 1972, include cheques that are signed for PERNAS, for example, \$75 million. Signing away cheques *per se* is not the criterion of development in this country as we are not certain of how and whether the money is actually spent usefully on development or it is merely wasted and has gone down the drain.

The Second Malaysia Plan envisages an expenditure of \$7,100 million over a five-year period or \$1,420 million per year. For the first ten months of 1971 the paid-up capital was only \$488 million. Even allowing for the gestation period of industrial projects of 2-3 years, it means we are not achieving one third of our targets.

Now, again for the Muda Irrigation Scheme and the Kemubu Scheme the Government would have spent more than \$400 million. Even with double cropping it does not mean that the income of our rice farmers has been appreciably increased because of the high cost of production, compared to our neighbouring countries. Fertilisers will attract a Sales Tax of 5% and the farmers and peasants in this country will be really badly hit as this will add further to their already high cost of production.

According to the Minister, cost of living increased from 1½% to 2% in 1971—an average rise of 1½% to 2% per annum. The

Minister has again been juggling with indices. The Malaysian dollar has shrunk in size in its purchasing capacity and one has only to go to the market to see how much the cost of living has gone up.

The serious consequence of any increase in indirect taxation or imposition of new indirect taxation is that most traders round off figures, e.g. 52 cents to 55 or 60 cents. A 5% tax will literally mean a 10% increase in consumer goods.

Mr Speaker, Sir, before I close I would like the Minister to consider the plight of old pensioners who had served the country faithfully and well for a long time. They should also come under the existing provisions and have their full pension rights restored. Thank you.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Sabelum daripada saya menjemput Ahli² Yang Berhormat berchakap, terutama-nya saya minta-lah kerjasama daripada Ahli² Yang Berhormat, mengingatkan pesanan Yang Berhormat Tuan Speaker di-dalam ucapan-nya—jangan-lah lebeh daripada dua puluh minit sa-orang, sebab hari ini hari yang ketiga, ada sa-hari sahaja besok. Jikalau sa-kira-nya Ahli Yang Berhormat memen-dekkan ucapan, saya rasa tentu-lah ramai daripada Ahli² Yang Berhormat akan dapat berchakap.

Yang kedua, saya tidak akan menerima apa² chit yang di-hantar naik daripada Ahli² Yang Berhormat yang minta berchakap. Memang tiap² sa-orang Ahli ada hak berchakap dalam Dewan ini, dengan syarat Ahli² yang lain kena-lah memberi peluang kapada Ahli² yang lain itu berchakap dengan jalan memendekkan ucapan masing². Ma'ana-nya tidak ada Ahli yang boleh meminta berchakap dahulu. Mengikut Atoran dan Peratoran Tetap, siapa yang Tuan Speaker ternampak dahulu, itu-lah di-jemput akan berchakap.

Dr Lim Chong Eu (Tanjong): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has to be congratulated for having built up a remarkable personal record of being the longest serving Minister of Finance in any country. However, at the same time he has developed a penchant for giving labels to the Budgets he presents to this House, usually to beguile the Honourable Members of the House from looking too

closely into his bag of tricks. This year he has referred to the 1972 Budget as a forward-looking Budget. Mr Speaker, Sir, to my mind, it is only human that as one grows older one tends to become presbyopic and the Honourable Minister seems to have taken his forward-look without having been accustomed to wearing bifocals and thus in many ways the 1972 Budget is a rather hazy one.

I find that the Budget presentation this year is, however, refreshing in that there are now some indications and evidences that the Honourable Minister is more ready to consult the wishes and opinions of the people of this country. To some extent this change of attitude has been dictated by the uncertainty of the foreign markets with the anticipated decline in exports to every country, except to the United Kingdom. To some extent also it reflects the growing importance of our own home market which, in the view of the Honourable Minister, provides the resilience and basic strength of the Malaysian economy. This is as it should be and as Malaysia matures as an independent nation we must become more and more aware of the domestic demand of our people whilst appreciating that economically speaking there must always be some measure of interdependence with the other nations of the world in order to maintain our own national economic well-being. Mr Speaker, Sir, it is in this vein that I wish to put forward our opinions on the 1972 Budget.

I would like to deal with the proposed new revenue measures, and in particular, with the proposed single stage Sales Tax of 5%, not so much to discuss its merits or demerits, which I hope to bring up during the debate on the Bill on the Sales Tax itself, but rather to correlate the implied motivations of this Sales Tax measures with the principles underlying the 1972 Budget. There can be no doubt that the Sales Tax will be a highly controversial issue and its implementation will set into action a whole chain of repercussions affecting the entire future economy of Malaysia. To my mind, the Government will be hard put to rebut the criticisms against the new tax simply because a close study of the Budget will indicate that with sterner budgetary control the Honourable Minister of Finance need not necessarily have proposed the new sources of revenue he now intends to implement.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister has indicated that this year's Budget consolidates the operating and development estimates in one document. Therefore, I think that we should examine both these two aspects of the Budget at the same time. Because the estimated financial out-turn for 1971 has not been finalised, we have to refer to the 1970 performance presented by the Honourable Minister. We were told that for that year the ordinary Budget expenditure was 5% lower than the estimates of \$2,340 million for that year. We have to assume that this degree of leeway has been carried into the 1972 Budget estimate for operating expenditure. When we further consider this in relation with the statement that in 1972 it is expected that there will be a shortfall of 30% in the estimated expenditure for development, I think Honourable Members will agree with me that the Honourable Minister of Finance has been too overly cautious to cushion his expenditure proposals to make a really strong case for the proposed new revenue measures and other tax changes for 1972.

Mr Speaker, Sir, what this examination of the consolidated Budget indicates is that whereas the Honourable Minister of Finance proposes to raise an additional \$122.3 million from the new revenue and tax measures, it is clear that the 30% shortfall from Development Estimates alone will represent a sum of about \$441.3 million. In effect it means that a more realistic Budget for development can more than offset the total new additional revenue which the Honourable Minister seeks to milk from the people.

Mr Speaker, Sir, after all at this stage of our national development, the Honourable Minister can remove all the anxieties of the people with regard to increased hardship and increased burden of taxation by simply limiting the proposed estimates for development expenditure to allow of an anticipated shortfall of only 20 per cent instead of the expected 30 per cent he now proposes. This simple exercise will by itself account for a saving of \$133.4 million on the proposed 1972 Budget which, as I said, will more than offset the entire total additional revenue estimated from the new taxes which are expected to yield \$122.3 million.

Mr Speaker, Sir, I do not think that a more stringent control over the proposed development estimates will be inconsistent with what

the Honourable Minister of Finance himself has observed, namely, that the allocation made for development expenditure has always been higher than actual expenditure in any given year. Certainly I consider that it will be more in accord with his own often repeated caution to his own colleagues on the Government Benches and to Government Officials to curtail the upward spiralling of costs once they have been estimated and provided for in the Budget.

Mr Speaker, Sir, without in any way detracting upon the conceptual merits of the new revenue measures and particularly of the Sales Tax, it is our opinion and the opinion of many people in our country that the Honourable Minister has not put forth a really good case for imposing these new additional taxes upon the people.

To some extent I think the Honourable Minister is himself aware of the fact that he has comfortably cushioned himself against any untoward or unexpected shortfalls in revenue collection in 1972 when he generously allows an interval of time to elapse between the announcement and the implementation of the Sales Tax which will, by itself, account for \$84 million of the new revenue. In so far as this interval of time does provide the Government adequate time to consult with the people, this is a wise move. However, I would like to urge the Honourable Minister of Finance to carefully review his policies before implementing them.

Mr Speaker, Sir, without anticipating the actual debate on the Sales Tax Bill, I would like to draw the Honourable Minister's attention to certain critical consequences which he may have overlooked. I think he has clearly overlooked the effects which the new sales tax will have upon the workers of our country. I have carefully studied his statement on how his Ministry will enlighten the public about this new tax. Nowhere have I found any reference or any mention of consultation with the workers or with the Trade Unions in his statement. I regard this to be a serious omission which I hope he will rectify as soon as possible.

Mr Speaker, Sir, it is our opinion that the intrinsic flaw, the defect of the proposed Sales Tax is that the Honourable Minister has not seriously considered the consequences it will have upon the good relationship, which he says has prevailed hitherto between labour

and management; and upon the stable cost of living, which he says is reflected by the fact that the rise in retail price index since 1963 has been less than one per cent per annum.

I urge the Honourable Minister in particular to review his policy on how the tax is to be levied. In calculating the measure of taxation it is of paramount importance that the Honourable Minister must not include the labour force component of locally manufactured goods. I therefore call upon the Honourable Minister to give this assurance to the people of Malaysia.

Mr Speaker, Sir, unless this is carried out, the Honourable Minister may well have initiated a whirlpool of disaster into our New Economic Policy. The vicious cycle of this whirlpool will then be an increased cost of locally manufactured goods to our own domestic consumers followed by an increased cost of living followed in turn by new stresses and strains in the hitherto good relations between labour and management when the workers as consumers begin to ask for more pay with resulting increased cost of labour and the cycle becomes complete when the increased cost of labour is then once again taxed to produce an increased cost of production, which will upset the domestic demand and lessen all competitive marketing overseas and seriously cripple the export capabilities of our manufacturing industry.

I suggest to the Honourable Minister that he must never overlook the importance of the role of the workers in our country. He must give credence to this New Economic Policy which seeks, amongst other things, to create new employment opportunities. He must therefore eliminate the labour cost factor of locally manufactured goods from the computation of the value of goods liable to the Sales Tax, otherwise the new economic policy will present a peculiarly perilous anomaly, in that the new workers whom we have created for our new industries will be taxed for the very efforts which they have to put into producing the new goods and then as consumers, they will have to pay more for the very goods which they have produced.

Mr Speaker, Sir, I would like quickly to touch upon a few subjects which have been referred to by the Honourable Minister when presenting the Budget. The Honourable Minister has referred briefly to the build up of State Government deposits with the

banking system. I hope that the Honourable Minister of Finance will carry out his declaration to provide a greater financial incentive to those States which have exercised careful budgeting and which are poised for greater expansion in their development programme by way of more grants and special long-term soft loans to help these States to finance their development programmes.

The Honourable Minister has also attributed the performance of the 1970 Budget, when \$118 million was not spent, or saved, from the ordinary Budget expenditure, to a 15 per cent shortfall in the expenditure on security. I hope that the Honourable Minister will not unduly attempt to save on security expenditure and where such savings occur he will direct them towards building up the funds for national unity and national goodwill. In the light of the good work that has been done by the Goodwill Committees throughout the country, especially in providing effective support for the work of the Security Forces, I urge him to give more generously to those funds so as to enable the Goodwill and National Unity Organisations to function even more effectively in the future.

Furthermore I would urge him to provide greater financial support to the Ex-servicemen's Association and to the families of the members of the Security Forces who have been wounded or killed in the defence of our nation's security. We must never forget their courage and their dedication in the service of our nation.

Mr Speaker, Sir, the 1972 Budget proposes an increase of \$27 million over the provisions for 1971 for pensions and gratuities. I would like to take this opportunity to congratulate the Honourable Minister for having kept in mind the interests of those who have served our country so faithfully and well, especially in view of the increasing cost of living, slow as this increased cost has been. However, I would like to draw the attention of the Honourable Minister to the very special plight, namely, of those very old pensioners, whose members are few and dwindling, but whose needs nevertheless call for sympathetic resolution. Bearing in mind the interests of Government pensioners in general, I refer particularly to the plight of the very old Government pensioners resident in Penang. They have repeatedly appealed for the

restoration of the quarter pension to pensioners who have survived the period for which the quarter pension was originally commuted in a lump sum payment in advance. Although most of these pensioners had given their services to the country long before Merdeka, nevertheless they should not be treated as forgotten men. Other Commonwealth countries including Singapore had already granted this restoration several years ago. I plead on their behalf and I hope that the Honourable Minister will sympathetically consider their very special circumstances. (*Tepok*).

Mr Speaker, Sir, there is no doubt that when the Budget proposals are passed that there must inevitably be an upward trend in the cost of living index. I hope that the Honourable Minister of Finance will appreciate that one of the most effective ways to enforce a stricter control over unwarranted price increases is to enlist the assistance of the National and the various State Consumers' Associations, which have developed so vigorously these recent years. I therefore urge the Honourable Minister to give greater financial assistance to these Consumers' Associations so that they can grow and play an increasingly important role in the implementation of the New Economic Policy. They require this assistance urgently if they are to grow healthily.

Mr Speaker, Sir, in conclusion, I would like to refer to what may have been the underlying anxiety of the Honourable Minister which probably prompted him to present his forward looking Budget to cushion against the shock of possible shortfalls in revenue. I refer to the interdependence of the Malaysian economy with the rest of the world. I urge the Honourable Minister to provide adequate funds for the development of a more effective foreign marketing promotion in order to secure outlets for export orientated industries. This is often a fiercely competitive area of activity requiring large sums of expenditure for advertising, promotion and also requiring diplomacy and tact.

In this context, we greatly welcome the efforts of the Honourable Prime Minister in securing a more mutually beneficial South-East-Asian community and we congratulate him for the successes that he has so far achieved in securing the peaceful neutralisation of South-East Asia. This new foreign

policy posture will we hope offset the rather gloomy prospects which the Honourable Minister of Finance has pointed out for us with regard to our export to foreign countries. To a very large extent, the cornerstone of this new foreign policy depends upon the responses of the United States, the Soviet Union and the People's Republic of China towards the neutralisation of South-East Asia. And to some measure the performance of our exports to these three major powers will inevitably reflect the success of the concept of neutralisation. I therefore urge the Honourable Minister of Finance to provide funds to strengthen our trade ties with these countries.

In this light it is further appropriate for us to realise that whilst the strengthening of trade ties with the United States and the Soviet Union can be based upon already existing diplomatic relations with these two nations, nevertheless we still have to normalise our diplomatic relations with the People's Republic of China. I would like to suggest that perhaps the resolution of the anomaly of our ties with Taiwan, while seeking the support of the People's Republic of China, will more readily enhance the very views expressed by the Honourable Minister of Finance himself that the trade with China has been picking up in the latter months of 1971.

Mr Speaker, Sir, the people of Malaysia have shown that we can meet the challenges confronting a newly independent nation. I commend the Honourable Minister of Finance when he concluded his Budget speech by saying that each and everyone of us can together face with better confidence any trials that may be ahead. In conclusion myself, I ask the Honourable Minister of Finance to think very carefully before he introduces his new tax proposals. Whilst conceptually the Sales Tax may be correct, that there should be a more equitable sharing of the burden of taxation, I urge him to review the method of imposition of the tax measure which may cause chain consequences that could sap away the stamina of our people. I ask the Honourable Minister of Finance to ponder carefully whether this is the opportune time to introduce new revenue measures and tax changes which in effect will cause the people to share their anxiety which the

Honourable Minister of Finance obviously has developed when taking too distant a view of our prospects. Thank you.

Wan Mokhtar bin Ahmad (Kemaman):
Tuan Yang di-Pertua, telah menjadi kebiasaan kepada peniaga² yang tidak bertanggung-jawab mengambil peluang menaikkan barang² perniagaan mereka pada tiap² kali Persidangan Belanjawan negara di-adakan. Kadang² barang² keperluan yang tidak kena-mengena dengan chukai baharu di-libatkan sama dalam kumpulan barang² yang di-naikkan chukai, dengan tujuan untuk menaikkan harga barang² itu sa-bagaimana yang berlaku pada gula baharu² ini. Tindakan yang sa-umpama ini menimbulkan rasa gelisah dan tidak senang hati dikalangan ra'ayat dan ini menamatkan semangat benchi mereka kepada Kerajaan. Sedang perkara ini timbul-nya bukan dari Kerajaan, tetapi oleh sa-golongan kecil yang saya katakan di-atas tadi dengan menyebarkan khabar² angin akan kenaikan barang² serta menaikkan-nya. Sungguh pun Kerajaan, terutama Menteri Perdagangan dan Perusahaan telah memberi jaminan akan bertindak tegas terhadap golongan peniaga² yang tidak bertanggung-jawab tadi, dengan menghantar pegawai² dari Kementerian untuk menyiasat dan mengambil tindakan yang sa-wajar-nya, tetapi tindakan itu tentu-lah tidak dapat di-jalankan serentak di-seluruh negara oleh kerana kekurangan pegawai² dan kaki-tangan.

Oleh itu, sa-lain dari tindakan yang di-jalankan oleh Kerajaan bagi mengawal dan menjaga harga barang² keperluan supaya tidak di-naikkan. Saya berpendapat ia-lah dengan Kerajaan mengadakan stock-pile sendiri bagi barang² keperluan hari². Sa-bagai contoh ia-lah beras. Oleh kerana Kerajaan mempunyai simpanan sendiri, maka harga beras tidak-lah boleh di-permainkan oleh peniaga yang tidak bertanggung-jawab. Dan baharu² ini harga beras juga chuba hendak di-naikkan di-Sarawak, dan telah hilang dari pasaran buat beberapa ketika, yang menyebabkan kegelisahan penduduk² di-sana, tetapi oleh kerana Kerajaan mempunyai simpanan-nya sendiri, maka perkara ini dapat di-atasi dan perchubaan jahat dari peniaga² yang tidak bertanggung-jawab itu telah gagal. Oleh itu, saya mengshorkan kepada Kerajaan supaya

mengadakan stockpile bagi barang² keperluan seperti gula, gandum dan minyak sa-lain daripada simpanan beras yang ada, bagi menjamin harga barang² tersebut supaya tidak di-permainkan oleh mereka yang tidak bertanggung-jawab.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Menteri Kewangan dalam ucapan belanjawan-nya telah menyatakan bahawa Belanjawan yang di-rangka ini ada-lah dengan satu chara, di-mana matlamat dan insperasi Rancangan Malaysia Kedua yang di-beri perhatian, dan peruntukan \$141 juta telah pun di-beri bagi rancangan perusahaan dan perdagangan melalui perbadanan Kerajaan seperti MARA, PERNAS dan sa-bagai-nya. Pada masa ini satu²-nya badan yang dapat bumiputra menerima pelajaran dan pinjaman wang ia-lah MARA. Sa-lain daripada Bahagian Khidmat Nasihat memberi berbagai² nasihat yang di-perlukan, bahagian pinjaman juga memberi pinjam modal dengan syarat² tertentu yang menjamin bahawa wang pinjaman itu akan dapat di-bayar balek. Satu perkara yang mendukachitakan ia-lah kekurangan wang bahagian tersebut. Walau pun sa-tengah² pemohon itu telah mendapat kelulusan pinjaman, tetapi bahagian ini tidak dapat mengeluarkan wang-nya oleh kerana kehabisan dan terpaksa menunggu buat beberapa ketika. Kalau-lah masa merupakan ilmu pengetahuan kepada sa-orang pelajar, maka masa ada-lah merupakan wang kepada sa-orang ahli perniagaan. Kenapa-kah pehak Perbendaharaan begitu berhati² untuk memberi pinjam wang kepada MARA untuk tujuan pinjam yang di-kenakan pula interest atas pinjaman itu. Kalau kita perhatikan dalam peruntukan Pembangunan Malaysia Kedua hanya \$5 juta sahaja yang di-untukkan bagi pinjaman kepada MARA dalam tempoh yang tertentu. Pada hal apa yang saya tahu pada masa ini MARA mengeluarkan pinjaman hampir \$3 juta pada tiap² bulan. MARA dalam tahun enam pulohan dan tujuh pulohan ini bukan seperti MARA atau RIDA dalam tahun lima pulohan yang lalu.

Sa-bagaimana yang kita tahu Limbongan MARA di-Kuala Trengganu telah pun mendapat perhatian dan kepercayaan bukan sahaja dari pelanggan² di-dalam negeri bahkan juga di-luar negeri. Pada masa ini pehak Limbongan MARA telah menerima tempahan dari New Zealand, Australia, Amerika dan lain² lagi sa-lain daripada 500

buah bot pukat tunda yang akan di-bena oleh Kementerian Pertanian dan Perikanan. Tetapi sayang-nya segala tempahan² itu terpaksa di-tolak oleh kerana kesempitan kawasan limbongan tersebut yang sa-luas dua ekar.

Menurut apa yang saya tahu satu kawasan yang sesuai sa-luas 12 ekar telah pun di-dapati, tetapi untuk membangunkan kawasan ini harus-lah memakan belanja yang sedikit besar kerana tanah² tersebut bukan-nya kepunyaan Kerajaan. Walau bagaimana pun saya berharap pehak Kementerian Kewangan akan memberi pertimbangan istimewa bila permohonan di-majukan kelak untuk membesarkan limbongan ini. Kerana kalau kita teragak² untuk melaksanakan rancangan ini peruntukan yang begitu besar untuk membena bot² akan mengalir keluar Malaysia dan ini bukan sahaja merugikan wang kita, tetapi kita membekukan beratus² tenaga yang berkebolehan di-sekitar Pulau Duyong dan Pulau Ketam yang berhampiran dengan Limbongan MARA itu yang mempunyai kebolehan dan kemahiran dalam membena bot² dan perahu² semenjak baratus² tahun lagi. Oleh itu, saya berharap perhatian yang berat patut di-beri oleh pehak Kementerian Kewangan dalam hal ini.

Bagi menepati ucapan yang begitu baik yang telah di-buat oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenai perkara tadi, saya berharap pada beliau:

- (i) memberi pinjaman yang lebih besar lagi kepada Bahagian Pinjaman MARA,
- (ii) menghapuskan bunga yang di-kenakan kepada MARA itu supaya dengan ini dapat-lah merengankan bunga yang di-kenakan ka-atas peminjam² kelak.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang menarek perhatian saya dalam ucapan belanjawan pada tahun ini ia-lah kerana Kerajaan mengkotakan apa yang telah di-kata dan di-laongkan untuk mencapai keamanan dan kema'amoran kepada ra'ayat. Chukai² yang di-kenakan pada tahun ini bukan-nya ka-atas barang² keperluan harian tetapi ka-atas minuman keras dan judi yang di-amalkan oleh sa-golongan kecil ra'ayat negara kita ini, walau pun चुकai jualan akan di-kenakan juga, tetapi saya berharap ini tidak-lah terlibat barang² keperluan harian.

Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun Kerajaan terpaksa membelanjakan beribu² juta ringgit untuk kema'amoran ra'ayat dan kebaikan negara tetapi Kerajaan tidak-lah membebaskan ra'ayat untuk mendapatkan perbelanjaan itu terutama ra'ayat yang miskin, kalau hendak di-bandingkan diantara apa yang di-beri oleh Kerajaan dengan apa yang di-ambil oleh Kerajaan dari ra'ayat amat jauh bedza-nya dan tidak-lah patut di-heboh²kan bahkan saya berani menegaskan di-sini, ini-lah masa bagi tiap² sa-orang dalam Dewan ini memberi sokongan atas belanjawan ini.

Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini negara kita dapat mengeluarkan beras yang sama mutu-nya dengan sa-tengah² jenis beras yang di-impot dari luar negeri. Oleh itu, sudah-lah sampai masa-nya Kerajaan membuat sekatan supaya beras² yang mutu-nya sama dan boleh di-dapati di-Malaysia ini tidak di-benarkan lagi masuk, kerana kita tidak mahu negara Malaysia ini menjadi pasaran beras luar, pada hal kita dapat mengeluarkan mutu yang sama dari jenis yang tersebut.

Akhir-nya, saya memberi sokongan yang penoh terhadap Rang Undang² ini. Terima kasih.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail (Muar Dalam): Tuan Yang di-Pertua, saya bangun untuk menyokong Rang Undang² Perbekalan, 1972 yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan. Dalam ucapan Yang Berhormat itu waktu mengemukakan Anggaran Belanjawan yang di-bahathkan sekarang ini beliau telah mengatakan bahawa Dasar Ekonomi Baharu telah mendatangkan pengaruh bagi menyebabkan stabil-nya ekonomi dalam negeri dan juga menjadi satu dorongan untuk pelaburan dan penggunaan di-kalangan swasta dalam tahun 1971. Sa-bagaimana Ahli² Yang Berhormat sakalian sedia ma'alum bahawa Dasar Ekonomi Baharu kita mempunyai dua matlamat ia-itu membasmi kemiskinan dan penyusunan sa-mula masyarakat dan ini juga jelas di-nyatakan dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan.

Saya sukachita bahawa Dasar Ekonomi Baharu sudah pun menunjukkan kejayaan-nya dalam tahun 1971 ia-itu tahun yang pertama semenjak di-adakan Dasar Baharu ini, tetapi kejayaan dasar ini dari segi belanjawan saperti yang di-titek beratkan

dan di-tekanakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan itu tidak-lah sa-harus-nya di-ambil atau di-anggap sa-bagai mempunyai kejayaan untuk mencapai matlamat yang di-harapkan atau yang di-maksudkan ia-itu membasmi kemiskinan dan menyusun sa-mula masyarakat. Sa-jauh mana matlamat atau tujuan ini telah berjaya di-chapai dalam tahun yang lalu mungkin terlalu awal untuk kita binchangkan dan di-perkatakan sa-masa ini. Akan tetapi satu perkara yang jelas kita lihat bahawa kita nampak-nya balek sa-mula kapada kebiasaan atau habit kita yang telah lalu ia-itu mengukor kejayaan kita dari segi pengeluaran negara chara kasar atau yang di-sebut GNP dan dari segi banyak-nya pengeluaran serta kegiatan² impot dan eksport. Tidak-lah shak lagi, Tuan Yang di-Pertua, bahawa angka² tunjok atau indices, atau faktor² ini ada-lah penting untuk mengukor keadaan baik atau kesejahteraan dan kema'amoran sa-sabuah negara akan tetapi bagi negara kita Malaysia ini dengan Dasar Ekonomi Baharu-nya maka tidak-lah memada² dan tidak men-chukopi bagi Menteri Kewangan membin-changkan indices² atau faktor² yang saya sebutkan tadi. Kita di-dalam Dewan ini hendak-lah juga di-beri tahu sa-jauh mana tujuan atau matlamat Dasar Ekonomi Baharu itu telah berhasil atau berjaya sa-tahun demi sa-tahun dan belanjawan kita ini hendak-lah di-gunakan sa-bagai satu alat untuk mencapai tujuan dan matlamat tersebut. Oleh yang demikian, saya meng-shorkan, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu ucapan² belanjawan yang akan datang terutama ucapan dari Yang Berhormat Menteri Kewangan bukan sahaja mengukor kejayaan negara kita ini dari segi pendapatan kebangsaan hetong panjang, atau banyak-nya pengeluaran atau hasil di-dalam beberapa bidang, tetapi juga perlu di-ukor dari segi kemajuan atau perkembangan di-dalam usaha mengsaibangkan ekonomi kaum² ia-itu dengan menggunakan Bab III buku Ranchangan Malaysia Yang Kedua sa-bagai titek permulaan bagi membasmi kemiskinan dan menyusun sa-mula masha-rakat.

Saya sukachita, Tuan Yang di-Pertua, mendapat tahu bahawa penggantian impot mempunyai kesan dan mengurangkan impot barang² buatan untuk pengguna. Saya lebeh gembira lagi mendengarkan kenaikan pengeluaran beras ada-lah satu chontoh yang

sangat menarik mengenai penabongan pertukaran wang asing menerusi penggantian impot ini.

Yang Berhormat Menteri Kewangan telah menandatangani beberapa perubahan cukai di-dalam ucapan-nya. Cukai² ini ada-lah di-maksudkan untuk mendatangkan hasil yang bertambah dan untuk menyelaraskan cukai² dalam semua negeri di-Malaysia dan mungkin juga untuk tujuan² moral dengan meninggikan lagi cukai judi dan minuman keras dan sa-umpama-nya.

Saya merasa, Tuan Yang di-Pertua, ada satu kekurangan ia-itu cukai² impot yang di-maksudkan untuk menchuba matlamat dasar ekonomi baharu. Biar-lah saya lanjutkan perkara ini. Sudah banyak tahun kita telah berchakap tentang perkembangan dan kemajuan di-bidang pertanian, tetapi aneh-nya, Tuan Yang di-Pertua, sa-hingga hari ini kita maseh mengimpot hasil² pertanian yang kebanyakan-nya boleh di-tanam dan boleh di-keluarkan dalam negeri kita ini. Chontohnya, Tuan Yang di-Pertua, di-dalam tahun 1969 negeri ini telah mengimpot buah²an dan sayur²an berjumlah \$80 juta, ikan dan barang² pemeliharaan ikan \$36 juta, daging dan hasil² tenusu (dairy products) \$100 juta, dan \$39 juta telah di-keluarkan untuk mengimpot—perbelanjaan untuk mengimpot jagong dan mungkin sa-banyak itu juga untuk mengimpot seko. Hinggakan kachang tanah telah di-impot sa-banyak \$1 juta dan kelapa kering \$2.3 juta dan kuachi banyak-nya ra'ayat Malaysia ini makan kuachi, hampir \$1 juta telah di-impot dalam tahun 1969.

Di-dalam soal jawab mulut tadi, kita telah mendengar Yang Berhormat Menteri Perdagangan dan Perusahaan menyatakan ia-itu lebeh daripada \$8 juta di-belanjakan untuk mengimpot biji² kopi. Saya tidak berfikir ada perubahan besar impot barang² ini dalam tahun 1971 dan angka² yang saya dapat ini sahaja yang boleh di-perolehi pada masa ini. Saya fikir, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa mengimpot barang² ini kerana pengeluaran kita tidak menchukopi, pada hal kita mengetahui banyak dari barang² ini boleh sangat di-tanam di-sini dan sangat sesuai dengan keadaan tanah kita di-sini dan kita tidak pula dapat mengeluarkan dengan sa-chukop-nya kerana kita ada dua dasar yang tegas dan berlainan. Ini-lah yang saya hendak kemukakan, hendak tekankan di-dalam Dewan ini, ia-itu dua dasar yang tegas dan

berlainan mengenai cukai dan duti impot ia-itu satu daripada dasar-nya ia-lah untuk barang² perindustrian dan yang di-kilang dan satu lagi ia-lah untuk hasil² pertanian.

Yang pertama, ia-itu dasar yang mengenai cukai dan duti impot untuk barang² indasteri dan yang di-kilang pada masa ini chukop di-beri perlindungan dengan mengadakan tarif dan juga taraf perintis, kelepasan cukai dan lain² kemudahan sa-bagaimana yang di-luluskan di-dalam Dewan ini juga dalam persidangan-nya yang lalu.

Manakala yang kedua, ia-itu yang mengenai dengan hasil² pertanian kechuali beras, maka boleh-lah di-katakan dasar terbuka dengan membiarkan hasil² pertanian ini bertanding dengan pasaran dunia. Hasil² pertanian tempatan ini terpaksa-lah bertanding dengan hasil² yang sama dari negara² lain yang mengeluarkan-nya sama ada dengan sa-chara perdagangan dan mekanik besar²an atau oleh petani² yang hidup di-dalam keadaan miskin dan kurang sempurna yang darjah kehidupan-nya sangat rendah di-negara² itu. Yang demikian mereka ini mengeluarkan hasil² pertanian-nya dengan harga yang lebeh murah, malahan negara² itu memberi bantuan atau subsidi supaya kurang atau rendah harga hasil² pertanian mereka bagi pasaran eksport dan Malaysia pula sedia menjadi pasaran untuk memberi bahan hasil² pertanian yang murah atau yang telah mendapat bantuan Kerajaan negara² asing itu, sa-balek-nya Kerajaan tidak pula berfikir atau bertindak atas barang² indasteri sa-bagaimana Kerajaan bersikap ka-atas hasil² pertanian. Pada masa ini boleh di-katakan tidak ada langsung satu barang pun yang di-kilang atau di-buat di-Malaysia ini lebeh murah harga-nya daripada pasaran dunia. Oleh kerana ada-nya perlindungan tarif atas barang² ini dan juga dengan sebab kilang² yang mengeluarkan barang² ini baharu sahaja di-dirikan, maka sudah tentu harga-nya lebeh tinggi daripada harga pasaran dunia dan ada sa-tengah pengilang² dan perusahaan² ini mengambil kesempatan pula di-atas tarekan-nya.

Saya telah di-beritahu ramai ibu bapa, ia-itu harga beg untuk kanak² sekolah telah naik. Kalau dahulu boleh dapat yang baik sedikit \$2.00 tetapi dengan sebab anak kunchi sudah mula di-buat di-tanah ayer kita sendiri dengan mendapat taraf perintis, maka tidak boleh dapat lagi beg yang sa-umpama itu \$2.00 tetapi \$3.00. Ini boleh-lah saya

mengaku satu dasar yang boleh di-terima ia-itu dasar menggalakkan penanaman modal dan perusahaan dalam negara kita dan dengan memberikan perlindungan tarif dan lain² kemudahan, dan hal ini juga dapat memberikan pekerjaan² kepada ra'ayat kita. Saya bersetuju dengan konsep ini, akan tetapi apa yang saya berhajat hendak mengetahui ia-lah mengapa Kerajaan membiarkan hasil² pertanian masuk sahaja ka-dalam negeri ini dengan tidak ada sekatan atau halangan. Umpama-nya tidak ada cukai langsung atas jagong dan sekoi, pada hal kedua²-nya ini boleh di-tanam oleh petani² dan penanam² padi satu musim sa-tahun sa-bagai tanaman di-luar musim untuk menambahkan pendapatan mereka yang memang sudah kecil itu. Saya mengetahui memang ada juga di-kenakan daripada cukai sedikit (nominal duty) ka-atas hasil pertanian yang lain dan juga cukai ini di-maksudkan untuk hasil atau revenue sa-mata².

Saya mengeshorkan di-sini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu Kerajaan mesti-lah mengenakan cukai² impot yang di-maksudkan, khusus untuk menggalakkan pengeluaran dan kegunaan tempatan sa-bagai hasil² pertanian yang sesuai dengan iklim dan keadaan tanah negara kita ini. Ini termasuk-lah juga jagong, sekoi, tembakau, buah²an, sayur²an, ikan, makanan bagi binatang², daging, hasil² tenusu (dairy products) dan apa² sahaja tanaman jualan (cash crops) yang di-nisbahkan layak dan sesuai untuk pelbagaian pertanian (diversification). Memang-lah kita semua sudah mendengar tentang seruan dan dasar Kerajaan menggalakkan pelbagaian pertanian ini dan juga kempen "Makan Buah²an Tempatan" di-jalankan bertahun² lama-nya sa-belum Kerajaan mengadakan dasar perindasterian ini, tetapi hasil daripada dasar dan kempen ini amat-lah terbatas dan tidak memberi kesan sama sa-kali dan saya perchaya sebab-nya ia-lah kerana tiada-nya atau kurang-nya perlindungan daripada Kerajaan, ia-itu perlindungan tarif yang di-berikan kepada hasil² pertanian tempatan ini sa-bagaimana yang di-berikan kepada barang² yang di-kilang atau yang di-buat dengan perindasterian. Kita dapati barang² hasil pertanian dari luar negeri ini di-mana²—di-pasar², di-kedai², di-supermarket; kita dapati barang² ini berlambak di-jual dan barang² ini ada-lah di-impot dan dengan tidak di-kenakan sa-suatu juga halangan.

Tuan Yang di-Pertua, ada satu perkara yang mengembirakan bila kita mendengar dari ucapan Menteri Kewangan bahawa Malaysia telah mengalami kesetabilan harga negeri yang amat tinggi semenjak kemerdekaan. Menurut Yang Berhormat Menteri itu kenaikan pukul-rata angka tunjok harga runchit semenjak tahun 1963 ia-lah kurang daripada 1% di-Malaysia berbanding dengan negara² lain yang mengalami kenaikan harga atas kadar pukul-rata sa-banyak hampir² 4% sa-tahun. Saya suka memberikan tahniah kepada Menteri Kewangan atas kejayaan ini.

Saya bukan-lah ahli ekonomi yang ber-kelayakan dan saya juga bukan sa-orang perangkawan (statistician) untuk menidakkan keadaan ini dan kejayaan ini patut-lah mendapat kepujian Dewan ini, kerana walau pun cukai² impot di-naikkan ka-atas barang² yang di-kilang dan lain² barang tetapi tiap² kali belanjawan di-bentangkan di-dalam Dewan semenjak kemerdekaan maka harga runchit tetap juga kekal stabil. Sungguh pun demikian, Tuan Yang di-Pertua, saya juga sedar bahawa perangkawan ini atau statistics ini ada-lah umpama pakaian bikini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu ia mezhahirkan atau mendedahkan bahagian² yang penting tetapi menyembunyikan bahagian² yang lebeh penting. Kebanyakan barang² yang di-pilih untuk tujuan di-harapkan itu mengumpulkan harga² runchit ada-lah hasil² pertanian termasuk beras, ikan, daging, sayuran², susu dan juga pisang. Saya telah meneliti Laporan Jabatan Perangkawan mengenai harga runchit dan saya dapati 25% daripada barang² yang di-tunjokkan di-dalam penyiasatan (survey) itu sa-benar-nya harga-nya makin jatuh tiap² tahun dan ini juga menolong turun harga² yang lain. Tetapi yang menyedihkan saya ia-lah semua barang² itu ada-lah hasil² pertanian pekebun² kecil.

Chontoh-nya, Tuan Yang di-Pertua, daripada 6 jenis barang yang di-pilih yang tidak ada satu yang naik harga, 4 tidak ada apa² pun perubahan dan dua sa-benar-nya jatuh harga-nya di-bandingkan dengan harga² dalam tahun 1962. Sama-lah juga hal-nya dengan ubi kentang, beberapa jenis ikan, sayur kobis semua-nya lebeh murah sekarang di-bandingkan 10 tahun yang lalu. Saya setuju ia-itu lebeh baik kita mempunyai harga runchit yang stabil daripada yang lebeh tinggi kerana kita juga yang akan menanggung-nya. Akan tetapi yang saya chuba hendak

menarik perhatian Dewan ini ia-lah kestabilan ini mencapai dengan pengurbanan di-pehak pekebun² kecil dan orang² kampung yang miskin, nelayan² dan penanam² sayur. Mereka ini yang mempunyai pendapatan yang memang sudah kecil dan juga mempunyai kuasa pembelian yang sangat kurang sa-balek-nya mereka terpaksa membeli barang² keperluan lain dan barang² yang di-impor dengan harga yang lebih tinggi. Hasil pengeluaran mereka ini tidak dilindungi daripada pertandingan negara² asing.

Tuan Yang di-Pertua, negara² yang maju dalam dunia ini yang saya telah pernah melawat ada mengenakan cukai jualan seperti yang dikemukakan oleh Yang Berhormat Menteri Kewangan mengenakan cukai jualan 5%. Saya fikir ini ada-lah satu cara yang baik untuk menambahkan hasil negara dan walau pun ada Ahli² Yang Berhormat terutama daripada pihak Pembangunan yang mengatakan ini ada-lah satu cara yang tidak adil dan tidak baik, tetapi pada hemat saya macam mana pun tiap² negara terpaksa mengadakan cukai dan cara ini-lah yang agak-nya kurang di-rasai oleh rakyat negeri ini. Sungguhpun demikian ada perbezaan yang amat besar di-antara negara ini ia-itu negara Malaysia dengan negara² maju yang lain yang saya sebutkan tadi pada melaksanakan cukai jualan ini apabila berjalan kelak ia-itu jika hendak dilaksanakan dengan adil kepada pengguna².

Sistem perdagangan dan perniagaan kita di-Malaysia ini bukan sahaja menurut tradisi tetapi juga menurut puak² perkauman dan juga persatuan² perkauman sa-bagai satu² jenis perniagaan sambil mengasingkan atau tidak mengizinkan kaum² lain. Umpama-nya kita perhatikan di-dalam kumpulan saudara² kita orang² China sendiri, mereka yang berniaga kedai² kopi khusus untuk puak atau keturunan Hailam, tetapi untuk di-pasar umpama-nya atau membuat terompah kebanyakan daripada keturunan Cantonese. Itu juga mengikut keturunan atau keturunan satu puak atau kaum.

Demikian juga dengan sistem penimbangan, sistem perdagangan ini ia-itu dengan menggunakan daching. Kita walau pun pihak Kerajaan sudah mula menggalak, menggunakan neracha ia-itu yang lebih adil dan dapat diselamatkan pengguna² daripada penipuan

pehak peniaga, tetapi kita maseh dapat lagi bahawa di-maha² kedai juga daching ada-lah di-gunakan oleh peniaga² ini. Dan yang selalu menjadi mangsa daching ini ia-lah kaum² ibu atau wanita kita yang mereka sangka selalu berkata ia-itu mereka dapat membeli dengan harga yang lebih murah daripada kaum lelaki, tetapi mereka tidak sedar dalam mereka itu membeli ia-itu 13 tahlil atau 14 tahlil sa-kati. Jadi ini menjadi satu galakan kepada pehak peniaga² dan pekedai² dengan menggunakan daching itu, dan saya berharap pehak Kerajaan akan mengambil tindakan yang tegas dalam soal ini.

Bagitu juga berkenaan dengan kekurangan satu² makanan barang² ia-itu peniaga² ini sentiasa memberi alasan dan helah walau pun sa-kecil²-nya pun untuk menaikkan harga² barang jualan-nya bagaimana yang kita alami sekarang ia-itu gula. Tadi sahaja baharu saya telah di-beri tahu ia-itu di-Pasar Baharu di-Petaling Jaya, gula tidak boleh di-dapati. Pada hal kita dapat jaminan pada hari semalam ia-itu gula sentiasa ada. Tentang gula ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-itu yang susah orang² yang bergaji rendah—pendapatan rendah. Kerana orang² yang kaya, orang yang berpendapatan besar dia biasanya tidak makan gula kerana takut diabetes. Itu memang sudah kena dan mereka tidak makan gula di-gantikan dengan gula sweetex, atau hermes, atau berbagai² jenis lagi. Jadi dengan sebab itu, kurang gula tidak di-rasai sangat oleh pehak orang yang berada. Jadi, dengan sebab itu pehak Kerajaan patut-lah rasa saya mengambil tindakan yang tegas dalam soal ini. Dengan mengenakan cukai jualan ini bukan-lah berma'ana gula ia-itu satu konsep yang tidak baik. Saya mengakui konsep ini baik, tetapi hendak-lah dilaksanakan dengan chermat dan terator kerana orang² kampung dan orang² yang kebanyakan kita tidak mengetahui barang² mana yang sudah di-gezetkan, telah dinaikkan 5% cukai jualan dan mana pula yang tidak dapat gezet ini kerana bukan semua orang dapat gezet ini, malahan di-antara kita juga tidak terbaca gezet yang di-kiriskan kepada kita Ahli² Yang Berhormat daripada Pejabat Perchetakan Kerajaan dan juga daripada Negeri².

Ada kemungkinan besar barang² yang tidak masuk dalam gezet ini juga naik dan bagaimana yang telah di-terangkan oleh sa-orang daripada Ahli Yang Berhormat tadi

ia-itu memang-lah kesempatan pehak pekedai² ini untuk menaikkan harga, maka yang mendapat selalu tentangan ia-lah Ahh² Yang Berhormat kita sakalian kerana kita meluluskan kenaikan ini—kenaikan chukai ini konon-nya.

Tuan Yang di-Pertua, saya menyeru supaya Kerajaan mesti-lah bertindak sa-chara tegas ka-atas pekedai² dan peniaga² yang mengambil kesempatan membuat untong ini. Amaran sahaja kapada peniaga² dan pengimpot² ini tidak memadai. Dan juga janji² serta jaminan² juga tidak chukop dan tidak memadai. Mereka juga mengetahui batas² mereka dan mengetahui juga batas² Kerajaan. Apa yang saya suka hendak melihat ia-lah bagaimana yang telah di-shorkan tadi oleh Ahli Yang Berhormat dari Kemaman ia-itu Kerajaan mesti-lah ada simpanan-nya atau yang di-katakan stockpile bagi barang² keperluan ini. Sekarang sa-bagaimana yang kita sedia ma'alom ia-itu beras sudah ada stockpile-nya dan saya suka-chita menegaskan di-sini bahawa Lembaga Padi dan Beras Negara bagi pehak Kerajaan akan mengeluarkan stockpile-nya, jika di-dapati pekedai² atau pengimpot² menjualkan beras-nya dengan harga yang lebeh tinggi.

Langkah ini telah di-ambil baharu² ini berlaku di-Sarawak apabila di-keluarkan daripada stockpile maka serta merta beras yang tidak ada hari semalam itu keluar daripada belakang² kedai untuk di-jual kerana bertanding dengan beras yang di-keluarkan daripada stockpile itu. Tetapi barang² keperluan lain

Tuan Yang di-Pertua: Saya suka menarek perhatian, sudah 25 minit.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Tuan Yang di-Pertua, saya akan akhirkkan sedikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau sedikit² lagi, satu dua minit, boleh.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Baik, Tuan Yang di-Pertua, terima kasih.

Jika Kerajaan ada stockpile sa-kali pun sedikit atau nominal stockpile, barang² seperti gula, garam, tepung, minyak makan, maka bukan sahaja Kerajaan akan dapat menggunakan dalam masa kechemasan atau dharurat seperti banjir, tetapi juga untuk memperkuat kedudukan Kerajaan bila mengeluarkan amaran kapada saudagar² dan peniaga². Satu daripada yang menarek hati

saya dalam ucapan Yang Berhormat Menteri Kewangan ini ia-lah berkenaan dengan pekerjaan, Tuan Yang di-Pertua, sunggoh pun beliau mengatakan bahawa keterangan berkenaan dengan pekerjaan tidak menchukupi, dasar Kerajaan telah menimbulkan kesan yang amat baik ia-itu penganggoran telah berkurangan terutama sa-kali dalam tahun 1969-1970 dan dalam tahun 1971 ini penganggoran berkurangan lagi. Dalam tahun itu, mengikut Yang Berhormat itu, kadar penganggoran bulanan telah jatuh dari 170,000 orang dalam tahun 1970 kapada 15,870 orang dalam masa 10 bulan dalam tahun 1971. Beliau menyatakan bahawa tambahan dalam pekerjaan baharu sahaja berhasil dan bukti-nya ia-lah bilangan pekerjaan baharu yang kosong telah jatuh daripada 33,630 orang dalam tahun 1970 kapada 31,670 orang dalam masa yang sama tahun 1971. Dan sa-terus-nya beliau telah menyatakan bahawa dasar² baharu Kerajaan dalam perkara ini telah menyebabkan timbul-nya pekerjaan baharu sa-banyak 35,800 orang dan sa-banyak 57,000 orang pekerjaan baharu telah di-penohkan. Apa yang saya hendak mengetahui, Tuan Yang di-Pertua, dan menegaskan di-sini ia-itu saya berharap Yang Berhormat Menteri Buroh akan dapat memberikan maklumat yang tepat ada-kah pekerjaan² baharu ini ujud di-tempat² di-luar² bandar dan jikalau begitu berapa-kah banyak pekerjaan yang di-jeniskan seperti yang di-katakan pekerja² mahir, kerana dengan banyak-nya murid² yang keluar tiap² tahun yang lulus LCE tetapi tidak dapat menyambungkan-nya atau SRP dan juga pemuda² yang berkeliaran di-dalam kawasan pilihanraya saya sendiri, maka saya bimbang dengan tiada teliti dan terator di-adakan perkara ini sudah tentu akan menyebabkan keadaan yang tidak memuaskan.

Saya juga hendak menguchapkan tahniah kapada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana chadangan beliau hendak menubuhkan apa yang di-katakan stabilization scheme plant atas kelapa sawit. Chukai yang di-kenakan atas kelapa sawit itu ada-lah berpatutan memandangkan kelapa sawit ada-lah barang mentah dan harga-nya berbedza dari sa-masa ka-samasa. Stabilization Scheme Plant yang sa-macam itu tidak boleh di-sifatkan sa-bagai satu perkara baharu kerana negara² yang lain telah juga membuatkan scheme ini ia-itu dengan tujuan

menyelamatkan harga barang² mentah keluaran di-negara mereka mithal-nya eksport koko di-Nigeria telah di-adakan juga chukai eksport. Maka amat-lah mustahak bagi Kerajaan mempunyai kewangan yang cukup untuk membeli kelapa sawit yang dikeluarkan di-negara kita ini pada masa harga-nya jatuh dan menggunakan kewangan atau kumpulan wang yang di-kutip itu untuk menolong perusahaan kelapa sawit seperti yang di-buat juga oleh Kerajaan mengenai bijih timah dan getah.

Boleh sedikit lagi, Tuan Yang di-Pertua?

Tuan Yang di-Pertua: Sudah sa-tengah jam.

Tan Sri Syed Nasir bin Ismail: Akhir-nya, Tuan Yang di-Pertua, berkenaan dengan chukai baharu yang di-kenakan kepada kayu balak (logs) ini, saya berasa heran sungguh pun Yang Berhormat Menteri Kewangan mengakui bahawa pendapatan daripada kayu balak ini telah jatuh oleh sebab beberapa perkara yang beliau huraikan, tetapi chukai eksport atas kayu balak itu di-naikkan pula daripada 10 peratus kepada 15 peratus. Chukai ini mungkin perlu untuk menggalakkan perusahaan kayu kita dan tidak meng-expotkan kayu balak dengan bentok itu kepada negara² yang lain. Tetapi apa yang saya suka tekankan di-sini, ia-itu waktu mengenakan chukai ini tidak kena pada masa ini, kerana pada masa ini harga kayu balak sangat jatuh dan kumpulan orang atau penguasaha² yang menderita sa-kali ia-lah pembalak² Melayu yang baharu chuba memasoki dalam gelanggang ini dan saya percaya jika sa-kira-nya mereka ini tidak di-beri layanan yang baik, perusahaan mereka bukan sahaja akan merosot bahkan akan tutup langsung. Sayugia di-ingatkan, Tuan Yang di-Pertua, pembalak² kita ini tidak dapat memindahkan chukai yang di-kenakan ka-atas ini kepada pembeli²-nya kalau hendak bertanding di-pasaran dunia, oleh itu mereka terpaksa menanggung-nya sendiri.

Tuan Yang di-Pertua, pada keseluruhannya saya suka-lah mengakhiri ucapan saya ini dengan mengucapkan tahniah kepada Yang Berhormat Menteri Kewangan kerana menggemukakan belanjawan yang boleh dikatakan sangat sesuai dalam masa ini, tetapi pandangan² dari yang di-kemukakan didalam Dewan ini, saya harap dapat perhatian daripada Yang Berhormat itu. Terima kasih.

Datin Hajjah Fatimah binti Haji Abdul Majid (Batu Pahat Dalam): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya mengambil kesempatan mengucapkan sa-tinggi² tahniah kepada Menteri Kewangan yang telah membentangkan belanjawan bagi tahun 1972. Dengan ada-nya keberanian dan kecekapan Kementerian yang di-anggap sa-bagai nyawa yang menggerakkan wujud-nya alam Malaysia yang maju dan jaya dalam segala bentok penghidupan ra'ayat serta chorak pentadbiran negara, maka lahir-lah penganggaran belanjawan yang patut di-beri sokongan demi kepentingan negara, kemudahan bagi seluroh ra'ayat.

Kerajaan telah mengalami kekurangan wang perbekalan dan terpaksa menaikkan chukai. Dengan melalui chukai baharu Kerajaan akan dapat menambah kewangan-nya sa-kurang²-nya \$122 juta bagi menampung kekurangan wang negara. Chukai yang di-kenakan sa-banyak 5 peratus pada dzahir-nya ada-lah ringan jika di-bandingkan dengan bebanan yang di-pikul oleh Kerajaan untuk melaksanakan rancangan pembangunan negara dan ra'ayat. Kita faham bahawa zaman sekarang, zaman perlumbaan di-dalam segala bidang kemajuan dan kalau tidak di-sungguh²kan tugas mempertegakkan ekonomi baharu, maka kita akan kechewa melihat negara kita tertinggal di-belakang di-dalam senarai negara² yang lain yang telah maju. Oleh itu, tidak-lah boleh di-hairankan kalau Menteri Kewangan terpaksa menggunakan daya usaha mengatasi segala kekurangan sa-kali pun beliau menerima kechaman dengan sebab menaikkan chukai walau pun dengan chara paksa demi kepentingan mempertahankan ekonomi negara kita. Maka menjadi kewajipan kepada ra'ayat memberikan kerjasama yang sa-penoh-nya sa-bagai pelaksanaan chukai yang naik. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, yang menderita di-dalam hal ini bukan-lah masaalah kenaikan chukai yang di-takuti oleh ra'ayat, sebab chukai yang di-naikkan itu tidak terlepas daripada tekanan iktisad rumah tangga kerana kenaikan harga barang² telah meliputi segala bahan yang di-perlukan oleh ra'ayat. Walau pun Kerajaan hanya menaikkan chukai sa-banyak 5 peratus kepada penjual dan tidak melibatkan kesemua-nya. Tetapi hari ini, Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, apa sudah jadi bukan soal gula sahaja yang tidak dapat di-beri bahkan keseluruhan barang² keperluan rumah tangga baik pun barang² alatan mahu

pun barang² makanan telah di-naikkan. Ra'ayat jelata khas-nya ra'ayat miskin dan suri rumah tangga telah menjerit akibat kenaikan barang² yang mengejut yang mana penjual² telah mengambil kesempatan untuk menaikkan barang² mereka yang ada di-kedai²-nya sedangkan Kerajaan belum mengenakan cukai kepada mereka.

Dewan sedang membahatkan perkara kenaikan cukai dan belum lagi dapat menentukan apa-kah jenis barang² yang akan di-naikkan dan bila masa-nya kuat-kuasa itu berjalan, tetapi kapitalis sudah mengambil peluang merebut kekayaan dengan menaikkan barang² mereka. Dengan ini, saya merayu kepada pehak Kementerian dan juga kepada pehak Kerajaan supaya bertindak segera dan menubuhkan badan² penchegah untuk bertindak ka-atas penjual² yang sudah menaikkan barang² mereka daripada hari ini.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, berbalek sa-mula kepada perbekalan kewangan, yang mana peranggaran perbelanjaan yang akan di-luluskan itu akan di-bahagikan pula kepada berbagai² chabang Kementerian, kita berharap sa-muga segala rancangan perkhidmatan yang di-salurkan kepada Kementerian² yang berkenaan akan dapat di-laksanakan dengan segera bagi memenuhi keperluan² di-dalam Rancangan Malaysia Yang Kedua. Kita juga berasa sangat gembira kerana Kementerian Pelajaran telah mendapat tambahan yang sa-imbang dengan kepentingan dan keperluan Kementerian-nya, menjalankan tugas² di-bidang pelajaran ra'ayat yang meliputi sa-genap masyarakat, yang mana kita telah tahu ia-itu Kementerian ini telah mendapat lebih dari satu juta ringgit kelebihan perbelanjaan-nya. Ini bererti perkembangan pelajaran di-kalangan ra'ayat Malaysia ada-lah menjadi dasar utama Kerajaan kita; bertindak sa-chara adil dan saksama terhadap kepada kepentingan ra'ayat yang berbilang bangsa dan ugama. Semua-nya sa-kata, dapat menikmati peluang belajar bersama², daripada tingkatan rendah hingga-lah kepada mata pelajaran yang sa-tinggi²-nya, dengan chara memberikan peluang yang baik kepada ra'ayat supaya tidak ada ketinggalan dan perbezaan di-antara yang berada dengan yang tidak berada. Tambahan di-sekolah² di-luar bandar ia-itu di-Sekolah² Menengah hendaklah di-adakan asrama di-kampung yang ter-

penchil di-mana ra'ayat² yang miskin, yang tiada mampu memberi pelajaran dan kenaikan pelajaran kepada anak² mereka.

Pelajaran kemahiran juga patut di-berikan kepada ra'ayat di-luar bandar dengan sa-bberapa segera supaya dapat-lah mereka menggunakan pengetahuan dan kebolehan-nya itu untuk menchari kehidupan dengan segera apakala mereka meninggalkan bangku sekolah-nya. Ini ada-lah satu chara mengelakkan pengangguran di-kalangan belia² dan anak² yang mampu melanjutkan pelajaran lebih jauh dan lebih tinggi. Sa-sorang anak hendak-lah di-asoh dan memahami bahawa pelajaran bukan sahaja untuk mendapatkan kelulusan yang tinggi bahkan untuk mengetahui dan mengajar diri membuat sa-suatu pekerjaan yang boleh mendatangkan faedah dan jaminan hidup sa-hari², tidak kira apa juga pekerjaan dan perkara yang sesuai dengan keadaan diri mereka masing².

Lagi satu, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, di-dalam bidang perindustrian di-negara yang sedang membangun, umpamanya Malaysia ini, bukan-lah satu perkara yang baharu dan asing lagi bagi kita. Faedah-nya sa-lain daripada mengurangkan pergantungan kita kepada negara yang maju dan menambahkan hasil perdagangan kita keluar negeri, ini dapat menampung dan memberi pekerjaan kepada penganggor², tetapi apa yang mendukachitakan kita pada hari ini, Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, sa-tengah daripada perusahaan² yang telah di-jalankan oleh pehak majikan² di-dalam negara kita ini telah di-dapati pehak sharikat menjalankan dasar berat sa-belah dan saperti dasar perkauman dan dasar menindas antara satu bangsa dengan satu bangsa. Umpama-nya sa-suatu perkilangan telah membuat, katakan ada dua bahagian. Satu bahagian yang terdiri pekerja-nya 90% orang Melayu dan bahagian yang kedua, yang terdiri ramai-nya daripada orang yang bukan Melayu. Manakala satu masa sharikat ini mahu mengurangkan pekerja², mereka tidak menjalankan dasar orang yang bekerja kemudian di-berhentikan dahulu. Mereka telah memberhentikan pekerja² ini kepada bahagian satu, yang terdiri pekerja²-nya ramai daripada orang Melayu dan manakala Persatuan Pekerja² di-dalam sharikat ini, hanya sharikat ini di-anggotai oleh bahagian yang ramai-nya orang Melayu. Manakala bahagian yang kedua terdiri daripada bukan orang Melayu, mereka telah mendapat

layanan yang istimewa dan bahagian satu yang terdiri daripada orang² Melayu telah tidak mendapat layanan dan telah menerima tekanan dan apakala mengurangkan pekerja², mereka telah memberhentikan pekerja² walau pun pekerja itu telah bekerja sa-lama tiga tahun dan ada yang enam tahun, terpaksa mengalami penderitaan di-sebabkan pemberhentian yang tidak adil. Dengan ini kita berharap kepada pehak Kementerian mengambil perhatian dan menyiasat soal² ini supaya tidak-lah dengan chara pertimbangan berat sa-belah, yang tidak adil itu akan satu masa menjadikan satu perkauman atau berbalah antara satu dengan lain, sedangkan negara kita mengamalkan dasar perpaduan dan muhibbah di-antara satu dengan lain.

Jadi, jika sa-kira-nya dasar yang sa-rupa ini di-jalankan oleh pehak pekilang² atau perusahaan², akibat-nya membahayakan negara kita kelak. Sekian, terima kasih.

Tuan Richard Ho Ung Hun (Sitiawan):

Tuan Yang di-Pertua, saya bangun mengambil bahagian di-dalam perbahathan Rang Undang² Perbekalan Tahun 1972 ini. Oleh sebab banyak buah fikiran telah pun dibentangkan oleh Ahli² Yang Berhormat dari kedua² belah Dewan ini pada dua atau tiga hari yang dahulu, maka saya chuma akan menyentoh pada aspek² tertentu sahaja supaya ulangan², baik tegoran² atau pun pujian² yang akan membazirkan sahaja masa Dewan ini dapat di-elakkan.

Tuan Yang di-Pertua, tidak dapat dinafikan lagi, mahu tidak mahu dalam keadaan² yang kita semua sedar, Rang Undang² Perbekalan Tahun 1972 ini akan di-luluskan. Apa-kah akan jadi kemudian itu? Saya perchaya sudah tentu sa-tahun demi sa-tahun, pada masa yang akan datang, Yang Berhormat Menteri Kewangan kita akan terus-menerus hadir ka-Dewan ini menaikkan chukai supaya projek² negara kita, yang di-katakan akan merapatkan lagi jurang di-antara yang ada dengan yang tidak ada dapat di-jalankan.

Di-sini saya ada-lah bersapendapat dengan Yang Berhormat Ahli dari Johor Tenggara, apabila beliau mengatakan tiga hari dahulu, dalam Dewan ini bahawa yang menjadi masaalah dalam kontek ini ada-lah pelaksanaan ranchangan² yang akan di-biaya² daripada wang yang akan di-kutip di-bawah peruntukan² Rang Undang² ini. Maka ada-lah memang sangat kena pada tempat-nya

apabila beliau berkata bahawa jika wang dan chukai² yang di-kutip daripada ra'ayat kita tidak di-gunakan dengan chekap, jika rasuah dan pileh kaseh tidak di-hapuskan, jika pegawai² Kerajaan tidak jujur dalam tugas² mereka maka implimentasi ranchangan² itu tidak akan berhasil sa-bagaimana yang telah di-harap²kan oleh ra'ayat kita dan akan mendatangkan tegoran pahit lagi pedas dari ra'ayat kita ka-atas Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, akan tetapi saya suka mengambil satu langkah jauh lagi daripada yang telah di-ucapkan oleh Ahli Yang Berhormat dari Johor Tenggara. Saya suka menegaskan kira-nya pegawai² Kerajaan tidak jujur, sa-kira-nya rasuah di-biarkan merebak, sa-kira-nya pileh kaseh tidak di-hapuskan, dari segi kontek ra'ayat berbilang keturunan ia-itu bukan sahaja dari segi bumiputera, maka keperchayaan atau pun credibility dari seluruh ra'ayat kita terhadap Kerajaan, khas-nya dari ra'ayat yang tiada akan musnah sama sa-kali.

Dengan sa-chara langsung keadaan burok itu akan membantutkan segala urusan Kerajaan yang di-katakan di-tujukan ka-arrah pembenaan muhibbah dan perpaduan negara. Sebab itu-lah saya menyeru kepada Kerajaan supaya pegawai²-nya di-arah, di-kawal dan di-chuba mengadakan revolusi mental terhadap tugas²-nya. Jika tidak, sebab nila satek rosak akan susu sa-belanga.

Tuan Yang di-Pertua, berpaling ka-tajok ekonomi luar bandar pula dari segi kelaparan tanah seluruh negara kita, saya ingin menyentoh di-atas pengaruh besar-nya yang boleh menolong mengembangkan ekonomi itu, yang nampak-nya enggan di-eksploitkan oleh Kerajaan lagi. Saya sedar, perkara ini pun pernah saya timbulkan dahulu di-Dewan ini, akan tetapi malang-nya, nampak-nya tidak dapat pertimbangan yang patut di-beri kepada satu perkara yang amat penting itu.

Beribu² ekar tanah Kerajaan telah di-teroka di-seluruh negara kita sa-chara haram, khas-nya di-Sungai Siput atau pun di-Sitiawan di-negeri Perak. Keadaan ini telah terbiar nampak-nya sejak 30 tahun dahulu. Saya sedar bahawa pembukaan tanah ada-lah dalam lengkongan kuasa Negeri dan bukan di-bawah pentadbiran Federal, sedangkan kelaparan tanah di-negeri kita nampak-nya terus tidak di-uruskan.

Tuan Yang di-Pertua, walau pun begitu, saya suka menjemput perhatian Kerajaan Federal terhadap Fasal 91 Perlembagaan kita yang menguntukkan penubuhan National Land Council yang di-pengerusikan oleh seorang Menteri, yang berhak membuat polisi berkenaan dengan pertanian seluruh negara kita.

Di-sini izinkan-lah saya memetik Fasal 91 (5) Perlembagaan kita yang ada-lah berkaitan dengan perkara ini, yang berbunyi seperti berikut:

"91 (5) It shall be the duty of the National Land Council to formulate from time to time in consultation with the Federal Government, the State Governments and the National Finance Council a national policy for the promotion and control of the utilisation of land throughout the Federation for mining, agriculture, forestry or any other purpose, and for the administration of any laws relating thereto; and the Federal and State Governments shall follow the policy so formulated".

Tuan Yang di-Pertua, saya merayu sa-kali lagi dengan tegas bahawa sudah sampai-lah masa-nya National Land Council itu membuat polisi supaya beribu² ekar tanah Kerajaan itu yang telah dan sedang menjadi penerokaan haram supaya di-buka sa-chara rasmi, kepada peladang² yang begitu ramai, yang terdiri dari berbilang bangsa yang benar² tidak mempunyai sa-jengkal tanah pun untuk "kais pagi, makan pagi".

Tuan Yang di-Pertua, ini-lah yang sudah menjadi satu masaalah yang telah meningkat ka-peringkat kechemasan atau pun emergency proportion walau pun nampak-nya Kerajaan Federal belum mengambil tindakan yang sesuai lagi berkesan untuk mengatasinya. Beribu² ra'ayat jelata yang tidak ada tanah langsung baik Melayu, India atau China sedang dahagakan tanah, dan tidak dapat sahutan daripada Kerajaan Negeri² kita apabila permohonan² di-buat, dan sedang menunggu² buah tidak kunjong jatuh.

Kerajaan pasti mempunyai imiginasi dan mampu mengambil langkah pembaharuan atau innovation kira-nya keperluan² negara kita yang bertambah begitu deras lagi kompleks itu dapat di-chabar dengan jaya. Hanya menaikkan chukai sahaja tidak akan menyelesaikan masalah kewangan atau pun ekonomi kita dengan sempurna. Hanya menjalankan ranchangan² tanah rasmi seperti

FLDA tidak akan menchukupi untuk mengurangkan penganggoran di-negara kita. Sa-lama tenaga peladang² atau pun penghuni² kita yang tiada tanah itu enggan di-eksploitkan oleh Kerajaan dengan memberikan tanah untuk tanam-menanam sa-chara ekonomik luasan-nya masing², sa-lagi itu-lah satu puncha yang boleh mendatangkan hasil yang elok dan besar, akan terus kehilangan.

Sekian-lah, terima kaseh.

Tuan R.C.M. Rayan (Ipoh): (Dengan izin)

Tuan Yang di-Pertua, the prestige, pride and prosperity of a nation depends on the careful and calculated planning properly envisaged and carefully carried out by the Ministers who have dedicated themselves to the tremendous task of raising the country's image in the international world by endeavouring to eradicate poverty and disease among their people and by raising the standard of literacy for a better, brighter and a more peaceful livelihood. I find that the Honourable Minister in his Budget speech has paid little or no attention to the educational problems facing this country. Education, being such a great investment which will produce sooner or later dividends of unthinkable magnitude, the policy pursued hitherto should not remain static. We should, therefore, adopt a far-sighted and liberal policy and march with the times to improve the mental calibre of the people.

Great emphasis should have been laid by the Honourable Minister to the cry of education here and all over the world. Free education not only at primary school level but also at secondary school level, and, if I may go a step further, even as far as University level, if provided, would never become a waste. I may even go a step further and say that the Government should provide free books and free bus transport for deserving children of parents in the lower income group who reside in areas beyond perhaps a mile away from the educational institution. No-one will grouse over such a policy if adopted by the Government. However, there is no indication anywhere in the Honourable Minister's Budget speech that any attention towards improvement in education is envisaged in the coming year. I can assure the Honourable Minister that a country which is rich in mineral resources will never go bankrupt if this policy is carried out in full.

Now, touching on the Government policy of effecting transfers in Government Departments, I find there is great discrimination going on in various departments. For example, doctors who have done yeoman service to the people in the Ipoh General Hospital have been transferred out in bulk recently after only a few years of service whereas an officer like the Supervisor of the Blood Bank in the same Hospital is left untouched and undisturbed in Ipoh for well over 13 years, which is rather a very long period particularly when the post is an important one from various angles.

With regard to the Government policy of not making Malaysia entirely self-sufficient in rice which is the staple food of all the people living here, whether they be Malays, Chinese or Indians, I was perturbed to head the Finance Minister say in his Budget speech, and I quote:

"We should aim to produce not more than 90% of our total rice requirements, much less attain self-sufficiency in rice, in view of the fact that the cost of rice production in this country is relatively high compared with that of important rice producers in Asia. Under such circumstances, any surplus production will either have to be exported at a loss, or the difference between domestic and overseas prices will have to be borne by the Government in the form of a subsidy. This is the surest way to economic and financial ruin".

So says the Honourable Minister of Finance.

I am inclined strongly to disagree with the view of the Honourable Minister. Everyone can understand if the Honourable Minister says that he is not going to produce more than 100 per cent of the total rice requirement, to make the country self-sufficient in rice and nothing more, but to say because of the high cost of production, he will only produce 90% and buy the 10% from outside for economical reasons is the height of absurdity. If the Government is not interested in making the country self-sufficient in rice, why spend large sums of money on producing even this 90% when the Government can buy this 90% rice cheaper from other countries in Asia and save a lot of money? Further, to say that the rice produced in this country costs more when compared with imported rice produced in Asia, again amounts to childish talk because the Government should explore ways and means to reduce costs as

there is no shortage of land or water in this country to grow padi. The Honourable Minister has also made no provisions in the Budget for large scale, or as a matter of fact, any scale of dairy farming in this country. Milk is no doubt an essential commodity in the lives of everyone from the day the child is born right up to the time it goes to the grave. Why is dairy farming sadly neglected in this country while land and grass are plentiful, one cannot understand. Look at England, for example, and see how the milk vendors go about pushing their carts from morning till late in the evening selling their clean bottles of pasturised milk. Why can't we take a lesson from that country and do this in a large scale ourselves instead of buying tinned milk from other countries outside. Let the Honourable Minister who has himself visited England on numerous occasions and probably must have taken a lot of bottles of milk himself please answer the question. Thank you, Mr Speaker.

Dato' James Wong Kim Min (Miri-Subis): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, reading through the Budget speech of the Honourable Minister of Finance, I cannot help but feel a mixed feeling, I must admit, of some optimism and a large chunk of pessimism. I shall touch later on, Mr Speaker, Sir, on the various points in the speech. Meanwhile, Mr Speaker, Sir, with your kind permission I take this opportunity to draw the attention of the House to the rather unwieldy manner in which the actual Federal Budget Book for 1972 is presented. Unlike previous years, when the Development Estimates and the Operating Expenses were in separate books, on this occasion they are both in the same book and they are both in the same coloured paper, namely, white, with the only distinction of "P" and "B" to differentiate them. At the last debate on the Development Estimates various Honourable Members of this House made various mistakes in reading the wrong Heads of Estimates. I am sure many Honourable Members of the House too find this form of binding extremely cumbersome. I would suggest here that if it is the intention to persist in this form of printing and binding—both Development Expenditure and Operating Expenses in one book—then I respectfully suggest that the respective Development Expenditure and Operating Expenses be printed in different coloured papers for easy identification and reference.

Mr Speaker, Sir, no one can question that Malaysia has made progress over the years, but I would like to take this occasion to ask whether or not the whole of Malaysia has made progress simultaneously, or is it only certain parts of Malaysia that have made significant progress while other States have been comparatively left in the backwaters. In previous debates, Sir, I have pointed out that the differences between the "haves" and the "have-nots" do not only apply to the people within Malaysia but also to the States within Malaysia and, in this particular debate, I would like to point out to the House as to what the Government should do to narrow the gap between East Malaysia, particularly Sarawak, and West Malaysia.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Minister of Finance has touched on the need for harmonising taxes and he refers in particular to sugar. That we should harmonise the differences not only in taxation but in other fields is a matter which I fully support. However, let us look now, Mr Speaker, Sir, on what has been done to harmonise the differences between East Malaysia, particularly Sarawak, and our brethren in West Malaysia.

Let us look at the schools. 70% of the students of Primary VI have to be compulsorily failed every year in Sarawak. Now, what has been done to harmonise this grave inequity between East and West Malaysia, where our brothers in West Malaysia enjoy free education without interruption up to Form III level. In spite of promises made by the Minister of Education that he will sympathetically consider any approach made by the State Government in this matter, the State Government in Sarawak has, up to the present time, Sir, not been able to reassure the people of Sarawak that the Common Entrance Examination from Primary VI to Form I would be abolished in 1972. I would like to make a plea here to the Federal Government to please consider this as a matter of grave urgency and importance.

Mr Speaker, Sir, the Honourable Finance Minister has spoken at great length and gave assurances that it is the Government's policy, to quote him, "to include the industries in less developed parts of the country". Now, Mr Speaker Sir, I am wondering, when the Minister made this statement, whether he had Sarawak in mind or was he merely

referring to West Malaysia. May I ask for clarification of his speech, when he said—and I quote him—"Applications from 242 new companies were approved for the first ten months of 1971. Their proposed paid-up capital of \$488 million represented an increase of 14% over the corresponding period of 1970" Mr Speaker, Sir, I said I would like to ask for a clarification from the Honourable Minister of Finance. Of the 242 companies, how many of the companies have applied to set up in Sarawak? And out of the proposed paid up capital of \$488 million, how many millions of this proposed paid-up capital are to be invested in Sarawak? Perhaps the Honourable Minister would kindly enlighten us on this point? I am sure the Honourable Minister's reply would be most illuminating.

It is a known fact that Sarawak faces tremendous problems in industrialisation, such as a limited local market, a small population, lack of infrastructure, high freight rates and, in particular, in the 4th and 5th Division, lack of port facilities, not to mention the difficulty of travel and distances involved.

All these factors serve to do one thing—to discourage investors in investing in Sarawak. But what has the Government done to provide sufficient incentives for investors to go there? I have pointed out elsewhere in this House that liaison and communication between the State and Federal Governments leave very much to be desired. In fact, applications made took years before one can get a reply to a letter, let alone a "yes" or "no" reply. Now, Mr Speaker Sir, if the Government and the Honourable Minister of Finance are sincere in having industries located in undeveloped areas, such as the State of Sarawak, then by all means let the Minister show the people how he proposes to do this. I have a suggestion to make here. I would very respectfully suggest that a Special Commission be set up and this Commission should travel to all the five Divisions of Sarawak. Mr Speaker, Sir, it is sometimes forgotten among Honourable Members of this House here that Sarawak is as big as the whole of West Malaysia. This Commission should stay a week at least in each Division in order to study the problems of the country, and also to meet the people of each Division to find out ways and means as to how the Government can help develop Sarawak by

setting up suitable industries in each place. It is no use if this Commission comes only to Kuching, stays for two or three days and meets only Government officials as has been done in the past, or merely staying for only one or two days to meet the business people. This will achieve nothing or very little. In order that a proper dialogue can be carried out and views be heard, this Commission must be prepared to stay in Sarawak for at least six weeks. It is no use for the Finance Minister to say that we have a State Industrial Development Committee, as the State Government Development Committee appears in practice to be merely a post box for the Federal Government. A better form of organisation to enable closer liaison between the State and Federal Governments, and also to expedite applications and decisions on applications, could also be worked out into one of the terms of reference for the Commission to investigate.

Mr Speaker, Sir, again, the Honourable Minister has touched on the need for diversification of agriculture. Palm oil has made tremendous progress in West Malaysia. Here, I appeal to the Federal Government to please give every assistance to enable oil palm to be planted throughout Sarawak as oil palm would be a very useful crop for diversification in Sarawak. Hill timber industry in Sarawak is now in the doldrums. Here, Mr Speaker, Sir, I would like to take this opportunity to declare my interest, as I have an interest in the timber industry in Sarawak. But, Sir, having interest in timber, I feel that I know the business better and the problems connected with the industry and, therefore, I am qualified to make comments and suggestions to the Minister of Finance, particularly in regard to his remarks regarding processing. Mr Speaker, Sir, it is a known fact that the timber industry as a whole is facing a difficult situation due to various factors, some of which like competition from neighbouring countries are permanent. Hill timber industry in Sarawak is not easy to operate and, if I may draw an illustration here, namely, that the cost of timber F.O.B. from the ports of loading in any Division in Sarawak would be equivalent in West Malaysia to the cost of loading, for instance, in Port Swettenham and Johore, with this difference, however, that whereas Port Swettenham is the gateway to the ports of the world with ships calling

there on regular runs, in Sarawak this is not so; and with the exception of, perhaps, Sibuluan and Kuching, for all the other ports like Miri, Limbang, Baram, Bintulu, etc., there are no port facilities and loading is carried out in the open sea and subject to the vagaries of weather. Furthermore, the cost differentials, for instance, between F.O.B. Miri and F.O.B. Port Swettenham would be in the region of about 20% to 30% against Miri. It is in this context, Mr Speaker, Sir, that I would ask the Honourable Minister of Finance to give careful consideration on the imposition of Sales Tax throughout Malaysia indiscriminately as this would kill the industry, whether the shipments come in sawn-log form or sawn timber. If indeed it is the intention of the Government to encourage development in undeveloped areas, then I would ask the Government to please study the cost and consider very carefully whether the industry in this particular area is able to bear the extra tax without going bankrupt. For instance, Mr Speaker, Sir, last year the State Government imposed a 200% increase in royalty on timber throughout Sarawak. This unfortunately has resulted in many of the companies which operate in areas, where timber stands are poor and having great difficulty in operating, particularly with the extremely poor port facilities which now exist, with the consequent result that dozens of firms have also gone into liquidation since last year in Districts like Bintulu, Baram, etc., and these have resulted in the loss of this industry to some Districts in Sarawak. It is a matter of record that there are many saw mills which have large stocks of timber in Sarawak and are unable to sell them because they are unable to bring their products competitively into the world markets owing to freight differentials and shipping difficulties.

Mr Speaker, Sir, I would, therefore, suggest that if this Sales Tax must come in and there is no other way—although I am sure there must be other better ways of raising taxation other than the imposition of Sales Tax—I would strongly recommend that this be regionalised—I repeat “regionalised”—for, although we are all in Malaysia, not all States within Malaysia are gifted and blessed with the same geographical and other advantages. Sarawak, Sir, is definitely at a disadvantage in every respect, not to mention the high cost of living when compared with

West Malaysia—a lower price for rubber, for instance, and a higher price for consumer items. My colleagues have already touched on this point.

Mr Speaker, Sir, touching again on the Sales Tax, I wonder why the Honourable Finance Minister has decided to use the Sales Tax as a form of raising money instead of calling it merely an “import/export tax”, for basically that is what it is. In other words, a 5% increase in imports and exports. Various Members have spoken of the wisdom in imposing this Sales Tax. Here, I would wish to add that the imposition will be extremely cumbersome not only to the Government Departments but also to the public, particularly to the small business people and, frankly, I very much doubt if the game is worth a candle. If there are other means of raising funds, then the Government should try to do so. Mr Speaker, Sir, the Honourable Member for Tanjong has already touched on some of the observations that I intended to make on this point. He mentioned that the anticipated short-fall in Development Expenditure would be more than enough to cover for the anticipated deficit. This is a point which, I think, is worthwhile for the Honourable Minister of Finance to consider.

Mr Speaker, Sir, may I now touch on Radio and Information? Although some progress has been made in the presentation of views, particularly Opposition views over T.V. and Radio, I must admit that there is still room for improvement here. I would suggest Radio Sarawak should endeavour to give more time for news of Parliamentary debates and also of Council Negri, both of which should be broadcast to the people. At the moment, insufficient time is given to broadcast to the people news about these proceedings; in fact, more time is given to songs, pop music, etc., even when the Council Negri is in session. We live in a democracy, and we are constitutionally a democratic society. Therefore, I feel it is the duty of Radio and T.V. to give more news to the people—news on Parliamentary and State Legislature meetings—so as to enable the people to understand what their elected representatives are doing in Parliament and in State Legislatures. We cannot achieve the restructuring of society by merely giving a person a better house and a better standard of living. We must also, Sir, inculcate in the

people a sense of pride and belonging and of participation which can only be achieved through education, through the media of the Press, Radio and T.V., of what Malaysia means and what Malaysians are and, in short, instilling a national pride. With all the money we have given and have allocated for Information and Broadcasting, this is the least we can expect: by getting a total involvement of the people in the Government of the country, which means presenting the views of both the Government and the Opposition to the people, so that they will know how their elected representatives are doing their jobs.

Mr Speaker, Sir, I would now like to touch on goodwill. We have allocated, I notice under the Goodwill Head, a sum of over \$1½ million. Unfortunately however, Sir, although the Federal Government always speak of Goodwill and of the need for Muhibbah and of the Rukunegara, this spirit has been honoured more in the breach than in the performance by the Alliance Ministers. In the interest of political intimidation, the State Government of Sarawak, for instance, has even resorted to sacking Pengarahs and Penghulus, who are Members of the Opposition, namely, the Sarawak National Party. Mr Speaker, Sir, we have here in this House, among the Honourable Members of this House, the Honourable Member for Serian, who is also a Pengarah of his District. A few months ago, the State Government sacked him without any rhyme or reason given, except to say that his Excellency the Governor had sacked him. If he is old, there are other older Pengarahs. For instance, on the Alliance Bench across the floor, the Honourable Member for Julau himself is a Pengarah, but he has not been sacked and neither for that matter, has the Honourable Minister for Sarawak Affairs, who is a Temenggong, been sacked. Now, what crime has the Pengarah, the Honourable Member for Serian, done except to be a loyal Member of the Opposition? No reasons were given for his dismissal and yet he was sacked. But on the other hand, Mr Speaker, Sir, there was one Member who was elected on a Sarawak National Party ticket and who had sworn and signed an oath voluntarily that if he should leave the Party (i.e. the Sarawak National Party) he would vacate his seat in the Council Negri. The same Member crossed the floor and joined the Alliance and he is today the Minister of

Youth of Sarawak. Mr Speaker, Sir, we have here a case where an honourable man, such as the Honourable Member for Serian who won the largest percentage of votes in Sarawak when he was elected an M.P., being sacked for no reason, possibly because he is an Honourable Member and a loyal man and well-loved by the people. On the other hand, you have a man who has not even honoured his oath, but because he crossed the floor and joined the Alliance he is now the Minister of Youth. Is this how the youth of Sarawak to be led? Is this how the Rukunegara to be respected? Is this how Goodwill to be established in the country, especially in Sarawak, Sir, where we have now the Communist subversion? Mr Speaker, Sir, it does not give me any pleasure to bring this up to the House, but I felt, in the interest of national unity and goodwill, that this should be brought up. Mr Speaker, Sir, if the Alliance are not able to put their house in order, then it is pointless that this promise of goodwill

Tuan Yang di-Pertua: May I remind the Honourable Member that the time allotted, which is twenty minutes or so, is up. I will give you a few more minutes to wind up.

Dato' James Wong Kim Min: I have a few more points, Sir. Shall I go briefly over them?

Tuan Yang di-Pertua: Yes, in a few more minutes.

Dato' James Wong Kim Min: Anyway, Sir, I have spoken on the subject and I hope the Federal Government would look into this matter.

Mr Speaker, Sir, I would like now to touch very briefly on taxation. Nobody minds paying fair and just taxes but at the same time people would like to make sure that when they pay taxes this money is not squandered away but every cent, every dollar, is used carefully for the purpose for which it is intended. For instance, in view of the poor market for our primary produce when so many people in the country are facing a depression, it is time that the Government, both State and Federal, cut down on lavish celebrations and prestige projects.

Mr Speaker, Sir, on the administration side, I would like to touch here on one point. The Minister of Health at the last meeting mentioned the difficulty of transferring

doctors outstation. In this respect, we might be able to learn something from the Australian system where they have zoned some areas and when engineers or doctors are sent to these areas they get a special allowance. Perhaps we in Malaysia should do the same to enable the less developed areas to benefit.

Lastly, Mr Speaker, Sir, may I touch very briefly in reply to the Honourable Member for Padawan who appeared unhappy because of the Opposition criticism that the Coalition Government has not done much for the people in Sarawak. Mr Speaker, Sir, I can assure the House that it gives us very little pleasure to make this accusation. Nevertheless, as a loyal and responsible Opposition, we must be constructive and we can do no less, therefore, than to tell the truth. It is up to the Coalition Government of Sarawak to pull up their socks and deliver the goods and I can assure the Honourable Member for Padawan that if the State Coalition Government does this and really produces the goods, not merely making promises with no action, then I, Sir, would be the first to applaud them. Thank you, Sir.

Tuan Tan Cheng Bee (Bagan): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, I rise to support the Supply Bill, 1972. I am sure that the Honourable Minister of Finance had good intentions to see that the people of the lower income group are free from the recent tax increases when he introduced his Budget on 6th January, 1972. But, unfortunately, Sir, there are unscrupulous people in the world who prefer to use all their cunning to exploit the public. The shortage of essential goods in the shops, as complained by so many Honourable Members yesterday and the day before, was evident, and this has been engineered in fact by avaricious shopkeepers (retail and wholesale) who expect to make an easy additional 5% profit when the Sales Tax Bill is passed. This is totally contrary to the good intentions of our Government, particularly of our Minister of Finance; and I suggest, Sir, that these unscrupulous shopkeepers be severely dealt with.

As Chinese New Year is drawing near, those essential commodities such as sugar, eggs, flour, etc. are in great demand by housewives, who are now busily preparing cakes and condiments for the Chinese New Year

season. I would suggest, Sir, that the Government publish weekly price lists of all essential commodities in the papers and also have these announced over Radio and Television Malaysia for the information of the consuming public.

Oranges, Sir, are also in great demand as the Chinese consider gold-coloured oranges as an omen of luck and happiness, especially when they are offered during the Chinese New Year season, and it is really regrettable that import duties on such oranges from China have increased a hundred per cent. This increase at this juncture, when the Chinese New Year is just a month away, would make it difficult for poor families to buy oranges so as to celebrate their festive season in a spirit of gaiety and goodwill as they have done in previous years. It would certainly be a wise and considerate move if the Honourable Minister of Finance could waive the increase in import duties on oranges from China for the celebration of this Chinese New Year.

Sir, Penang has within the last few years been gradually eroded of its free port status and the importers who do transit trade have suffered as they have to pay heavy duties on their goods that are imported in bulk and are being re-exported to other countries. No doubt, Sir, they can make their claims for refund on the duties collected for the goods re-exported, but it is well-known that the Government machinery for repayment always takes too long a time. There were occasions when importers had to wait for three to four months before they were finally paid. Although the Government had promised to set up a free trade zone in Penang and in Prai, nothing has yet been done for the last two years. I would urge the Government to set up this promised free trade zones in Penang without further delay.

Sir, the price of rubber has fallen so low—in fact, it has been at the lowest this country has ever experienced—and most rubber estates have stopped tapping and a good number of the tappers are now out of job. As a result, businessmen suffer and the wage-earners are being affected by higher cost of living, occasioned by the rise in cost of goods and essential commodities. I consider, Sir, that it would be a humane act for the Minister of Finance to announce, during this Budget Session, the increase to personal relief from

\$2,000 to \$3,000 for the taxpayer and from \$1,000 to \$2,000 for the taxpayer's wife, as was the case some years ago. This tax relief would go a long way to help the wage-earners and the small businessmen.

Sir, we have always supported the Government in its endeavour to bridge the economic imbalance of the bumiputras in the country and there has been a persistent and repeated clamour to project a truly Malaysian identity both in business and also in the intake of employees in trade and industry.

Pernas has recently been established with full Malay participation, and as it is the intention of the Government to encourage a united Malaysian outlook in all business, trade and industry, I feel, Sir, it would be a good thing if the directors of Pernas, in keeping with the declared policy of the Government, open up shares of Pernas to the non-Malays so that the non-Malays could join and actively participate in Pernas and contribute their business "know-how" thereby enhancing the prospects of Pernas. This would also help to foster a true spirit of goodwill and brotherliness when the Malays and the non-Malays are encouraged to work in unity and harmony in trade and industry as in sports and other social activities.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah (Baling): Yang Berhormat Dato' Yang di-Pertua, saya sungguh tertarik hati kepada beberapa ucapan² yang telah di-buat di-dalam Dewan ini di-dalam mendebatkan usul di-hadapan meja sekarang ini. Uchapan Wakil Johor Tenggara dua hari yang lalu yang panjang dan bersemangat itu mengandungi beberapa isi yang patut sa-kali di-ambil perhatian berat oleh Kerajaan dan kerana itu saya ingin hendak mengulangi.

Beliau telah menyebut perkataan 'dedikasi' dan keikhlasan yang patut di-tanam di-kalangan pegawai² Kerajaan. Bila Kerajaan melaong beberapa perubahan di-dalam chara² pemerentahan serta puchok teraju berubah, maka tidak dapat di-nafikan perubahan semangat kaki-tangan pegawai² Kerajaan yang telah di-letakkan beban untuk melaksanakan keputusan Dewan dan hasrat Kerajaan ini dari pintu² dan lobang² Dewan ini terbit laongan zaman baharu, zaman perubahan, zaman dinamis. Dari tangga² Dewan ini akan turun keluar pegawai² yang telah

menerima pesanan akhir pemerintah. Tentu-lah semangat membumbong tinggi, penilaian ini Kerajaan terhadap kebolehan pegawai² kita sangat tinggi. Kalau tidak masakan Kerajaan berani untuk mengadakan ranchangan yang memakan belanja beribu juta ringgit yang belum pernah sa-kali pun sa-buah negara di-Asia Tenggara ini berbuat demikian.

Ada-kah Kerajaan telah benar² menguji perasaan dedikasi pegawai² kita keseluruhannya. Saya tidak berkata pegawai² di-Kementerian² sahaja, tetapi pegawai² dan kakitangan Kerajaan keseluruhannya. Kalau hanya pegawai² tinggi Kementerian sahaja yang mempunyai semangat yang penoh sama seperti semangat Menteri² kita bahkan lebih lagi semangat yang mahu menunjukkan kebolehan masing², tetapi pegawai² pertengahan, di-Jabatan², di-Negeri², di-daerah² atau pegawai² at the front itu tidak masa ingatan dan thema kemahuan dengan pegawai² di-atas, maka Ranchangan Malaysia Kedua atau pun ranchangan ekonomi baharu ini akan gagal. Dedikasi yang saya maksudkan itu ia-lah tiap² pegawai Kerajaan dari atas hingga ka-bawah yang besar dan yang kecil masing² mempunyai perasaan, kalau pun maseh belum ada, maka hari ini di-seru untuk belajar dan mempunyai perasaan mahu menumpang sa-penoh minat dan bekerja bersungguh² menjayakan chita² itu. Saya harus beri pujian yang tinggi kepada perajurit² suku Iban dan lain² di-Sarawak yang telah berjuang menentang pengganas² di-serata medan peperangan baik pun di-Malaysia Barat atau pun Timor ia-itu mereka sentiasa berchakap dan bertindak dengan satu nada ia-itu "Saya perajurit, saya berperang, Tun Razak perintah". Mereka tidak mengenal penat lelah, mati hidup, mereka hanya mempunyai satu sahaja chita² ia-itu "basmi pengganas". Kerana itu ia-lah chita² Kerajaan yang boleh memberi keamanan kepada mereka, anak isteri dan kampung halaman mereka dengan pengorbanan yang berani luhur daripada mereka sendiri.

Kalau seluruh ra'ayat yang di-kepalai oleh pegawai² kita sa-bagai Leftenan dan Kepten berani mempelupori chita² ini, chita² Kerajaan akan dapat di-laksanakan sa-belum chukup tempoh-nya. Saya sa-orang sa-bagai ra'ayat biasa akan sentiasa bersama² di-dalam tujuan pelaksanaan ini. Bila Yang Berhormat Wakil Johor Tenggara berchakap berkenaan dengan keikhlasan dan keluhoran

hati pegawai², maka ini sungguh² menarek perhatian saya. Sa-lama ini kejayaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama ia-lah kerana perkhidmatan yang baik dan bersungguh² dari semua pegawai² dan ra'ayat yang menyokong. Satu perkara yang saya harus menitek-beratkan di-dalam hal ini ia-itu jangan sa-kali² kita menganggapkan Ranchangan Kerajaan ini sa-bagai satu rahmat dan peluang kita boleh mencari keuntungan sa-mata² untuk kita sendiri dengan melupakan tujuan asal ia-itu untuk kebahagiaan negara. Kalau kita menganggapkan era ini hanya sa-bagai satu peluang keemasan bagi kita baik dalam perlumbaan bidang perniagaan, perdagangan dan lain², mengisi poket kita dengan sa-penoh², dengan sa-chepat² nya meletakkan perkhidmatan yang di-harap² atau membelah bagikan perkhidmatan ini maka jahanam chita² ranchangan Kerajaan ini.

Pimpinan yang ikhlas, tegoran² yang baik semangat yang bersungguh² kalau di-tunjuk kepada ra'ayat di-kampong² akan memainkan peranan yang banyak menjayakan chita² ini. Ranchangan ekonomi baharu ini akan anchor luhur dan tidak menjadi guna kalau ra'ayat tidak mengerti dan faham. Ra'ayat tidak dapat bersama² mengechap hasil-nya, lebih² lagi bila ra'ayat jelak dan jemu mendengar sahaja laongan² dan melihat lagak² pegawai² menjalankan tugas tidak sesuai dengan kemahuan dan semangat negara hari ini. Itu-lah satu ingatan yang sungguh² patut di-ambil perhatian oleh Kerajaan. Jaya atau tidak, mati atau hidup Malaysia di-masa hadapan ada-lah di-dalam tangan mereka yang melaksanakan ranchangan ini. Biar segala kemahuan chita², chakap², dasar dan pelaksanaan itu sama sa-nada sahaja, insha 'Allah Tuhan akan bersama² kita dalam kemahuan kita ini.

Pembangunan kilang² di-bandar hari ini munchul begitu laju dan chepat. Pengeluaran barang² hasil di-dalam negara kita tentu akan menolong merendahkan harga saraan hidup ra'ayat. Ra'ayat tentu menghargai pehak² swasta yang berani menanam modal di-dalam negara kita kerana kepercayaan kepada ketegohan pemerintah. Bagaimana pun saya meminta Kerajaan memberi perubahan dan kemajuan pertanian. Ra'ayat di-kampong sa-tiap pagi buka mata ingin juga hendak mendapat perubahan, ingin maju dan ingin hidup sa-bagai ra'ayat di-bandar yang mengechapkan seribu satu

nikmat. Revolusi hijau—the green revolution yang di-nyatakan oleh Kerajaan tidak banyak yang sampai kepada pintu² ra'ayat di-kampung, kalau hanya hendak menubuhkan Persatuan² Peladang di-kampung dan desa sahaja dan lain² dan lain² initiative tidak di-buat. Jurang kemajuan bandar dan desa akan jauh berlari. Saya sedar hanya menerusi persatuan² peladang di-desa², maka Kerajaan akan dapat salorkan segala bantuan dan nasehat dan memainkan peranan yang banyak di-dalam bidang pembangunan pertanian. Tetapi ada-kah Persatuan² Peladang dan lain² persatuan yang bertujuan demikian itu bergerak sa-jajar dengan perubahan² yang lain², kalau hanya hendak membanyakkan angka penubuhan Persatuan² Peladang tetapi tidak bergerak dengan baik dan teratur maka Persatuan² Peladang ini juga akan merupai dengan Persatuan² Belia dalam kampung² yang tumbuh sa-bagai chendawan tetapi tidak banyak yang bergerak chergas.

Di-dalam menjalankan Persatuan² Peladang di-kampung² belum pernah sa-kali pun fikiran daripada Wakil² Ra'ayat di-tinjau atau di-minta fikiran. Saya tidak tahu di-mana, berapa, dan apa kemajuan yang telah di-buat oleh Persatuan² Peladang dalam kawasan, bahagian. Persatuan² Peladang ia-lah sa-benar²-nya nadi kepada kemajuan pertanian di-masa sekarang ini dan di-masa hadapan. Lebih² lagi bila Wakil² Ra'ayat tidak berada di-dalam Jawatan-kuasa Kerajaan di-daerah². Saya sangat ragu² ada-kah dapat revolusi jentera umpama-nya di-bandar² dapat bersaing maju dengan revolusi hijau di-kampung² itu. Saya kluatir, kalau² dalam masa perlaksanaan Ranchangan Malaysia Kedua ini kampung² akan di-tinggalkan jauh oleh bandar. Nasib ra'ayat tegas-nya nasib orang Melayu di-kampung akan di-telan oleh debu dan asap daripada kilang² di-dalam bandar².

Beberapa perkara yang harus menjadi isi pemikiran kita hari ini ia-itu perbezaan yang maseh berlaku. Sa-bagai yang saya kata tadi umpama-nya perbezaan pemikiran penduduk² bandar dan ra'ayat kampung antara pegawai dan ra'ayat. Sa-lain daripada itu tidak kita nafikan tujuan Kerajaan hendak menyatu padu seluroh kaum tetapi jurang perbezaan antara Melayu dan bukan Melayu maseh ada dan jurang ini sengaja hendak di-renggangkan oleh kalangan² yang tertentu. Apa yang patut di-lakukan hari ini,

Majlis Perpaduan Negara hendak-lah bergerak chergas bukan hanya menyatakan ranchangan sahaja, tetapi juga menjalankan daya usaha. Kita tidak mahu mendengar ucapan demi ucapan di-atas tajok perpaduan tetapi hasil-nya "nil". Daya usaha perpaduan itu boleh di-jalankan di-kampung², di-pekang² menyeru supaya umpama-nya pedagang² kaum China memulakan usaha berniaga berkongsi dengan orang Melayu. Hari ini perkongsian itu kedapatan di-Kuala Lumpur dan di-bandar² yang besar sahaja, tetapi di-kampung² tidak ada. Kalau orang Melayu yang menyambut seruan memasuki lapangan perusahaan dan perniagaan

Tuan Yang di-Pertua: Ini di-mana kena-nya Rang Undang² ini.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Tidak, ada lagi yang berikutan dengan itu yang bersangkut dengan Rang Undang².

Tuan Yang di-Pertua: Tidak boleh panjang² sangat berchepak, 20 minit sudah-lah.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Kalau ta' berikut, langsung tidak tiba ka-situ nanti.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Sadikit lagi, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Baik-lah.

Tuan Haji Shafie bin Abdullah: Sudah sampai masa-nya kita tidak berharap samata² kepada daya usaha Kerajaan seperti MARA dan lain² badan untuk menolong orang Melayu. Kalau tycoon² atau peng-usaha² atau pedagang² besar bangsa China memulakan gerakan dengan bersendirian ia-itu mahu memulakan perusahaan baharu, membuka perniagaan baharu berkongsi dengan orang² Melayu dalam kampung² atau pun dalam pekan² kecil, jurang perbezaan kedapatan di-dalam kampung dan pekan² kecil ini akan lambat sangat hilang. Lesen² perniagaan umpama-nya boleh hanya di-keluarkan atas sa-mata² nama orang Melayu atau pun atas perkongsian orang Melayu dengan kaum yang bukan Melayu. Saya fikir chara ini-lah sahaja beberapa tujuan kita dapat di-chapaikan dengan satu matlamat ia-itu pembentokkan satu negara yang kuat dan bersatu padu. Chara pemikiran ra'ayat di-kampung hari ini harus di-beri perhatian

yang berat. Kita tidak mahu mendengar lagi cerita dalam kampung ia-itu ranchangan Kerajaan ini harus di-julang dan di-sokongkan oleh orang² daripada parti Kerajaan sahaja. Perbedzaan maseh ke-dapatan dalam kampung ia-itu manakala satu initiative hendak di-jalankan, maka kalau ranchangan kemajuan itu datang-nya berpuncha daripada pemimpin², umpamanya PAS, maka orang² PAS sahaja yang menyokong. Kalau ranchangan itu di-champori oleh pemimpin UMNO, maka orang UMNO sahaja yang menyokong. Kalau keadaan dalam kampung hari ini berjalan sa-bagaimana demikian chita² Dasar Ekonomi Baharu ini akan menjadi hanchor. Bapa² Menteri jangan hanya memikirkan hal² dasar sahaja, tetapi soal titek bengek di-kampung² yang menjadi itu harus diperhati. Sudah-lah dalam kampung ini gelap dengan beberapa masaalah, kemerosotan penghidupan, di-samping itu pula berpechah-belah di-antara satu dengan lain, satu pehak dengan satu pehak kerana penghidupan di-dalam kampung begitu sunyi dan sepi mungkin kelihatan daripada luar sa-bagai aman damai, tetapi sa-benar-nya keributan selalu berlaku sa-chara menjaral dengan diam². Perpechahan di-antara penghuni² kampung itu merugikan chita² Kerajaan hari ini. Saya shorkan hari ini kepentingan dan tujuan perpaduan hanya di-tujukan di-bandar² sahaja ia-itu di-antara satu kaum dengan satu kaum itu elok-lah di-salorkan sa-hingga sampai ka-desa². Lagi sa-kali saya kata bangsa kita akan rugi kalau perpechahan di-antara kita sama sendiri menjadi². Saya tidak ingin hendak mendengar hari ini ada orang² kampung berkata, "Aku orang parti Kerajaan dan aku akan menyokong apa sahaja yang Kerajaan anjorkan." Kemudian ada pula yang berkata, "Aku bukan orang parti Kerajaan, mengapa aku mahu menyertai ranchangan, ranchangan ekonomi baharu-kah, ranchangan apa-kah yang di-anjorkan oleh Kerajaan." Kementerian Perpaduan Negara dan Kementerian Penerangan tentu akan dapat memainkan peranan yang banyak dan bijak dalam jurusan ini. Apa yang saya ucapkan ini semangat dedikasi, perbedzaan fikiran dan tindakan pegawai² dengan ra'ayat, perbedzaan Melayu dengan bukan Melayu, menyokong parti Kerajaan dan yang bukan Kerajaan ada-lah sa-mata² dengan niat menguatkan chita² dan hasrat bangsa dan negara menjadi kokoh, menchapai

matlamat usaha² Kerajaan, membelanjakan sekian banyak wang ra'ayat yang di-kemukakan di-dalam Dewan ini.

Dato' Yang di-Pertua, saya monyokong usul ini.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman (Besut): Dato' Yang di-Pertua, tahun 1972 ada-lah merupakan tahun yang kedua di-dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Kedua dan kenaikan chukai mengikut apa yang di-bentangkan oleh Yang Berhormat Menteri di-dalam Dewan ini ada kait mengait dengan wang yang di-kehendaki untuk membiayai ranchangan pembangunan bagi tahun 1972. Dengan sebab itu, Dato' Yang di-Pertua, saya merasa chukai² yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini amat-lah sesuai. Kita sudah tentu kita tidak dapat menjalankan ranchangan pembangunan kiranya kita tidak mempunyai kewangan yang cukup.

Dato' Yang di-Pertua, kapada saya, saya yakin bahawa ra'ayat jelata dalam negara Malaysia ini bersedia memberi sedikit sa-banyak pengorbanan untuk memenohi hasrat dan kehendak Kerajaan ini dengan syarat segala apa yang di-janjikan oleh Kerajaan kapada ra'ayat dapat di-sempurnakan dengan baik dan jaya-nya.

Dato' Yang di-Pertua, dalam melaksanakan apa yang di-janjikan oleh pemimpin² Kerajaan kapada ra'ayat, maka sudah tentu kapada pegawai² di-beri suatu tanggung-jawab yang besar dalam melaksanakan-nya. Saya memuji sikap dan kejujoran sa-tengah² pegawai² Kerajaan kerana dari apa yang kita telah alami sa-lama ini tidak kurang juga bilangan pegawai² Kerajaan yang telah menunjokkan pekerjaan-nya dengan penoh kejujoran dalam melaksanakan tugas-nya. Tetapi tidak dapat di-nafikan, Dato' Yang di-Pertua, tentang ada-nya sa-tengah² pegawai Kerajaan yang tidak dapat menyesuaikan dengan keadaan zaman pembangunan saperti yang di-kehendaki oleh Perdana Menteri kita.

Dato' Yang di-Pertua, dalam pelaksanaan Ranchangan Malaysia Yang Pertama dahulu, saya rasa pehak Kerajaan tidak dapat menolak tentang ada-nya sedikit sa-banyak kesilapan dan kelemahan di-dalam pelaksanaan. Pada masa itu banyak orang menyalahkan kerana ada-nya pegawai² lama, ada-nya pegawai² tua di-dalam Jabatan

Kerajaan. Maka dengan sebab itu-lah ada kengedalaan di-dalam perlaksanaan-nya. Tetapi, Dato' Yang di-Pertua, dengan adanya pimpinan Perdana Menteri kita yang baharu, maka saya nampak pada masa ini Jabatan² Kerajaan telah di-penohkan dengan pegawai² muda sa-bahagian besar-nya kerana mengambil tempat pegawai² tua yang telah sampai tempoh untuk bersara.

Kapada pegawai² muda itu, Dato' Yang di-Pertua, dalam masa kita memperjuangkan kemerdekaan negara ini mereka maseh di-bangku persekolahan. Mereka kurang memberi pengorbanan di-dalam usaha mencapai kemerdekaan tempat² kosong di-dalam Jabatan Kerajaan di-sediakan kapada mereka. Mereka masok dengan senang dan sekarang ini merupakan suatu chabaran kapada pegawai² muda apa-kah mereka boleh memberi pengorbanan untuk memenohi kehendak² ra'ayat di-dalam memenohi kemerdekaan yang ada di-hadapan mereka. Jadi, Dato' Yang di-Pertua, sa-kira-nya pegawai² muda yang ada di-dalam Jabatan Kerajaan sekarang ini yang pada masa dahulu waktu mereka berada di-persekolahan, waktu mereka berada di-universiti, mereka mengkeritik Kerajaan, mereka mengatakan itu dan ini kapada pegawai² tua, maka sekarang merupakan zaman chabaran kapada mereka, apa-kah mereka boleh melaksanakan apa yang mereka katakan ta' betul sa-lama ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya merasa satu perkara yang amat sedeh sekarang ini, Tuan Yang di-Pertua, tentang kejadian² rasuah di-dalam Jabatan² Kerajaan. Walau pun kita mengaku bahawa negara kita Malaysia jika hendak di-bandingkan dengan negara² lain keadaan rasuah ini tidak begitu keterlaluan, tetapi perkara yang saperti ini tidak sa-harusnya di-biarkan dan dapat di-lihat dengan mata kasar, sebab apakala ra'ayat melihat perkara² yang saperti ini, Tuan Yang di-Pertua, sudah tentu keyakinan dan keperchayaan ra'ayat kapada Kerajaan sa-makin hari sa-makin tipis. Di-dalam masa kita hendak memungut chukai² baharu daripada ra'ayat jelata, Tuan Yang di-Pertua, kita terpaksa menguasai tentang kebochoran wang Kerajaan yang di-bochorkan menerusi Jabatan² yang berkenaan.

Saya tunjukkan satu chontoh, mithal-nya, Tuan Yang di-Pertua, Jabatan Talikom. Satu perkara yang tidak dapat di-nafikan, walau

pun kita telah meluluskan di-dalam Dewan ini beberapa tahun dahulu tentang kenaikan sewa harga talipon. Sewa talipon bulanan kita naikkan dengan harapan kita dapat pungut wang yang banyak, tetapi menerusi Jabatan ini berapa ribu, berapa puluh ribu wang yang sa-patut-nya dapat kapada Kerajaan, tetapi tidak sampai kapada Kerajaan kerana bochor menerusi pegawai² yang tidak bertanggung-jawab, yang ada di-dalam Jabatan ini. Bukan semua, Tuan Yang di-Pertua, tetapi ada pegawai² yang sa-bagitu.

Satu perkara yang tidak dapat di-nafikan bahawa ahli² perniagaan menggunakan banyak panggilan talipon, tetapi bukan banyak mereka membayar kapada Kerajaan, tetapi sa-paroh-nya di-bayar kapada Kerajaan dan sa-paroh-nya di-masokkan kapada poket² pegawai² yang ada dalam Jabatan itu.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga terpaksa menyebutkan satu lagi—Jabatan Kastam. Ini pun merupakan sumbar kewangan yang kita dapati, tetapi menerusi Jabatan ini juga kita telah bochor kewangan kita. Dan di-sa'at² yang akhir ini, Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang mengharukan fikiran saya, satu Jabatan Kerajaan yang kita sangat harap²kan untuk menjaga masaalah² kebochoran ini, tiba² berlaku juga rasuah di-dalam Jabatan ini, ia-itu Jabatan Polis sendiri. Dari laporan² akhbar, Tuan Yang di-Pertua, kita melihat bahawa ramai pegawai² dari Jabatan Polis ini telah di-seret oleh BPR. Ini menunjukkan bahawa Jabatan² yang penting dalam tanah ayer kita ini, yang sa-lama ini kita memberi keperchayaan sadikit sa-banyak telah masok anasir² yang kurang sehat, menyebabkan burok nama Kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, ra'ayat jelata dalam tanah ayer ini apakala mendengar ucapan Menteri², mereka merasai bahawa ada suatu harapan yang besar di-hadapan mereka. Mereka memandang ka-hadapan, dengan keadaan yang cherah, tetapi apakala mereka menemui pegawai² Kerajaan saperti yang saya sebutkan tadi, sa-tengah² pegawai itu, mereka merasa gelap di-hadapan mereka, sa-olah² apa yang di-janjikan oleh pemimpin² di-dalam usaha hendak melaksanakan dasar ekonomi baharu ini hanya elok pada nama sahaja, tetapi amat pahit dalam perlaksanaan-nya.

Tuan Yang di-Pertua, kita di-dalam tanah ayer kita ini banyak masaalah² yang kechil, tetapi membingongkan perasaan sa-tengah²

orang. Saya sebutkan satu contoh. Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam pengumuman-nya menerangkan bahawa penyusunan Kerajaan terpaksa di-buat. Penyusunan Jemaah Menteri terpaksa di-buat untuk mempercepatkan lagi ranchangan kepada ra'ayat, untuk memperelokkan lagi jentera Kerajaan, tetapi masalah yang sangat memalukan kita, satu perkara yang kecil seperti yang saya katakan, ia-itu kedudukan dalam tanah ayer kita ini ada sa-tengah negeri-nya maseh memakai hari minggu, hari Juma'at—hari kelepasan am. Ada sa-tengah Negeri memakai hari Ahad. Walau pun ini kecil kepada sa-tengah² orang, tetapi kepada saya, saya rasa perkara yang kecil seperti ini tidak dapat di-selesaikan, tentu-lah memalukan kita. Saya tidak-lah hendak memaksa atau hendak menetapkan bahawa hari apa yang patut di-buat hari kelepasan, mingguan, tetapi ini terpulang kepada pehak Yang Berhormat Menteri. Atas asas biar-lah seluruh tanah ayer kita ini sama. Kalau kita hendak tentukan hari Juma'at, biar-lah hari Juma'at ka-semua-nya. Kalau kita hendak tentukan hari Ahad, biar-lah hari Ahad ka-semua-nya, supaya tidak-lah sa-tengah negeri hari Juma'at, sa-tengah negeri hari Ahad, sa-olah² kita ini tidak dapat control keadaan yang ada di-dalam tanah ayer kita dalam perkara yang bagini kecil.

Kemudian satu lagi, Tuan Yang di-Pertua, masalah kehadiran Pegawai² Kerajaan ka-Pejabat pada tiap² hari. Dalam masa Persidangan Parlimen ini saya chuba menghubongi Pegawai² Kanan dalam Jabatan Kerajaan untuk memastikan bahawa adakah mereka ini betul² dapat memasuki Pejabat bekerja mengikut masa yang telah di-tetapkan, pukul 8.00 pagi atau pun pukul 2.00 petang, ada 2.15 petang. Apakala kita membuat perhubungan dengan mereka, Tuan Yang di-Pertua, untuk menemui mereka pada pukul 8.00 pagi maka mereka menjawab, "Tolong-lah 9.30". Bila di-tanya, "Kenapa tidak dapat 8.00 pagi?" "Tahu sama tahu-lah". Tetapi bila kita pergi ka-pejabat kita melihat pegawai² rendah pukul 7.30 pagi sudah ada. Sudah ada di-bawah pejabat. Pukul 8.00 masuk pejabat. Jadi, sa-olah², Tuan Yang di-Pertua, di-dalam susunan kehadiran di-pejabat ini, Tuan Yang di-Pertua, ada peringkat²-nya. Pegawai² peringkat rendah sa-kali, layak pukul 7.30; yang agak tinggi sedikit, pukul 8; agak tinggi lagi, pukul 8.30; agak lebih hampir dengan

Menteri pukul 9 pagi. Jadi, ini, Tuan Yang di-Pertua, masalah² yang selalu menimbulkan perasaan orang ramai yang hendak menemui pegawai² Kerajaan. Saya bukan kata semua-nya, Tuan Yang di-Pertua. Saya terpaksa mengatakan bahawa ada benda ini dan soal ini tidak dapat di-nafikan dan inilah yang menimbulkan kemarahan kepada sa-tengah² ra'ayat kerana mereka mengatakan bahawa gaji yang di-bayar kepada pegawai² itu, pegawai yang tuang itu atau pun pegawai yang tidak dapat menepati masa itu, ada-lah wang yang di-pungut oleh Kerajaan daripada chukai yang di-bentangkan di-dalam Dewan ini pada tiap² tahun.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya fikir kaedah masa pejabat ini pun patut di-kaji oleh Kerajaan dan saya chuba hendak mengeshorkan kepada Kerajaan—kaedah yang kita ada sekarang ini; pukul 8.00 pagi, kita berhenti pukul 1.00 tengah hari; kemudian sambong lagi pukul 2.00 petang. Kita berhenti pukul 4.00 petang. Sa-tengah² pegawai amat sukar kita hendak menemui mereka di-waktu petang sa-telah selesai makan tengah hari. Ini Pegawai² Kanan, Tuan Yang di-Pertua. Mereka kata kurang seronok berbinchang sa-telah makan tengah hari, kerana keadaan kenyang. Dudok dalam pejabat pun rasa hendak rehat sedikit, melarat sampai pukul 2.30 dan 3.00 petang. Kadang² borak di-kedai kopi sa-lepas daripada makan. 2.30 petang pun belum ada lagi di-pejabat.

Jadi, Tuan Yang di-Pertua, untuk mengatasi masalah ini, saya mengeshorkan kepada Kerajaan supaya kita tidak ada lagi berhenti rehat tengah hari, kita jalankan terus. Jadi, sebab itu saya menchadangkan, Tuan Yang di-Pertua, kita mulakan Jabatan kita ini pada 7.30 pagi, kemudian kita tamatkan 2.30 petang. Sa-kali datang sa-kali balek. Kapada mereka yang mempunyai masalah anak di-sekolah, sambil ka-pejabat dapat menghantar anak ka-sekolah. Sambil balek dapat mengambil anak dari sekolah. Barangkali ada orang mengatakan 7.30 pagi terlampau awal. Saya suka menchabar, Tuan Yang di-Pertua, kapada mereka yang mengatakan terlampau awal ini. Mereka selalu pergi ka-kampong². Mereka selalu minta kaum tani, kaum nelayan, pekerja, supaya bangun dari tidor masing² pukul 6.00 pagi, pukul 5.30 pagi. Kemudian, Tuan Yang di-Pertua, kalau kita sa-bagai Pegawai Kerajaan yang selalu mengingatkan ra'ayat

supaya bangkit pagi, ta'kan-lah kita tidak boleh bangkit pagi. Kita boleh bangkit pukul 5.30 pagi, sembahyang suboh bagi orang Islam. Barangkali fikiran-nya amat sehat, terus pergi ka-pejabat. Masa pagi kita boleh berbinchang sa-chara yang agak tenang dan sehat. 7.30 pagi berada di-pejabat, 2.30 petang balek. Ini, Tuan Yang di-Pertua, pada pendapat dan fikiran saya bagi sa-tengah² Pegawai Kerajaan yang mempunyai kejujoran dan keikhlasan sa-lama ini menyatakan kepada kita bahawa masa untuk mereka bergerak di-sabelah petang tidak ada kerana mereka terpaksa habis pejabat pukul 4.00 petang. Mereka tidak ada masa untuk bergaul dengan masharakat, tetapi kalau pengeshoran saya ini dapat di-terima, Tuan Yang di-Pertua, maka ada-lah peluang bagi pegawai² muda ini, yang benar² jujur dan ikhlas boleh bergerak dengan masharakat di-sabelah petang. Sa-telah tamat bekerja 2.30 petang, berehat satu jam. 4.30 petang boleh bergaul dengan masharakat dan kepada pegawai yang saperti ini-lah di-harapkan dalam zaman pembangunan ini dan ini-lah pengorbanan yang di-minta oleh ra'ayat, dengan tidak memikirkan dapat elaun atau tidak. Selesai sahaja menjalankan tugas di-pejabat mereka sanggup memberi pengorbanan untuk memimpin ra'ayat jelata yang dahagakan kepada pimpinan daripada orang² yang terpelajar.

Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana ada-nya masaal² yang saya sebutkan tadi, tentang perasaan kurang puas hati dari orang ramai kepada sa-tengah² pegawai Kerajaan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, sudah sampai-lah masa-nya di-tiap² Jabatan Kerajaan sekarang ini kita letakkan pegawai² yang di-namakan Pegawai² Dengan Tugas² Khas yang di-lantek oleh Perdana Menteri sendiri dan mereka ini bertanggung-jawab terus kepada Perdana Menteri. Kepada Pegawai Dengan Tugas² Khas ini di-letakkan di-tiap² Jabatan Kerajaan, kepada mereka di-beri kuasa mengawasi dan sa-tiap pengaduan yang di-terima dan di-laporkan terus kepada Perdana Menteri, sa-tiap Menteri yang menerima maklumat itu hendak-lah terus bertindak dan bekejar ka-tempat yang berkenaan ini dengan ta' payah di-beritahu lebeh dahulu. Kalau negara sahabat kita telah membuat kerja yang saperti itu tidak ada sebab kenapa kita ta' boleh buat demikian, asalkan ini untuk

kebaikan. Saya rasa, Tuan Yang di-Pertua, kalau ini kita dapat adakan ra'ayat akan memberi hormat yang lebeh kapada kita.

Tuan Yang di-Pertua, pada akhir-nya saya ingin menyentoh sedikit ucapan sahabat² saya dari parti Pembangkang yang sejak beberapa hari lalu, tetapi hari ini nampak-nya agak kurang, tetapi sejak beberapa hari di-bentangkan Rang Undang² Bekalan ini nampak-nya Ahli² Pembangkang dari DAP dan PPP telah berchakap dengan suara yang agak sumbang di-dalam Dewan ini. Mereka telah menchachi hamun Kerajaan, mereka telah menyebutkan nama² Menteri kita tentang satu perkataan yang amat menyedihkan. Sejak daripada beberapa hari yang lalu, Tuan Yang di-Pertua, saya telah menchari apa-kah satu perkataan yang paling sesuai untuk di-berikan kepada Pembangkang ini. Saya chari demi chari, amat sukar hendak dapat tetapi apabila hari ini saya chuba membeli Kamus Dewan Bahasa maka saya telah terjumpa satu perkataan yang agak sesuai dan halus paling tepat di-gunakan kepada Pembangkang. Izinkan, Tuan Yang di-Pertua, saya menggunakan satu perkataan yang sangat² halus dan paling tepat di-berikan kepada Pembangkang. Pemimpin² Pembangkang yang ada dalam Dewan ini, Tuan Yang di-Pertua, saperti DAP dan PPP boleh-lah di-ibaratkan saperti sa-kumpulan anjing yang pernah menyalak di-tepi² longkang, di-tepi² jalan raya, dan di-chelah² gedong dan gudang. Kemudian mereka di-buru oleh orang ramai kerana perbuatan mereka itu mengganggu ketenteraman orang ramai. Ketika kumpulan anjing itu melarikan diri dari kumpulan orang ramai, mereka telah nampak satu bangunan yang besar, indah dan tinggi serta chantek dan di-bangunan ini terdapat lubang² kechil yang mereka fikir boleh masuk untuk menyembunyikan diri dari orang ramai. Dengan menggunakan berbagai² tipu helah kumpulan anjing tadi, Tuan Yang di-Pertua, telah dapat masuk menerusi lobang² yang kechil dan terus berada di-dalam Dewan ini. Sa-telah mereka berada dalam Dewan ini, mereka merasa amat lega sa-kali, kerana mereka di-beritahu bahawa orang ramai tidak boleh lagi memburu mereka, kerana ada-nya peratoran yang boleh melindungi mereka. Dengan sebab itu-lah, Tuan Yang di-Pertua, apakala mereka berada di-Dewan ini mereka terus menyalak dengan sa-kuat²-nya, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, kapada gulongan ini, saya ingin menyatakan bahawa bukit tidak akan runtuh di-sebabkan salakan anjing ini, atau lebeh tegas, Tuan Yang di-Pertua, Kerajaan Perikatan tidak akan jatuh sampai

Tuan Lim Kit Siang: Sir, may I ask for a ruling whether it is unparliamentary to use a word such as anjing in respect of a Member of Parliament? If so, can I ask him to withdraw it?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Well, there are certain limits.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, saya tidak berchadang hendak menjawab kerana saya hendak teruskan ucapan kerana mengejar masa.

Tuan Yang di-Pertua, kapada gulongan ini saya ingin menyatakan bahawa

Tuan Yang di-Pertua: Teruskan kapada Rang Undang², padan-lah sudah berchakap itu.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Tuan Yang di-Pertua, masa'alah chukai jualan 5% di-bangkitkan oleh Ahli² Pembangkang yang saya sebutkan tadi, dia mengatakan bahawa chukai ini atau Kerajaan mengenakan chukai ini, Tuan Yang di-Pertua, ia-lah untuk mengkayakan orang yang sudah kaya dan memiskinkan orang yang sudah miskin, atau pun yang miskin sa-makin miskin, yang kaya sa-makin kaya. Kalau-lah ini betul, Tuan Yang di-Pertua, maka kita tidak dapat melihat ra'ayat jelata dalam negeri ini yang 20 tahun dahulu rumah-nya burok, rumah-nya berdingkan atap, berdingkan buloh, tetapi hari ini telah mendirikan rumah² baru berdingkan papan. Kalau dahulu mereka berjalan kaki, sekarang ini mereka sudah ada kenderaan, kalau dahulu mereka hanya-lah berpendapatan yang ta' sampai \$20 sa-bulan sekarang ini mereka telah mengechap nikmat hampir \$100 atau \$60 sa-bulan. Tetapi saya mengaku kalau dikatakan oleh kerana orang kaya mempunyai kepintaran dan chekap mereka mengikuti perubahan, maka sa-tengah² daripada yang kaya bertambah kaya, tetapi yang miskin bukan bertambah miskin, miskin telah berubah pula lebeh baik daripada apa yang ada. Jadi kalau chakap seperti itu, ada kenyataan-nya, tetapi kalau berchakap mengatakan yang kaya bertambah kaya,

yang miskin bertambah miskin, ini mengikut perasaan dan sentimen, Tuan Yang di-Pertua. Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin mengajak dan meminta dengan jujur dan ikhlas kapada sahabat² saya ini chubalah ikuti pemimpin² Pembangkang yang agak sehat di-dalam Dewan ini seperti pemimpin PAS, atau pun Ahli dari Tanjong, yang mereka ini dahulu pun menyalak juga di-dalam Dewan ini, tetapi dengan pengalaman mereka bahawa Kerajaan Perikatan tidak akan jatuh dengan salakan mereka, mereka pun chuba ubah haluan-nya sekarang ini berchakap sa-chara hormat dan tertib di-dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua: Masa sudah chukop.

Tuan Hussain bin Haji Sulaiman: Jadi, Tuan Yang di-Pertua, saya ucapkan ber-banyak² terima kaseh.

Tuan Ng Hoe Hun (Larut Selatan): (Dengan izin) Sir, I rise to speak on the motion standing in the name of the Honourable Finance Minister, namely, the Supply Bill, 1972. I shall refresh the Honourable Finance Minister's memory that in the 1969 Budget he said that "generally speaking, the country has reached its optimum level of taxation", but since then taxes after taxes have been heaped upon the ra'ayat reaching finally with this impossible 5% Sales Tax. The Honourable Finance Minister realises that the five per cent Sales Tax is a form of indirect taxation and will hit everyone from the student buying his pencil to the ra'ayat in the kampong cooking his fish. Now I ask yourself, Sir, what will happen to the poor when the sales tax is implemented? Will you, Dato' Speaker, suffer, Sir? I am sure not. Will the poor ra'ayat suffer? I am very sure, Yes.

Sir, looking back and analysing the mind of the ra'ayat I can't help but remain amazed that people really do welcome these taxes. I come to my conclusion, because, if the people must object to these taxes, they would have shown their disfavour by voting out the Alliance in the recent by-elections. But what happened, Sir? They voted in favour of the Alliance Government and this really in fact gives, as claimed by many Honourable Members in this House, the mandate to further tax the people. I, on my part, as an independent MP can see further ruins the ra'ayat will have to bear in the coming years.

I therefore object strongly in the name of those uniformed ra'ayat the five per cent. Sales Tax.

Now, Sir, Malaysia as we all know, is a rich and developing nation. Many foreigners have said so. Our Honourable Ministers have said so also. So, why should such a rich country as Malaysia borrow and beg from other countries to maintain her national development? Can you see how funny this is, Dato' Speaker? So why should the Honourable Finance Minister of such a wealthy and prosperous country as Malaysia resort to terrible taxation? It should be the reverse. The Honourable Finance Minister should be doling out wealth to the ra'ayat. "There must be something wrong somewhere" the Honourable the Finance Minister said. Can one, Dato' Speaker, actually put one's finger into the problem and say, "Ah, I've got it." Most of the millions that the Honourable Finance Minister can't understand how it is being lost, is actually flowing into the pockets of the rich, or shall I say, Sir, the bourgeois-class capitalists in this country.

So what is to be done? Simple solution, Sir. Tax the rich more, operate like the historical Robin Hood of England. Rob the rich and feed the poor. But is our Honourable Finance Minister doing this? The answer is a simple "No".

Sir, by applying the Sales Tax rigidly, he will be robbing the poor to feed the rich. Can there be something wrong here again, Sir? Dato' Speaker, Sir, the members of the Press have not said so.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Time is up, Honourable Member.

Tuan Ng Hoe Hun: May I continue tomorrow, Sir?

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: You may continue tomorrow for a few more minutes.

Tuan Ng Hoe Hun: Thank you, Sir.

PENANGGOHAN

Usul

Tan Sri Haji Sardon bin Haji Jubir: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menandatangani supaya meshuarat ini di-tanggohkan sekarang.

Tuan Lee San Choon: Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong.

UCHAPAN PENANGGOHAN

RA'AYAT MENUBOHKAN CHAWANGAN D.A.P.—POLIS MENAKUT'KAN

Tuan Lim Kit Siang (Bandar Melaka): (*Dengan izin*) Mr Speaker, Sir, yesterday, on adjournment, I spoke of Police interference with Opposition Parties holding political discussions in the privacy of their own premises. Today, I address myself to another aspect of Police interference with the democratic rights of the people to participate in the political process.

When DAP organisers go out into the towns and villages to organise branches, they are invariably tailed by Special Branch men who are presumably required to find out who are the local people who are heading the local branch. When the DAP organisers leave, these Special Branch men begin a campaign of harassment and intimidation against the local party activists, to try to frighten them out of their involvement with the D.A.P. The new D.A.P. local activists will be called to the police stations, questioned, their identity cards demanded, threatened that unless they desist from forming the proposed D.A.P. branch, they will get into trouble with the authorities. If these threats fail, and I am proud to say they have failed in a large number of cases, these Special Branch men would visit the parents or relatives of the D.A.P. activists and put fear into them that unless they get their children out of the D.A.P. they will get arrested, or into some other dire trouble.

This has happened in the various outlying townlets and villages in Malacca, like Masjid Tanah and Batu Berendam. It has happened in other States, like Tenang and Cha'ah in Johore, which incidentally are both in the constituency of the Honourable Deputy Minister of Labour and Manpower.

Mr Speaker, Sir, I deplore such underhand, despicable and undemocratic tactics of the Government. The people of Malaysia have a right to join any political party of their choice. Why should they be harassed, intimidated and hounded by Special Branch in this way because they decided the D.A.P.

is the party of their choice? Do the Special Branch send out their men to harass and intimidate in like manner those who join or wish to join the M.C.A. the U.M.N.O., the Alliance, or in the process of forming U.M.N.O., Alliance or M.C.A. Branches.

Only Governments which are bankrupt politically, and fear the awakening of the people and want to avert the wrath of the people, resort to such tactics to deny the people of their basic right to take part in politics.

I hope the Minister of Home Affairs and the Assistant Minister will take a serious view of this flagrant violation

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: There is no title as Assistant Minister in this House.

Tuan Lim Kit Siang: The Deputy Minister—I hope the Minister of Home Affairs and Deputy Minister will take a serious view of this flagrant violation of the democratic way of life, and issue directives to all Special Branch men to take their hands off and stop intimidating and harassing Opposition minded Malaysians.

Otherwise, the Police and the Special Branch will have only themselves to blame if they are regarded by the people, not as the impartial defenders of law and order, but as enemies of political democracy, enemies of the people, and enemies of the country. Thank you.

Timbalan Menteri Hal Ehwal Dalam Negeri (Tuan Mohamed bin Yaacob): Tuan Speaker, tuduhan Ahli Yang Berhormat dari Bandar Melaka bahawa pihak Polis sentiasa menakutkan orang² daripada menjadi ahli parti DAP atau menubuhkan chawangan DAP ada-lah satu tuduhan palsu dan tidak benar sama sa-kali.

Saperti Ahli Yang Berhormat itu sedia ma'alum Perkara 10 Perlembagaan Persekutuan memberikan hak kepada semua warganegara² Malaysia untuk menubuhkan persatuan² atau pertubuhan² terta'alok kepada undang² yang di-luluskan oleh Parlimen. Hak asasi ini berma'ana bahawa tiap² warganegara Malaysia ada-lah bebas menjadi ahli sa-barang persatuan atau pertubuhan politik yang telah di-daftarkan dibawah Akta Pertubuhan, 1966. Tidak siapa pun yang boleh memaksa sa-saorang

warganegara itu menjadi ahli atau sa-baleknya menakutkan orang itu supaya keluar daripada menjadi ahli sa-sabuaah parti itu. Dengan ada-nya jaminan yang termaktub didalam Perlembagaan, maka daya penarek tiap² pertubuhan itu ia-lah calibre pemimpin² dan dasar² yang di-jalankan oleh parti itu. Jika sa-saorang itu tidak mempunyai keyakinan terhadap pemimpin² parti itu akan dasar-nya, maka tidak ada apa² tekanan atau paksaan yang dapat menarek orang itu menjadi ahli parti yang berkenaan.

Tuan Speaker, tuduhan yang telah di-buat itu tadi sa-balek-nya telah menunjukkan dengan jelas-nya kedudukan parti DAP sekarang. Parti DAP sekarang ini telah mengalami "a severe set back" sejak bulan Mei, 1969. Itu terbukti oleh kerana pengaruh parti itu makin berkurangan dan DAP tidak lagi mendapat sokongan saperti pada masa lampau. Pendek kata warganegara² Malaysia sekarang ini bukan takut hendak menjadi ahli parti DAP, tetapi sa-balek-nya bosan dan telah berputus asa dengan janji² dan ucapan² kosong pemimpin² parti DAP kerana terang² bahawa puchok pimpinan parti DAP mementingkan mereka sendiri. Ra'ayat sadar ia-itu dasar parti DAP yang bersifat perkauman itu dan di-dalam bentuk yang sekarang ini tidak memberi apa² faedah kepada negara ini dan akhir-nya akan memecah-belahkan perpaduan ra'ayat negara ini. Oleh itu, ternyata-lah bahawa ucapan Ahli Yang Berhormat itu ia-lah satu di'ayah politik sahaja ia-itu untuk memberi alasan kepada ahli² parti-nya yang ada sekarang supaya jangan menyalahkan pemimpin² parti DAP yang ada sekarang, jika bilangan ahli² parti itu tidak bertambah saperti di-duga. Tuduhan parti DAP itu ada-lah saperti pepatah Melayu yang menasihat sa-orang tidak pandai menari supaya jangan mengadu tanah tinggi rendah atau di-dalam bahasa Inggeris: a bad carpenter blames the tools. Parti DAP sa-benar-nya sudah "bankrupt of ideas" sekarang ini membuat tuduhan² palsu terhadap Pegawai² Chawangan Khas Polis pula.

Mengenai tuduhan Ahli Yang Berhormat terhadap penubuhan chawangan² DAP, saya ingin mema'alumkan bahawa tidak ada sa-barang permohonan parti DAP untuk menubuhkan chawangan² yang telah di-tolak oleh

Pendaftar Pertubohan. Oleh itu, tidak-lah kena pada tempat-nya membuat tuduhan yang tidak berasas itu.

Tuan Lim Kit Siang: Penjelasan, Tuan Yang di-Pertua.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan boleh.

Tuan Lim Kit Siang: (*Dengan izin*) First of all these things happened before 1969 and after 1969—it is not just after 1969. The Deputy Minister

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Penjelasan bersangkutan pada ucapan, kalau

tidak terang. Ini bawa perkara baharu; perkara baharu tidak boleh, ucapan sudah habis.

Tuan Lim Kit Siang: Can the Deputy Minister give an assurance if such instances are reported to him, action will be taken against the Special Branch men concerned?

Tuan Mohamed bin Yaacob: I give that assurance.

Tuan (Timbalan) Yang di-Pertua: Meshuarat di-tanggohkan hingga pukul 2.30 petang esok.

Dewan di-tanggohkan pada pukul 6.40 petang.